

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Rabu 11 Mac 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismilahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**TUAN SPEAKER:** Salam Sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor yang Kedua Belas.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kali ini juga disiarkan secara langsung sepenuhnya melalui *internet webcast*. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan terus mempamerkan persembahan perbahasan yang bermutu kepada seluruh dunia.

Memandangkan cabaran-cabaran besar yang akan dihadapi oleh Negara dan Kerajaan Negeri akibat tsunami kewangan yang melanda seluruh dunia sebagaimana yang dititahkan oleh DYMM Sultan Selangor dalam titah ucapan pada hari semalam, adalah diharapkan perbahasan Ahli-ahli Yang terhormat ke atas dasar pentadbiran Kerajaan Negeri dapat memberi pandangan yang bernas dan membina bagi bersama-sama berusaha mengharungi cabaran sedemikian.

Saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Puan Elizabeth Wong Keat Ping, ADUN kawasan Bukit Lanjan tidak dapat hadir di mesyuarat kali ini kerana sedang bercuti.

Sementara itu, Yang Berhormat Tuan Monaharan a/l Malayalam, ADUN Kawasan Kota Alam Shah, juga tidak dapat hadir di mesyuarat kali ini kerana masih berada di Pusat Tahanan Kamunting di bawah Akta Keselamatan Negeri.

Kedua-dua mereka telah membuat permohonan cuti dan saya telah meluluskan permohonan mereka.

Sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat Kedua. Membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2009
  - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
  
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2009
  - Sijil Dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun 2007
  
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2009
  - Penyata Kewangan Lembaga Muzium Selangor Bagi Tahun 2007
  
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2009
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 2006
  
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2009
  - Sijil Dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
  
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2009
  - Sijil Ketua Audit Negara Dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007
  
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2009
  - Sijil Akuan Ketua Audit Negara Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 Bagi 12 PBT Negeri Selangor
    - Majlis Bandaraya Shah Alam
    - Majlis Bandaraya Petaling Jaya
    - Majlis Perbandaran Klang
    - Majlis Perbandaran Ampang Jaya
    - Majlis Perbandaran Subang Jaya
    - Majlis Perbandaran Selayang
    - Majlis Perbandaran Kajang

- Majlis Perbandaran Sepang
- Majlis Daerah Kuala Selangor
- Majlis Daerah Hulu Selangor
- Majlis Daerah Kuala Langat
- Majlis Daerah Sabak Bernam

viii) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2009

- Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2007

ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2009

- Rang Undang-undang Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor 2009

x) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2009

- Laporan Tahunan 2007 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor

xi) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2009

- Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Pada Kemudahan Seperti Mana Yang Diperuntukkan Di Bawah Seksyen 5 dan Subseksyen 6 (3), Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (SARAAN) 1980 [Enakmen No.8 Tahun 1980]

xii) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2009

- Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar .

### III. USUL

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Bahawasanya mengikut Perenggan (2) dalam Peraturan Tetap 13 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini 11 Mac 2009 dipinda bagi membolehkan Aturan Urusan Mesyuarat No. 5 dijalankan selepas Aturan Urusan Mesyuarat No. 4: Pertanyaan-Pertanyaan.



**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **USUL INI DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

#### **IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

##### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)**

##### **TAJUK : PERKHIDMATAN DATUK BANDAR DAN YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

1. Berkuasa Tempatan merupakan tahap pemerintahan pada peringkat akar umbi. Demi menjayakan visi pembaharuan Kerajaan Pakatan Rakyat, fungsi PBT amat penting. Namun demikian, kegagalan Kerajaan Negeri melantik barisan Datuk Bandar dan YDP yang baru telah melambatkan pembaharuan yang aktif di peringkat ini. Sejak bulan Julai 2008 para Ahli Majlis menghadapi pelbagai masalah mengimplementasikan visi Kerajaan Pakatan Rakyat akibat sikap Datuk Bandar/YDP dan birokrasi PBT yang menentangnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan agar mewujudkan para Datuk Bandar/YDP dan barisan Ahli Majlis yang dipilih dan akauntabiliti kepada rakyat setempat?

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Tuan Speaker, Soalan No. 1.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, secara keseluruhannya Datuk Bandar dan Yang YDP sedia ada telah memberikan kerjasama dan cuba menjayakan dasar-dasar Kerajaan Pakatan Rakyat. Kerajaan Negeri sentiasa memantau prestasi Datuk Bandar dan YDP dari masa ke semasa melalui mesyuarat berkala yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Yang Berhormat Saudara *Lady*. Mesyuarat tersebut diadakan pada setiap bulan bertujuan mengemukakan dasar baharu Kerajaan Negeri serta memantau pelaksanaan terhadap dasar-dasar tersebut oleh semua PBT. Kerajaan Negeri masih menerima rungutan dari Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan Ahli Majlis mengenai Datuk Bandar dan YDP yang dikatakan kurang memberi kerjasama mereka dan ada yang mempersoalkan keupayaan

mereka mentadbir Perbandaran-Perbandaran tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri harus bertindak secara adil menyiasat aduan-aduan tersebut supaya keputusan yang dibuat dianggap munasabah. Kita juga menggalakkan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengemukakan aduan-aduan secara bertulis atau secara lisan kepada Kerajaan Negeri dan ada baiknya membuktikannya dengan jelas dengan memberikan kita beberapa maklumat yang perlu untuk menolong kita menentukan pentadbiran Bandaraya dan pentadbiran Bandar tempatan dapat diurus dengan baik dan sempurna.

Soalan yang kedua, Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat penyelidikan memandangkan wujud masalah terkini sudut perundangan di peringkat Persekutuan. Untuk makluman Kerajaan Negeri, menerusi Jawatankuasa Tetap Kajian Penyelidikan diperuntukkan RM20,000.00 untuk menjalankan penyelidikan yang dijangka selesai pada penghujung Mac 2009. Kerajaan Negeri berharap hasil penyelidikan tersebut dapat membantu Kerajaan untuk membuat keputusan dan membuat apa-apa tindakan yang sewajarnya bagi tujuan mewujudkan semula Pilihan raya di Peringkat Kerajaan Tempatan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi ingin bertanya. Adakah kemungkinan berlaku di dalam PBT-PBT Agensi-agensi Kerajaan bahkan di Pejabat YAB Menteri Besar pembocoran rahsia Kerajaan diakibatkan oleh pihak yang menjadikan mata dan telinga musuh kemungkinan umpama dari UMNO dan BN. Contoh pembocoran dan maklumat pembelian lembu yang dihadiahkan kepada Bandar Tun Razak di Masjid Surau sempena ia Aidiladha yang lepas juga pembelian *spare parts* kereta *LEXUS* Menteri Besar yang digunakan sebagai kereta rasmi. Jika ada apakah tindakan-tindakan yang dibuat?

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, soalan ini keluar tajuk saya tak benarkan. Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Ya, soalan tambahan tadi telah diberitahu bahawa rungutan ADUN MP Ahli Majlis telah diambil kira dan dilakukan siasatan. Adakah keputusan-keputusan tertentu yang dah didapati?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN-EXCO) sudah membuat keputusan supaya membuat kajian semula tentang keberkesanan Pentadbiran-Pentadbiran Datuk Bandar dan YDP setelah satu tahun berada dalam Kerajaan Pakatan Rakyat dan pada masa ini kertas-kertas penyelidikan untuk Datuk Bandar dan YDP dan Ahli-ahli Majlis sudah mula dikumpulkan supaya kita dapat membuat keputusan tentang penambahbaikannya, supaya perjalanan pentadbiran Majlis Perbandaran dilakukan dengan sebaik-baiknya. Saya jangkakan sebelum akhir Mei ini kita boleh mengemukakan beberapa keputusan daripada segi cara pentadbiran Ahli-Ahli Majlis dan cara pemantauan terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Dato' Bandar dan YDP. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada mencadangkan beberapa cara untuk mengukuh keupayaan dan prestasi Majlis Bandaran dan ini dibentangkan dalam majlis perbincangan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ia juga bakal digunakan sebagai salah satu usaha untuk memantau dan menentukan keupayaan dan kebolehan pengurusan Dato' Bandar, YDP dan Ahli-Ahli Majlis.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI B OSMAN:** Tuan Speaker, Soalan No. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : MENGGALAKKAN BIDANG PERTANIAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan petani dan penternak di Negeri Selangor?
  - b) Sejauh manakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan golongan muda menceburi bidang pertanian?
  - c) Apakah program-program baru yang diperkenalkan untuk meningkatkan keluaran pertanian dan pendapatan petani di Selangor?

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, bantuan Kerajaan Negeri kepada para petani adalah seperti berikut: bantuan input pertanian bernilai RM10,000.00 untuk setiap peserta. Dari projek penanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa dan tanaman kontan yang bernilai RM4.7 juta. Bantuan input pertanian bernilai RM10,000 untuk setiap peserta bagi projek tanaman industri nenas dan polisi bernilai RM400,000.00. Bantuan input pertanian bernilai RM10,000 setiap peserta. Bagi projek tanaman industri bunga dan tanaman hiasan bernilai RM850,000.00. Bantuan peralatan untuk industri asas tani bernilai RM10,000.00 setiap peserta dengan nilai keseluruhan RM0.9 juta. Sementara itu bantuan daripada Kerajaan Negeri kepada para penternak adalah seperti berikut; bantuan lembu atau kambing sebanyak 30 ekor setiap peserta dengan nilai RM2,574,990. Bantuan peralatan untuk industri asas tani bernilai RM10,000.00 setiap peserta dengan nilai keseluruhan RM220,000.00. Latihan atau kursus pada penternak dengan nilai peruntukkan RM190,930.00. Bantuan pengawalan penyakit zoonotik dengan nilai peruntukkan RM299,880.00. Maklumat lanjut berhubung bantuan yang sediakan boleh diperolehi melalui Jabatan Pertanian atau Jabatan Veterinar yang terdapat di setiap daerah.

Bagi soalan kedua, Kerajaan Negeri telah berjaya untuk menggalakkan golongan muda untuk terlibat dalam industri pertanian. Ada yang terlibat dalam tanaman padi, penternakan, buah-buahan atau sayur-sayuran. Contoh syarikat-syarikat yang terlibat ialah HS Nada Sdn. Bhd. bagi projek lembu *feedlot*, MJ Fathonah dari projek lembu *feedlot*, projek kelompok ternakan udang harimau di Sg. Nipah, projek cendawan tiram di Meru dan projek kelompok tanaman tembikai di Bukit Cherakah.

Bagi soalan ketiga, Kerajaan telah merancang program-program pertanian yang menggunakan teknologi moden memandangkan kawasan pertanian yang terhad di Negeri Selangor oleh teknologi moden hasil pertanian dapat ditingkatkan walaupun di

kawasan terhad contohnya program pembangunan cendawan tiram, menggunakan efektif mikro organisma, tanaman cili dan buah secara fertigasi, ternakan ikan dalam kanvas atau *fibre glass*, projek ternakan dan cendawan di lot-lot terbiar di kawasan Bukit Beruntung dan Lembah Beringin. Pengurusan berpusat padi, perwujudan kilang yang mempunyai TNP, HACCP dan halal di Sepang.

**YB TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, saya mahu tahu tentang syarat kelayakan, proses dan prosedur untuk mendapat bantuan 30 ekor kambing bagi setiap peserta.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Peserta-peserta yang minat untuk menyertai program ini pertamanya ialah dia hendaklah menyertai kursus-kursus yang telah diaturkan atau telah memulakan program-program pertanian yang telah mereka ceburi.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya nak minta penjelasan daripada Y.B. EXCO Pertanian, di mana tadi ada 10,000 diperuntukkan untuk penanaman nenas dan bunga-bunga. Bagaimanakah dengan kita hendak memperkembangkan sektor pertanian khususnya mengeluarkan hasil padi, ini lebih penting. Adakah kerajaan bersedia untuk memberi insentif tambahan kepada para petani yang berjaya menghasilkan keluaran lebih daripada 10 tan seperti petani di Sekinchan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Sekinchan. Bagi tanaman padi untuk meningkatkan hasil penanaman padi Kerajaan telah pun menjalankan pengurusan padi berpusat dengan itu dapat ditingkatkan penghasilan penanaman padi. Ada cadangan dari Sekinchan sendiri supaya kelab 10 tan yang ada dikekalkan diberi insentif kepada mereka. Walau bagaimanapun melalui program insentif hasil pertanian, petani-petani yang menghasilkan hasil-hasil pertanian akan mendapat insentif galakkan yang disediakan oleh Kementerian Pertanian yang insentif tersebut ada di Agro Bank.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Soalan tambahan Tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kerana sebentar tadi Yang Berhormat mengatakan ada bantuan lembu, kambing yang disampaikan kepada anak-anak Selangor. Jadi sudah setahun saya dengar program '*modern pig farming area*' yang ada di kawasan Tanjung Sepat yang berjumlah 100,000.00 tetapi sehingga hari ini masih tidak ada *news*, tidak ada cerita. Jadi, boleh tak saya tahu apa perkembangan program '*modern pig farming area*' ini. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, soalan tersebut tidak ada kaitan dengan soalan yang disediakan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

3. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Sila huraikan prestasi kedudukan kewangan Kumpulan Wang disatukan Negeri secara bandingan bagi tahun 2007 dan 2008.
  - b) Sila nyatakan apakah langkah dan inisiatif yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha menambah atau memperkukuhkan kedudukan kewangan negeri dari masa ke semasa.
  - c) Sila nyatakan secara terperinci apakah implikasi jangka pendek dan jangka panjang ekoran krisis kewangan global terhadap kedudukan kewangan Negeri.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, mengenai kedudukan kewangan kumpulan wang yang disatukan secara bandingan bagi tahun 2007 dan 2008. Saya ingin menyatakan prestasi kedudukan kewangan kumpulan wang disatukan negeri, adalah memuaskan. Pertama, walaupun belum diaudit, ia bakal diaudit tidak lama lagi. Prestasi kewangan bagi tahun 2008 berakhir dengan lebih sebanyak RM46.25 juta, dengan hasil yang dipungut sebanyak RM1,513.49 juta berbanding dengan perbelanjaan mengurus sebanyak jumlah RM1,467.24 juta. Dengan peningkatan sebanyak RM46.25 juta menjadikan jumlah lebih terkumpul dalam akaun hasil yang disatukan bertambah sebanyak 7.4% dalam tahun 2008 berbanding dengan 2007.

Bagi aset pula, jumlah aset yang melibatkan wang tunai dan pelaburan 2008, berjumlah RM1,403.43 juta berbanding dengan RM1,386.74 juta pada tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 1.2%. Baki wang tunai pada akhir tahun 2008 berjumlah RM733.63 juta berbanding RM776.44 juta pada tahun 2007, iaitu penurunan sebanyak 5.51%. Kutipan hasil pada tahun 2008 berjumlah RM1,513.49 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan 2008 sebanyak RM1,483.87 juta. Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2008 berjumlah RM1,513.49 juta berbanding dengan pungutan pada tahun 2007 berjumlah RM1,285.1 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM17.77%.

Jumlah perbelanjaan mengurus pada tahun 2008 pula sebanyak RM1,467.24 juta dan jumlah wang pembangunan 96% daripada peruntukan berjumlah RM1,518.27 juta. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2008 berjumlah RM1,467.24 juta berbanding dengan RM1,153.22 juta pada tahun 2007. Sebahagian besar daripada kenaikan perbelanjaan tersebut berbentuk hasil daripada kenaikan gaji yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan melibatkan semua negeri yang menggunakan perkhidmatan awam.

Soalan kedua, mengenai Kerajaan Negeri dalam usaha menambah dan mengukuhkan kedudukan kewangan negeri dari semasa ke semasa dengan mengambil langkah dan inisiatif dalam hal merancang untuk mendapatkan segala sumber hasil Kerajaan Negeri. Antara yang dilaksanakan, pertama mensasarkan 90% kutipan cukai semasa, dan 70% tunggakan dikutip setiap daerah. Kedua, mengenal pasti dan mengkaji sumber hasil baharu, semakan bajet tahunan 3 kali setahun; memastikan perbelanjaan mematuhi dasar Kerajaan Negeri yang mengamalkan dasar perbelanjaan berhemat, iaitu menggalakkan penjimatan. Oleh sebab Kerajaan Negeri mengamalkan belanjawan berimbang, maknanya masalah kewangan itu tidak timbul dan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan sama dengan anggaran hasil yang diterima.

Walau bagaimanapun, kita menjangkakan keadaan ekonomi yang bakal berlaku berbentuk '*the down term*' dalam ekonomi kita, yang menghendaki kita memantau sepenuhnya supaya kutipan hasil itu dapat dilakukan, walaupun dalam keadaan ekonomi dalam kegawatan. Pada masa ini pengaliran cukai dianggap memuaskan namun kita perlu menentukan pengutipan itu sentiasa dipantau supaya hasilnya tidak lari daripada jangkauan kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan, Tuan Speaker, soalan no. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENCEMARAN KILANG-KILANG**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Sila nyatakan jumlah kilang-kilang yang beroperasi di Negeri Selangor yang telah dikenal pasti mengeluarkan asap dan sisa buangan yang mencemarkan alam sekitar.
  - b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan tindakan tegas diambil terhadap mereka?
  - c) Apakah langkah-langkah selanjutnya yang telah dan akan dibuat untuk memastikan kualiti alam sekitar di Negeri Selangor bertambah baik?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Berdasarkan kepada rekod Jabatan Alam Sekitar, bilangan kilang yang tertakluk di bawah peruntukkan undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 berhubung pencemaran udara seperti pelepasan asap, di mana kilang asalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 adalah sebanyak 4,127 kilang manakala kilang yang menghasilkan buangan berbahaya yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 ialah sebanyak 5,274 kilang.

Bagi memastikan kilang-kilang ini mematuhi kepada kedua-dua perundangan di atas yang melibatkan kawalan kepada pencemaran udara dan buangan terjadual, pihak

kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar Selangor telah mengambil dua (2) pendekatan berikut :-

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada dengan mengadakan pemeriksaan berkala ke atas kilang-kilang tersebut dan mengambil tindakan undang-undang terhadap sebarang pelanggaran kepada kehendak-kehendak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Di antara tindakan undang-undang yang telah dan boleh dikenakan adalah mengeluarkan Perintah Larangan ke atas premis-premis berkenaan. Di samping itu lawatan susulan yang lebih kerap akan dijalankan di atas kilang yang bermasalah dan yang melibatkan kes-kes aduan; dan
- (ii) Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran kepada sektor industri dari masa ke semasa melalui program seminar, bengkel dan dialog bagi mempertingkatkan kefahaman mereka di atas keperluan undang-undang dan usaha-usaha penjagaan alam sekitar.

Di samping kerja-kerja penguatkuasaan beberapa usaha seperti berikut juga telah diambil dan akan diteruskan bagi meningkatkan kualiti alam sekitar di negeri Selangor:

- (i) mempertingkatkan kesedaran orang awam dalam penjagaan alam sekitar melalui pelbagai program dan kempen kesedaran di semua peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan negeri;
- (ii) bekerjasama dan memberi khidmat nasihat kepada penggerak projek bagi memastikan aspek pemuliharaan alam sekitar sentiasa diambil kira dan diberi perhatian di peringkat perancangan lagi;
- (iii) memastikan projek pembangunan menyediakan zon penampungan yang mencukupi dan serasi dengan guna tanah sekeliling;
- (iv) menjalankan pemantauan di atas kualiti udara dan air di negeri Selangor secara berterusan dan
- (v) meningkatkan usaha-usaha untuk mengekalkan hutan simpan di negeri Selangor bagi mencapai sekurang-kurangnya 30%; dan
- (vi) menambah dan mengekalkan kawasan hijau di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya nak minta penjelasan dari Yang Berhormat tentang masalah pencemaran kilang-kilang. Masalah pencemaran bau busuk kilang menternak ayam Lee Hong dan Proses Baja Evergreen Organik, di Batu 14, Jalan Sempadan Kapar. Sudah lama mengeluarkan bau busuk dan diadakan oleh rakyat di sekitar situ. Saya nak Tanya kepada Yang Berhormat, bilakah kerajaan akan mengambil tindakan khas terhadap kilang tersebut, kerana sudah banyak budi bicara diberikan, banyak masa diberikan kepada kilang ni, tetapi kilang ni tetap tidak berubah dan mengeluarkan pencemaran bau busuk. Sekian terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Melalui STANCO Alam Sekitar, untuk pengetahuan Dewan, operasi untuk mencari dan kita buat pemeriksaan dalam kawasan-kawasan tertentu terus dijalankan. Selama ni telah pun tutup tiga(3) premis, yang adakan, yang pecahkan undang-undang yang telah saya katakan tadi. Tetapi yang dibawakan oleh Sekinchan, kita akan teliti dan kita akan ambil tindakan, kalau perlu dan mereka telah tak ikut peraturan atau undang-undang yang ada sekarang, kita ambil tindakan keras dan kita akan buat apa yang ada dalam Akta-akta yang kita adakan. Kalau boleh kita minta Sekinchan datang dengan kita, untuk kes-kes yang lawatan di kawasan di Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan tambahan. Kalau tadi Yang Berhormat Sekinchan cakap pasal bau busuk di Kapar, saya nak tambah di Kapar ni bukan bau busuk je tapi terdapat banyak asap tebal, yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang terdapat banyak kilang-kilang yang mengeluarkan asap di kawasan Kapar. Dan ini telah menimbulkan pencemaran terutamanya di kawasan penduduk-penduduk perumahan dan kawasan sekitar. Walaupun tindakan penguatkuasaan telah diambil tetapi nampaknya penguatkuasaan ini tidak dilihat berkesan. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan negeri khususnya bagi memastikan bahawa masalah asap tebal yang mencemarkan ini dapat di atasi dengan segera.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, kilang ini di dalam tindakan Pejabat Tanah Kuala Selangor, kita telah beritahu untuk berpindah dalam kawasan. Kita akan ambil tindakan yang tegas.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, pembetulan, Tuan Speaker, bukan di daerah Kuala Selangor, daerah Klang.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Daerah Klang, kita akan ambil tindakan yang tegas.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, soalan no. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH (SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PENGAMBILALIHAN SYARIKAT URUSAN AIR**

5. Kerajaan Negeri Selangor berhasrat mengambil alih 4 buah syarikat urusan air dengan jumlah wang sebanyak RM3.1 bilion.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Dari sumber manakah jumlah wang yang begitu besar diperoleh?
- b) Bilakah pengambilan keempat-empat syarikat ini dapat diselesaikan?



c) Adakah pengambilan projek syarikat urusan air akan membebankan kerajaan negeri dan khasnya rakyat negeri Selangor?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih banyak, Sungai Pelek. Saya hendak mengambil sedikit masa untuk menerangkan tentang usaha pengambilan syarikat urusan air bagi negeri Selangor. Ini perlu dijelaskan sebab usaha ini menelan belanja begitu banyak wang.

Oleh sebab penswastaaan air Kerajaan Persekutuan tidak memberi kesan yang positif kepada pembeli air dan pengguna air, ia tidak memberi kesan positif terhadap peningkatan kualiti air. Hal ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan meminta kerajaan-kerajaan negeri di seluruh Semenanjung supaya bersetuju diadakan satu undang-undang yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, iaitu disusun semula struktur pentadbiran pengurusan air di tiap-tiap negeri. Dan dengan secara holistik, maknanya sebagai contoh di negeri Selangor ini, oleh sebab terdapat penswastaaan, terdapat 4 syarikat yang sudah diberi konsesi untuk mengendalikan operasi air.

Empat syarikat konsesi air tersebut terdiri daripada ABAS, SYABAS, PUNCAK NIAGA dan SPLASH. Tetapi mengikut kajian Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi, mereka bersetuju untuk menyusun semula industri air di Selangor. Perkara ini diputuskan dan dibincangkan pada tahun 2007. Keputusan kabinet dibuat pada Februari tahun 2008, yang meminta penyusunan semula air di negeri Selangor perlu diadakan secara holistik. Maknanya, keseluruhannya ia bakal diurus oleh anak syarikat milikan kerajaan negeri Selangor.

Kedua, penyusunan semula ini dibuat secara bersama antara Kerajaan Negeri dengan kerajaan Persekutuan yang bakal mengambil alih syarikat-syarikat konsesi tersebut. Dalam usaha untuk mengambil alih kesemua syarikat konsesi tersebut, kita mesti terlebih dahulu menilai aset syarikat-syarikat konsesi tersebut. Nilainya dan cara kita hendak mengambil alih, Kerajaan Negeri sudah mengadakan penyelidikan dan ditubuhkan *review tunnel* yang diketuai oleh saya sendiri, untuk mengkaji cara penyusunan semula ini dapat dilakukan supaya memberi kesan yang sangat baik untuk negeri Selangor dan juga pengguna-pengguna air dalam negeri Selangor.

Kajian tersebut merangkumi, antaranya mengira aset-aset air milikan konsesi-konsesi tersebut. Kita kira, kita buat penilaian. Di samping itu, saya berpendapat kalau Kerajaan Persekutuan berpendapat ia ingin mengambil alih pengurusan aset air, maknanya semua air, aset-aset air ini hendak diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan sebagai satu langkah yang membolehkan Kerajaan Negeri menyusun semula industri air secara holistik ini. Jadi, dengan cara itu, saya berpendapat kita juga mesti mengambil kira nilai aset air yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, yang melibatkan aset air yang dimiliki oleh SYABAS, PUNCAK NIAGA, SPLASH dan ABAS. Satu perkara yang paling menarik iaitu hanya 30% daripada aset-aset air dimiliki oleh konsesi dan 70% dimiliki oleh Kerajaan Negeri. SYABAS yang menyusun air dan mengalirkan air itu tidak mempunyai aset air tetapi ia hanya menyewa daripada Kerajaan Negeri dan sewanya pun terlalu rendah, dan saya agak malu hendak menceritakan bagaimana SYABAS boleh, yakni perjanjian itu boleh dilakukan. Tetapi daripada kiraan kita dan telah diserahkan kepada Kementerian, jumlah aset Kerajaan Negeri, kalau diukur dengan cara *replacement value* melebihi 9 bilion.

Saya juga membuat kiraan tentang nilai aset yang dimiliki oleh konsesi, nilai aset, dua cara kiraan. Pertama nilai asetnya, kedua *value*, nilai untuk kita beli balik konsesi, kalau tidak dia tak mahu jual. Kita mesti ada apa yang disebut *exit value*. Maka, penilaian yang dibuat oleh Kerajaan Negeri membuat kenyataan yang jelas bahawa konsesi tidak rugi daripada segi penyusunan semula itu. Tetapi konsesi tidak boleh untung terlalu banyak sebab kalau dia untung besar yang kena bayar tentulah pengguna air. Jadi dalam kiraan kita, nilai konsesi secara keseluruhan di campur dengan *exact value* tidak lebih lima perpuluhan lima bilion ataupun secara senang kiraannya, lima perpuluhan lima ke enam bilion.

Soalan saudara; bagaimanakah caranya kita membayar konsesi air itu jika kita serahkan aset Kerajaan Negeri? Kerajaan Persekutuan boleh memulangkan kepada kita sembilan bilion. Lepas itu kita bayar lima perpuluhan lima atau enam bilion dan itu caranya dan saudara tidak perlu bayar *investment banker* untuk kerja ini. Kedua, saya nak tunjukkan kiraan *asset value*, iaitu cara mengira supaya pemilik-pemilik saham, syarikat-syarikat konsesi tersebut tidak rugi. Caranya: kalau dia masuk seratus juta satu tahun, saya kira, kalau dia berada dalam konsesi itu selama lima tahun, saya hendak kira pulangannya setiap tahun. Jadi kita memberi pulangan tidak kurang daripada 12% setiap tahun, iaitu pulangan daripada nilai saham yang dia masuk. Jadi, kalau dia masuk seratus juta, dia simpan dan urus konsesi itu selama lima tahun, kita kira dia boleh dapat dua ratus juta. Maknanya, dia masuk seratus juta dia dapat balik dua ratus juta dan dia tidak rugi daripada segi aset sebab aset itu semuanya kita beli.

Walau bagaimanapun ada juga konsesi yang mengharapkan dia masuk seratus juga dia nak satu ribu juta. Maknanya itu pulangan sebanyak tujuh puluh lapan peratus ke seratus lima puluh peratus setiap tahun. Jadi itu kita anggap agak keterlaluan maknanya *a big giddies* sebab kerana rakyat kena membayar harga tersebut. Jadi saudara tanya soalan yang pertama.

Soalan pertama, bagaimanakah sumber jumlah wang yang besar diperolehi, iaitu melalui penyusunan semula aset-aset air Negeri Selangor dan mengikut cara yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan? Maknanya, cara itu sudah diluluskan dalam Parlimen pada tahun 2006 dan 2007. Itu termaktub dalam Akta Penyusunan Semula Air Untuk negeri-negeri dalam Semenanjung. Kedua, bilakah empat konsesi ini dapat diselesaikan? Kita menjangkakan diselesaikan pada 31 Mac 2009. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan perubahan minda dalam Kerajaan Persekutuan kerana sesetengah daripada pemikiran dalam Kerajaan Persekutuan masih lagi hendak memberikan konsesi kepada pemilik-pemilik konsesi sekarang. Boleh jadi dia memilih satu daripada mereka dan kita nyatakan kepada Kerajaan Persekutuan, janji sudah dibuat. Penyusunan semula air ini mesti dilakukan melalui penyusunan semula air aset, air di Negeri Selangor dan ditadbir dalam Kerajaan Negeri Selangor. Ini sudah dijanjikan sebelum 8 Mac tetapi kita teruskan sebab penyusunan semula air ini sangat penting kepada rakyat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Sebab penyusunan air ini tidak berlaku, menyebabkan kenaikan harga air melebihi 37% untuk menampung dan menolong konsesi air ini mencari modal untuk menyelesaikan masalah operasi.

Kerajaan Selangor menyatakan tiga perkara kepada Kerajaan Persekutuan. Pertama, kalau Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan syor dan cadangan Kerajaan Negeri mengambil alih konsesi tersebut dengan nilai RM5.5 bilion dan mengambil alih harta aset Negeri Selangor berjumlah RM9 bilion, maka Kerajaan Negeri Selangor berjanji tidak menaikkan harga air sebanyak 37 peratus. Kedua, harga air mungkin diturunkan,

dan ketiga, 20 meter padu air percuma diteruskan selama-lamanya kerana rakyat Selangor berhak memiliki aset air dan air di Negeri Selangor. Oleh itu, saya berharap ini merupakan projek yang sangat penting untuk rakyat Selangor dan ini bukan isu politik tetapi isu rakyat. Kebaikannya, pemberian air percuma kepada rakyat Negeri Selangor tanpa mengira perbezaan bangsa atau fahaman politik. Oleh itu, saya berharap Majlis dan Dewan Undangan Negeri ini menerima hakikat bahawa kita mesti balik kepada cara asal sebab penswastan yang dilakukan memberikan keuntungan yang terlalu besar kepada mereka yang mendapat konsesi dan tidak mempunyai kebolehan apa pun dalam hal mengurus air. Pengarah Urusan Puncak Niaga pula mengenakan bayaran pengurusan melebihi RM700 ribu setahun untuk menolong mengurus air yang dia sendiri syarikat tidak mempunyai keupayaan. Dan untuk hasil pendapatan ini beliau sanggup menerima sebanyak lima juta sebagai pampasan pada setiap tahun kerana pengurusan tersebut. Sebaliknya, hal ini tidak berlaku apabila Kerajaan Negeri mengambil alih konsesi-konsesi air dan menterjemahkan pemberian itu kepada semua rakyat Selangor. Insya-Allah.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar dan barisan Kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya Syabas telah tidak mematuhi banyak syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian di antara dengan Kerajaan Negeri. Antaranya melakukan *direct* NEGO tanpa tender dengan syarikat-syarikat tertentu. Jadi apakah maklum balas daripada Kerajaan Persekutuan dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap keadaan seperti ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Perkara ini kita anjurkan dan kita beritahu kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengambil tindakan. Sebab SYABAS menggunakan lebih RM600 juta dalam usaha membaiki paip-paip yang rosak tetapi cara pemberian kontraktor tersebut tidak dilakukan secara tender sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian yang dibuat antara Kerajaan Negeri Selangor dengan SYABAS. Dan ini merupakan perkara yang membolehkan kita menamatkan perjanjian tersebut. Tetapi bagi saya, yang paling penting, kita mesti mengambil alih itu sebagai keputusan terakhir. Kita ingin mengambil alih konsesi air terutamanya Syabas supaya kita dapat uruskan dengan lebih baik dan SYABAS boleh mendapat pulangan yang kita janjikan mengikut nilai aset. Tetapi kalau dalam keadaan mereka tidak menerima cadangan, opsiyen yang kita boleh buat ialah "membatalkan kontrak tersebut. Dengan cara itu kita juga dapat mengambil alih. Bagi saya juga, yang paling penting penyusunan semula ini dapat dilakukan dengan cara tertib dan teratur supaya hasilnya dapat kita kembalikan semula air negeri Selangor, dengan cara yang sebaik-baiknya. Dan hasilnya, memberi kebaikan kepada semua pembeli air di seluruh Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Rasa saya Yang Amat Berhormat kita lebih pandai berniaga sebab daripada apa yang jawapan yang dibagi itu menunjukkan sebagai seorang yang korporat, lebih pandai dia berniaga daripada berpolitik. Jadi bagi saya sebagai seorang wakil rakyat dan sebagai seorang pengguna.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Rasa saya memang kita harap apa barang atau air yang kita pakai itu murah, memang. Jadi kira punya kira tadi Yang Amat Berhormat bagikan jawapan apakah takrif air atau harga air sudahkah dikira selepas diambil semua konsesi air ini dalam perjanjian. Berapa takrif air yang akan diadakan selepas pengambilannya ini? Dan lagi satu soalan tambahan rasa saya Yang Amat Berhormat merupakan seorang Ahli Parlimen kenapa bolehkah Yang Amat Berhormat bawa atau membantah di dalam Sidang Dewan Parlimen. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih terhadap sokongan saudara. Pertama, saudara semua dalam dewan ini juga merupakan pengguna air. Hal air ini sangat penting bukan kerana saya, tetapi demi generasi kita masa hadapan. Kedua, berdasarkan kiraan kita, kiraan itu berasaskan harga yang kita hendak beli daripada RM5.5 bilion RM6 bilion. Tetapi harga ini tidak lebih daripada harga yang sekarang dia ada. Biasanya, dalam kiraan *business* kita mengira kita boleh dapat keuntungan lebih kurang 10 peratus tetapi kalau Kerajaan Negeri bersetuju kita tidak boleh sampai begitu untungnya. Kita untung hanya 5 peratus dan mungkin terjadi kejatuhan 10 peratus lagi harga air. Oleh itu, bukan sahaja kita tidak mengekalkan harga air, sebaliknya kita juga mengurangkan harga air. Oleh itu, kalau satu hari Yang Berhormat ada masa saya boleh meminta teman-teman dalam panel penilaian semula air bagi menerangkan perkara ini sebab kita mesti memperjuangkan perkara ini seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan semalam, iaitu daripada segi isu ekonomi dia perlu mengatasi ideologi politik. Oleh itu, saya berharap kita menerima cadangan ini sebab ini telah difikirkan saya telah membaca beberapa kertas kerja yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini. Dan dia bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini nasib saya baik saya dapat menyelesaikan masalah ini dan ini mesti diselesaikan. Oleh itu, kita jangan harap Kerajaan Negeri memberi balik konsesi ini kepada pihak swasta. Ini tidak menyelesaikan masalah ini, walhal ia mesti diselesaikan. Terima kasih kerana mengambil masa Yang Berhormat semua.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker soalan nombor enam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KONTRAKTOR ALAM FLORA**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah status pelantikan kontraktor baru Alam Flora di semua PBT dan apakah cara yang diguna pakai untuk pelantikan kontraktor ini?
  - b) Berapakah tempoh kontrak dan bagaimanakah kontrak mereka boleh ditamatkan jika prestasi tidak memuaskan?

**YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI:** Terima kasih daripada Subang Jaya. Pada masa sekarang Alam Flora Sdn. Bhd. telah pun menandatangani perjanjian

dengan satu PBT sahaja iaitu MPSJ. Perjanjian dengan lain-lain PBT sedang dalam proses semakan dan akan ditandatangani dalam tempoh masa terdekat selari dengan proses penyusunan semula *rezoning* kontraktor-kontraktor baru untuk menjalankan kerja-kerja sisa-sisa pepejal di Negeri Selangor. Saya nak menerangkan Tuan Speaker oleh kerana masalah pengurusan sisa pepejal ini yang melibatkan Alam Flora terutamanya telah menghiasi dada-dada akhbar, televisyen dan sebagainya dan Y.B. daripada Semenyih adalah di antara orang-orang yang begitu prihatin menghimpunkan orang di Semenyih untuk berpiket, berdemonstrasi dan sebagainya dari satu segi saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat. Tetapi apa yang saya nak sebutkan perubahan telah berlaku kalau kita lihat Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini melakukan perubahan demi untuk rakyat bagaimana yang diterangkan tentang masalah kita mengambil alih air daripada syarikat konsesi-konsesi itu. Dan keseluruhannya hutan kita tengok balik, tanah kita tengok balik, Kerajaan Tempatan kita tengok balik, agama kita tengok balik, Masjid kita tengok balik sebab antaranya pengurusan-pengurusan cara yang lepas itu kalau dibandingkan dan kita lihat baik dan buruknya kita dapati perlu ada pembaikan-pembaikan dan setengahnya perlu ada pemulihan-pemulihan. Jadi saya nak sebutkan untuk Yang Berhormat Semenyih pertamanya kenapa kita mengurus balik keseluruhan pembahagian kontrak-kontrak di bawah Alam Flora dan sebagainya itu. Pertama sekali saya nak beritahu lantikan kontraktor dibuat di peringkat PBT, Sementara Alam Flora hanya mengeluarkan surat lantikan, amalan ini tidak selari dengan kehendak perjanjian yang telah ditandatangani di antara Alam Flora dengan PBT, itu penting. Dia ada Alam Flora menandatangani perjanjian dengan PBT-PBT dalam perjanjian itu tersebut bahawa kuasa mutlak untuk melantik kontraktor-kontraktor ini terserah kepada Alam Flora dan kita nak tengok balik sama ada bagus tak cara itu atau tidak bagus cara itu. Kalau tidak bagus dua-dua tidak bagus kita nak cari satu cara yang boleh membaikkkan keadaan dan pengguna-pengguna terutama mereka yang duduk di kawasan PBT-PBT akan mendapat faedah maksima daripada proses pembaikan itu.

Nombor dua tidak wujud garis panduan yang jelas mengenai pelantikan kontraktor oleh PBT-PBT terutama yang berkaitan dengan Kriteria-kriteria yang diguna pakai dalam membuat lantikan tersebut. Ketiga terdapat kontraktor yang diberi kerja lebih daripada satu kawasan PBT. Dan terdapat juga mereka yang memperolehi kontrak kerja di PBT-PBT yang lain dapat di PBT yang lain, dapat juga di satu-satu PBT yang lain. Akhirnya seolah-olah monopoli ada syarikat seolah-olah monopoli. Yang keempat tidak ada proses pengundian dibuat nilai kontrak dan lot tempat kerja ditentukan secara *abiteleri*. Lima terdapat kontraktor yang diberi kerja sejak dari awal sepuluh tahun yang lalu hingga ke hari ini dan mereka terus memohon untuk disambung kerja. Keadaan ini sudah tentu mengucupkan peluang kontraktor-kontraktor yang lain. Enam terdapat kontraktor-kontraktor yang menggunakan berbagai-bagai nama syarikat walhal syarikat-syarikat tersebut dimiliki oleh orang yang sama di beri kerja sama ada dalam PBT yang sama atau merentasi PBT yang lain. Tujuh lot-lot kawasan operasi yang agak besar dengan nilai kontrak yang agak besar, saya nak beritahu teman-teman yang memang *familiar* dengan hal kontrak-kontrak ini terutama teman-teman yang sebelah sana. Ada kontraktor-kontraktor yang dapat mencecah dua ratus ribu sebulan, ada kontraktor yang dapat dua ribu sebulan, bayangkan dia punya jurang di antara yang satu dengan yang lain, inilah yang berlaku. Dan pemberian kontraktor kepada mereka yang dapat yang besar dekat dua ratus ribu sebulan, dua ratus ribu sebulan itu dibuat secara *abiteleri* sahaja. Dia kenal di dapat, tak kenal tak dapat. Kemudian yang kelapan kajian rambang yang dibuat menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada kontraktor-kontraktor yang dilantik mempunyai kaitan langsung dengan parti politik tertentu.

Sebahagian memegang jawatan-jawatan penting di peringkat bahagian dan cawangan, ini menyebabkan ujud kuasa dan tekanan politik yang menimbulkan suasana dan keadaan yang negatif. Kerajaan Pakatan Rakyat menyusun balik perkara ini susun balik untuk menentukan setiap orang yang tinggal di kawasan PBT dapat menikmati hasil kerja, nilai pengurusan yang ada *exact value* yang ini kita sedang usahakan. Dan pada masa yang sama kita sedang membaca *system, the whole system has been change*. Kalau tidak maka sistem yang ada sekarang ini akan berterusan kalau sistem ini berterusan segelintir sahaja kontraktor-kontraktor benar-benar dapat faedah sebahagian besar daripada kontraktor-kontraktor hanya mendapat tempas sahaja daripada usaha yang dibuat ini. Saya nak menyebutkan Tuan Speaker sedikit sahaja lagi di bawah sistem yang baru langkah-langkah yang berikut telah diambil dan sedang diguna pakai ini sistem yang baru. Pertama mewujudkan panel kontraktor yang berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Selangor. Penubuhan panel ini untuk menentukan pengagihan kontrak yang lebih adil dan saksama. Kedua (A) merumuskan garis panduan pemberian kontrak di bawah Alam Flora seperti berikut, berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Selangor. (B) Kedudukan kewangan agak kukuh dan munasabah (C) Tidak mensubkontrakkan, kontrak yang diberikan (D) Tidak mengalibabakan kontrak yang diberikan. (E) Boleh-boleh mendapat kontrak mengikut alamat syarikat yang didaftarkan dan (F) bersetuju menghadiri program-program latihan terutama yang berkaitan dengan pembentukan sahsiah diri, sikap positif dan berjaya juang serta berjaya tahan yang tinggi. Selain daripada kriteria-kriteria di atas pihak Alam Flora yang menjadi agensi pemilih utama mempunyai kriteria teknikal tersendiri yang mesti dipenuhi oleh kontraktor-kontraktor yang terpilih seperti (A) mempunyai trak rekod yang baik. (B) Pendaftaran syarikat yang masih sah. (C) Mempunyai peralatan dan kelengkapan yang mencukupi dan mengikut spesifikasi yang diperlukan. (D) mempunyai *riffle* untuk rujukan prestasi (E) Menjalani ujian yang menjurus kepada kerja-kerja yang akan disempurnakan (F) Menyertai lawatan tapak. (G) Menyertai pengundian untuk menentukan lot-lot kerja yang akan dibekalkan. Akhirnya Tuan Speaker berpandukan kepada pernyataan-pernyataan pensyaratan Kerajaan Negeri berserta dengan pensyaratan Alam Flora adalah diharapkan perkara berikut dapat ditonjolkan. (A) Pengagihan kontraktor yang lebih tulus dan adil. (B) Terbuka peluang yang lebih luas dalam mana melalui proses pengezonan semula, lebih banyak lot-lot kerja telah dihasilkan dan ini membuka pintu penyertaan yang lebih luas. (C) Nilai kontrak yang agak seragam yang dijangka dapat menyara syarikat selain daripada memperolehi keuntungan yang sewajarnya (D) Tidak ada dominasi mana-mana parti politik (E) Akan berkurangan suasana politik dalam usaha pembahagian kontrak di bawah Alam Flora (F) Satu syarikat yang mempunyai satu kontrak dalam satu-satu masa (G) Melalui sistem pemantauan komputer oleh Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri Selangor mudahnya kenal pasti syarikat-syarikat yang cuba mendapatkan kontrak lebih daripada satu kontrak. (H) ` Akan diwujudkan sistem *rotate* bertujuan untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada semua kontraktor yang berdaftar untuk mendapat faedah dengan usaha ini. Akhirnya tempoh kontrak adalah hanya satu tahun sahaja. Penyambungan kontrak adalah bergantung sepenuhnya dengan prestasi yang ditunjukkan dalam tempoh tersebut. Tuan Speaker sekian.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masa enam puluh minit untuk pernyataan sudah tamat dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan urusan seterusnya.

**BENTARA DEWAN:** Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** *Bismillahir rahmannir rohim.* Assalamualaikum WBT. dan Salam sejahtera. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-undang Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, ketua-ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Daerah. Saya mohon izin untuk membaca satu usul yang berbunyi seperti berikut: Ampun Tuanku, Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Undangan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih dan menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya mesyuarat pertama pembukaan penggal kedua persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang kedua belas.

Tuan Speaker bukan lebah sebarang lebah, lebah di hinggap di dahan cempaka, bukan sembah sebarang sembah, sembah kasih adat pusaka. Alhamdulillah kita bersidang di pagi ini tak kala kita sedang menyambut ulang tahun yang pertama pentadbiran baru Kerajaan Negeri Selangor yang diterajui oleh Pakatan Rakyat. Kita mengingati keputusan rakyat dan kematangan rakyat yang dibuat setahun yang lalu, rakyat Selangor nyata lebih bijak dari dukun dan pawang politik. Seorang pawang politik yang tersohor dari sebuah Kampung di Tanjung Karang meramalkan Barisan Nasional akan menang besar maka bertebaranlah juak-juaknya dengan slogan pembangkang sifar. Politik fitnah dan politik durjana sarat di pasaran, dana yang besar ditaburkan sebagai umpan termasuk rasuah politik melalui projek-projek pembangunan namun dengan segala keterbatasan rakyat bangkit untuk melawan kefasadan, melawan pemerintah, rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Rakyat mendukung agenda reformasi dan memberikan mandat kepada Pakatan Rakyat untuk membawa perubahan kepada sistem kenegaraan kita maka terbukalah lembaran baru dalam politik Malaysia. Tahniah kepada rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker rakyat Negeri Selangor lebih sejahtera di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat berbanding dengan UMNO dan Barisan Nasional selama lima puluh tahun memerintah. Walaupun ada percubaan untuk menggugat pentadbiran Negeri Selangor susulan pembentukan Kerajaan Haram tajaan UMNO Perak melalui rampasan kuasa yang kotor dan jijik dengan penculikan, ugutan dan sogokan rasuah, jutaan ringgit namun rakyat di Negeri Selangor semakin matang dan mantap menyokong pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Tuan Speaker menurut pol *survey* yang dibuat oleh Chin Siew Lina Pol pada lapan Mac 2009 dapatan menunjukkan lebih tujuh puluh tujuh peratus rakyat Selangor berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Dato' Menteri Besar. Kerajaan pilihan rakyat ini akan terus memikul tanggungjawab yang diamanahkan untuk memimpin merancang dan melaksanakan pembangunan ekonomi negeri biarpun dalam situasi ekonomi global yang kian mencabar. Banyak lagi peperangan yang mesti kita menangi, raikanlah kemenangan rakyat dengan penuh sikap tawaduk dan bersedia menghadapi cabaran yang lebih getir bulan-bulan mendatang menjanjikan halangan baru yang memperlihatkan wajah sebenar Rejim UMNO yang sanggup menggunakan undang-undang kuku besi dan politik kedurjanaan atau grata politik untuk menghalang kemaraan rakyat.

Tuan Speaker, saya juga panjatkan rasa syukur terhadap Allah SWT kerana pada pagi ini kita dapat berhimpun di dalam dewan dan bukan di bawah pokok. Kita amat bersimpati dengan teman-teman kita di Perak. Saya yakin yang Y.A.B. Menteri Besar Negeri Perak yang sah Dato' Seri Mohamad Nizar Jamaluddin dan pimpinan Pakatan Rakyat di negeri Perak akan terus diberikan kekuatan untuk mara ke hadapan bagi mempertahankan '*Legendthy Mercey of the state government*' dengan izin yang dipilih oleh rakyat melalui sistem demokrasi dalam pilihan raya umum ke-12. Biarlah UMNO menang secupak tapi kalah segantang. Suara rakyat suara keramat Makkal Sakhti akan sekali lagi berkumandang di Bukit Gantang, Bukit Selambau dan Batang Air. Tuan Speaker, ada ruang untuk berucap selepas ini. Kuang, Taman Templer, boleh kalau nak celah pun boleh, nak berbahas pun boleh. Tuan Speaker, jangan kita memperlekehkan mesyuarat di bawah pokok. Semalam Menteri Kewangan di dalam Parlimen mempersendakan di Perak dengan mengatakan bahawa pembangkang sering berbalah sehingga ke bawah pokok. Inilah manusia yang tidak faham tradisi Islam. Mari kita mengajak Menteri Kewangan dalam satu majlis tazkirah. Baginda Rasulullah SWT pernah melakukan dua bai'at yang termasyhur iaitu Bai'at Akobah dan Bai'at Rehuan. Izinkan saya membaca sejarah tradisi Islam ini Tuan Speaker. Bai'at Akobah erat hubungannya dengan peristiwa hijrah sedangkan Bai'at Redhuan erat hubungannya dengan perjanjian Hudaibiah. Pada bulan Zulhijah tahun 6 Hijrah, Nabi Muhammad SWT telah keluar dari Madinah dengan 1400 sahabat menuju ke Mekah untuk menunaikan Umrah. Baginda telah memaklumkan kepada semua suku kaum Kabilah yang bakal dilalui oleh baginda dari Madinah ke Mekah bahawa tujuan rombongan baginda adalah untuk umat Islam menunaikan Umrah bukan untuk berperang. Inilah yang dilakukan oleh Dato' Seri Nizar, dia beritahu pada UMNO dan Barisan Nasional, dia beritahu dengan FRU dan polis dia nak pergi ke Dewan Undangan Negeri bukan untuk bertempur tetapi untuk menyelamatkan rakyat di Negeri Perak. Akhirnya, tibalah baginda dan para sahabat di satu tempat yang bernama Hudaibiah yang jaraknya hanya beberapa batu dari kota Mekah. Pemimpin Quraisy Mekah bimbang dengan kedatangan baginda ke Kota Mekah. Mereka mendakwa tujuan utama umat Islam adalah untuk menakluk Mekah. Maka Quraisy membuat persiapan untuk berperang di bawah pimpinan Khalid Ibnu Walid dan Ikhrimah bin Abu Jahal. Maka Rasulullah swt segera memutuskan Osman bin Affan ke Mekah untuk memaklumkan kepada pemimpin Quraisy supaya mereka jangan bimbang dan meyakinkan mereka bahawa kedatangan baginda umat Islam dari Madinah bukan untuk berperang tetapi sekadar untuk menunaikan ibadah Umrah. Osman bin Affan berada di Mekah dalam masa yang agak lama untuk meyakinkan Quraisy tetapi kelompok Quraisy tetap enggan percaya apa yang Osman sampaikan sehingga sampai berita kepada baginda Rasulullah SWT bahawa Osman bin Affan telah dibunuh oleh kelompok Quraisy. Nabi Muhammad berazam untuk menuntut bela di atas kewafatan Osman. Lalu baginda segera menghimpun seluruh sahabatnya untuk berbai'ah atau berikrar atau bersumpah setia memerangi Quraisy. Bai'at ini lah yang dinamakan Bai'at Redhuan yang bermaksud semua orang yang beriman dalam Bai'at ini akan mendapat keredaan Allah SWT. Mereka sanggup mati syahid dan tidak akan lari dari medan pertempuran semata-mata mengharap keredaan Allah. Bai'at Redhuan ini juga dinamakan dengan Bai'at Tahta Sejarah yang bermaksud Bai'at bawah pokok kerana bai'at tersebut dilakukan oleh baginda di bawah pokok. Bai'at bawah pokok ini Tuan Speaker, dinyatakan sendiri oleh Allah SWT di dalam firmanNya dalam surah Al-Fath ayat 18 yang bermaksud "*sesungguhnya Allah telah reda terhadap orang-orang mukmin ketika mereka berjanji setia kepada mu di bawah pohon maka Allah mengetahui apa yang ada dalam hati mereka lalu menurunkan ketenangan atas mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat*". Pengajaran daripada ayat ini ialah



Allah meminta kita semua bertenang termasuk Pakatan Rakyat di Negeri Perak kerana kemenangan untuk kita sudah semakin hampir, Insya-Allah. Setelah bai'at ini di adakan oleh Rasulullah tiba-tiba Osman bin Affan muncul kembali dalam keadaan selamat tanpa sedikit pun mengalami kecederaan. Allah masukkan rasa takut dan gerun di dalam hati orang-orang Quraisy walau pun sebenarnya pada zahirnya persiapan ketenteraan dan kekuatan mereka lebih mampu mengalahkan umat Islam yang berada dalam serba kekurangan sama ada persenjataan dan perbekalan. Lanjutan daripada peristiwa inilah akhirnya munculnya perjanjian damai Hudaibiah. Tuan Speaker, kalau Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, boleh faham falsafah dan semangat perjanjian damai Hudaibiah saya kurang mengerti mengapa Menteri Kewangan tidak faham. Saya kurang mengerti mengapa pemimpin UMNO tidak faham kerana mereka lebih berminat dengan pertempuran yang akan berlaku minggu hadapan dengan rasuah, dengan politik wang, maki hamun dan fitnah dan mudah-mudahan kelompok ini akan dimusnahkan oleh Allah SWT. Tuan Speaker, hari ini juga wujud banyak dialog mengenai siapa lebih Melayu daripada siapa. Amat malang sekali apabila hujah dilontarkan itu terlalu dangkal dan beremosi dengan meniupkan semangat dan slogan ketuanan kaum. Maka ada kaum lain atau kelompok Melayu lain yang akan menjadi sasaran. Oleh itu, marilah kita menyingkap sejarah Melayu bagi menjawab segala persoalan siapa penderhaka. Saya ingin merujuk kepada ungkapan yang telah dizahirkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim Ketua Pembangkang dalam dewan rakyat beberapa hari yang lalu sempena menyambut Ulang tahun Pertama Pentadbiran Pakatan Rakyat. Rakyat berdepan dengan propaganda UMNO yang menggembelng emosi tiga R, *Race, Religion and Royalty*, Bangsa Agama Dan Raja. Tiga isu emotif ini bertapak dan mempunyai akar yang meresap dalam psikologi orang Melayu. Sekiranya rakyat tidak dapat penjelasan yang kukuh dan persuasif tentang isu ini mereka akan diperdayakan dengan pujukan simbol-simbol bangsa agama dan raja dan akan mengakibatkan pemikiran mereka kembali sempit, mundur dan kembali ke zaman feudal. Bertentangan dengan semangat perjuangan pahlawan seperti Dr. Borhannuddin Al-Helmi, Dato' Onn Jaafar, Ahmad Bustamam dan pendeta bangsa. Kita meyakini Pakatan Rakyat mempunyai hujah yang cerah, jitu dan persuasif untuk menangani propaganda UMNO yang memperolokkan simbol-simbol bangsa agama dan raja yang semata-mata digunakan untuk mengekalkan kekuasaan dan menutup pekung rasuah, jenayah dan penyalahgunaan kuasa. Tuan Speaker, izinkan saya membaca kenyataan atau deklarasi pimpinan Pakatan Rakyat bertarikh 8 September 2008 yang antara lain menyebut "kami sekali lagi mengulangi pendirian menjunjung prinsip-prinsip dasar yang termaktub di bawah perlembagaan persekutuan, ini termasuk soal-soal dasar seperti kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan menjamin kebebasan dan mengamalkan agama-agama lain. Kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan mempertahankan hak bahasa ibunda, kedudukan dan kedaulatan institusi raja-raja Melayu serta kedudukan hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta hak-hak semua kaum yang telah dijamin oleh perlembagaan. Deklarasi ini telah ditandatangani oleh Y.B. Encik Lim Kit Siang, Y.B. Dato' Seri Abdul Hadi Awang dan Y.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ketuanan rakyat yang kita maksudkan adalah demokrasi yang matang di bawah naungan raja berperlembagaan. Saya merasa cukup tersentuh dan terharu dengan titah Tuanku semalam yang secara terang-terangan Tuanku bertitah bahawa demokrasi bermakna rakyatlah yang menentukan hala tuju masyarakat mereka. Demokrasi yang matang adalah demokrasi yang mana rakyatnya perkasa, jiwanya merdeka, akalnya pintar, tindakannya dipandu oleh prinsip moral dan idealisme. Rakyat yang merdeka jiwanya tinggi akal budinya sentiasa cintakan keadilan semua. Puan Speaker, Martin Luterking pernah menyebut dengan izin " *We shall not be judge by the colour of our skin, but by the content of the our character*". Kita tidak diukur dengan

warna kulit kita tetapi kita diukur dengan mengikut akhlak kita. Al-Quran juga menganjurkan konsep Lita'arafu, agar kamu saling kenal mengenali dan kita mesti yakin dengan jati diri kita sendiri dan berusaha mengenali yang lain dan meraikan perbezaan dan persamaan. Sekarang propaganda UMNO telah memutarbelitkan isu raja-raja Melayu untuk menimbulkan kekeliruan dan kekeruhan di dalam pemikiran rakyat. Kekuruhan ini perlu dijernihkan kembali. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan tatkala UMNO gagah, pimpinan UMNO bergelut merebut kekayaan tetapi sebaik sahaja tergugat kekuasaan mereka beralih menjadi pengemis-pengemis untuk mendapat dukungan dengan laungan ketuanan Melayu dan daulat tuanku. Isu raja-raja Melayu perlu ditangani dengan sikap sederhana berhemah tetapi tegas. Ia juga harus mencerminkan pemikiran arus perdana dan bukannya retorika yang terpinggir. Selain dari hujah Islam dan keadilan sejagat perspektif progresif dalam sejarah dan kebudayaan Melayu perlu dinukilkan. Dalam konteks ini ada tiga sikap perlu dibentangkan dalam dewan undangan negeri ini. Pertama sikap Hang Tuah yang sentiasa setia membuta tuli, kedua sikap Hang Jebat yang menderhaka dan menumpahkan darah rakyat yang tidak berdosa. Di antara kedua watak ini ada watak yang ketiga iaitu Bendahara Paduka Raja yang setia lagi bijaksana. Saya ingin membawa kepada sejarah Melayu Tun Perak adalah Bendahara Paduka raja kepada empat sultan dan merupakan arkitek kepada empayar Melaka. Apabila Hang Tuah difitnah mempunyai hubungan dengan gundik istana, Sultan Mahmud menitahkan Bendahara Paduka Raja supaya membunuh Hang Tuah.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan Puan Speaker. Bukit Antarabangsa saya nak bertanya ini, kita bercakap tentang sejarah Melayu hakikat Hang Tuah dan sebagainya saya takut-takut nanti rakan-rakan kita sebelah kanan itu tidak berapa faham sangatlah sebab ini amat mendalamlah. Walau pun saya pernah membaca jadi saya rasa boleh juga Y.B. Bukit Antarabangsa .meneruskannya tetapi diperingkaskan untuk memudahkan pemahaman rakan-rakan kita disebelah kanan. Terima kasih.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, yang tak faham Kampung Tunku agaknya. Kami faham bagus macam-macam kuliahlah Bukit Antarabangsa. Silakanlah. Teruskan aja.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih. Saya teruskan bukan kerana arahan Sri Serdang tetapi arahan Puan Speaker. Sebab itu penting bagi saya memperjelaskan sebab itu saya mulakan tadi ini adalah satu program ilmu tazkirah untuk Menteri Kewangan dan juga untuk Sungai Panjang, Sri Serdang dan juga teman-teman saya di sebelah kanan.

**PUAN SPEAKER:** Program sejarah juga ya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sejarah penting Puan Speaker. Kalau kita tercabut daripada sejarah dan budaya ini yang hilang pertimbangan.

**Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tapi Puan Speaker, Kampung Tunku tak setuju. Dia suruh pendekkan. Pendekkanlah.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Bukan. Saya tak kata tak setuju. Saya kata ringkaskan untuk pemahaman saudara saudari sekalian.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Dia kalau tak setuju dengan ringkaskan dia lebih kurang sama aja bahasanya.

**PUAN SPEAKER:** Sila duduk ya. Mesti minta izin dulu kalau nak bercakap.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Speaker jangan lupa juga untuk menyebut Yap Ah Loy punya sejarah sekali.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ada, ada. Ucapan saya panjang. Ada 5 jam. Sabar.

**PUAN SPEAKER:** Teruskan. Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tun Perak adalah Bendahara Paduka Raja kepada empat orang Sultan dan Arkitek Empayar Melaka. Apabila Hang Tuah difitnah mempunyai hubungan dengan gundik Raja, Sultan Mahmud menitahkan Bendahara Paduka Raja untuk membunuh Hang Tuah. Lalu Tun Perak selaku Bendahara Paduka Raja menghadap Tuanku Sultan dengan menyatakan "Ampun Tuanku Sembah Patik harap di ampun, titah Tuanku dijunjung atas bahu jemala patik." Maka, beredarlah Bendahara Paduka Raja tetapi pada masa yang sama Bendahara Paduka Raja sedia maklum bahawa Hang Tuah ini adalah mangsa fitnah. Lalu beliau menyembunyikan Hang Tuah di sebuah kampung yang bernama Ulu Melaka dan Tun Perak kembali semula ke Istana dengan sebilah pedang yang berlumuran darah sebagai bukti Hang Tuah sudah dibunuh. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh Bendahara Paduka Raja ialah membunuh seekor binatang dan kembali ke Istana dengan pedang tersebut. Hang Jebat berangkat kerana sahabatnya Hang Tuah yang difitnah telah dibunuh lalu Hang Jebat bertindak liar dan menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat bermain isu perkauman seperti UMNO. Hang Jebat menceroboh perkarangan istana dan memberontak. Pada ketika itu Sultan Mahmud bertitah "Kalaulah Hang Tuah masih hidup beliau tidak akan berani derhaka seperti ini." Mendengar titah Tuanku, Bendahara Paduka Raja bergegas semula ke Istana bukan untuk mengambil anak raja tetapi menghadap Tuanku. Bendahara Paduka Raja lantas tampil dan berkata kepada Tuanku. Ini kena dengar betul-betul. "Ampun Tuanku, sembah derhaka patik sembahkan". Macam pernah dengar aja baru-baru ini. Jadi jangan anggap ini satu perkara yang asing. Ini dalam sejarah Melayu. Dia tak baca dan dia tak faham. "Ampun Tuanku, sembah derhaka patik sembahkan. Sebenarnya Hang Tuah masih hidup Tuanku. Patik sembunyi di Ulu Melaka kerana beliau tidak bersalah dan beliau adalah mangsa fitnah. Mendengar kata-kata itu, Tuanku Sultan segera titahkan supaya Hang Tuah dibawa balik ke dalam Istana.

Puan Speaker, *the moral of the story* ialah kita kena bijaksana seperti Bendahara Tun Perak. Yang kita perlukan hari ini ialah Bendahara Tun Perak yang setia, yang adil dan yang bijaksana. Bukan seperti cerita Melayu yang satu lagi. Kisah si Kitul dengan rakan konspirasinya, Raja Madelia. Yang tercatat dalam teks klasik sejarah Melayu akibat hasutan dan fitnah si Kitul dan dikuatkan pula dengan kekayaan Raja Madelia, Laksamana akhirnya termakan umpan lalu menyampaikan kepada Sultan bahawa Bendahara cuba menderhaka. Apabila dipersembahkan oleh Laksamana bahawa Bendahara akan menderhaka, Sultan terus membuat keputusan tanpa usul periksa dengan membunuh Bendahara dan seisi keluarganya kecuali Tun Fatimah. Betapa bahayanya dakyah dan fitnah yang direka oleh Si Kitul dan Raja Madelia ini mengadu domba lalu bertindak memporak-perandakan Kesultanan dan Pemerintahan ketika itu.

Puan Speaker, masalah yang kita hadapi hari ini ialah kita ada si Kitul di negeri Selangor.

Saya ingin beralih kepada topik merakyatkan ekonomi Selangor. Negeri Selangor kaya dengan khazanah dan hasil mahsul yang boleh dikongsi secara adil dengan semua rakyat sekiranya pemimpin amanah dan bertanggungjawab. Tokoh reformis dan pejuang demokrasi India yang bernama Mahatma Gandhi pernah mengungkapkan dengan izin *The Insufficiency in the World for Mans Need but not for Mans Great*. Saya mempunyai senarai yang panjang untuk mengupas sukses *story* kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Pada tahun yang pertama ini kerajaan negeri berjaya menjana program kebajikan rakyat melalui dasar merakyatkan ekonomi di Selangor. Dasar kepedulian rakyat diterjemahkan dalam agenda MES yang dapat dinikmati terus oleh rakyat melepasi batas kaum, agama dan fahaman politik. Sekali lagi saya merujuk kepada Sin Chew Daily's online poll yang menunjukkan lebih 76.4% bersetuju bahawa pendekatan yang diambil dalam dasar merakyatkan ekonomi Selangor memberikan manfaat kepada rakyat yang terbanyak. Kerajaan negeri telah mengesan kecurangan pentadbiran UMNO dalam urusan mengutip cukai hasil daripada bahan batuan dan mineral khususnya pasir. Melalui penubuhan kumpulan semesta yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan kepada aktiviti perniagaan pasir Kerajaan Negeri dijangka mendapat pulangan melebihi RM250juta setahun dengan menguruskan sendiri sumber pasirnya daripada hanya RM20juta setahun sebelum ini. Selain dari peningkatan hasil bahan batuan dan mineral yang dinyatakan di atas keuntungan dari hasil ini juga digunakan juga untuk Tabung Warisan Anak Selangor atau TAWAS. TAWAS menyediakan skim bantuan kewangan kepada setiap anak kelahiran Selangor melalui pengagihan terus hasil pelaburan kerajaan untuk dinikmati oleh rakyat. Setakat bulan Mac 2009 sebanyak 3041 telah layak didaftarkan di bawah tabung TAWAS dan saya mengucapkan tahniah kepada EXCO yang berkenaan. Begitu juga Skim Mesra Usia Emas kerajaan memperuntukkan RM40juta untuk menyokong program ini yang melibatkan seramai 365,000 warga emas. Sumbangan terpenting kerajaan Pakatan Rakyat ialah memberikan tumpuan dalam bidang Pendidikan. Memberikan prasarana untuk sekolah semua kumpulan etnik khususnya Melayu, Cina dan India. Dalam usaha membantu anak-anak golongan yang berpendapatan rendah melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi sagu hati RM1000 diberikan kepada setiap anak Selangor yang layak. Inisiatif awal Menteri Besar ialah memperkasakan sekolah-sekolah agama dengan menaikkan elaun guru KAFA kepada RM1000 dan penyelia KAFA kepada RM1500 dan program ini telah memberi manfaat kepada lebih 6500 guru-guru KAFA di seluruh Selangor yang tidak pernah dinikmati sebelum ini di bawah kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Saya menggesa supaya kerajaan negeri memberi perhatian khusus kepada pembangunan modal insan kepada UNISEL dan KUIS supaya generasi akan datang mampu bersaing di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa. Pengurusan dan pentadbiran gedung-gedung ilmu ini mestilah dipilih di kalangan tokoh-tokoh akademik yang telah terbukti kemampuan akademik mereka melalui penerbitan jurnal mahupun buku-buku ilmiah. Kurikulum juga perlu dirombak untuk memenuhi permintaan pasaran dan cabaran global hari ini.

Puan Speaker saya ingin beralih kepada program perumahan rakyat. Kerajaan Pakatan Rakyat turut memberi tumpuan kepada program perumahan untuk rakyat terbanyak untuk membantu peneroka-peneroka Bandar dan juga rakyat yang berpendapatan rendah. Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil pendekatan untuk duduk dan berbincang bagi menyelesaikan masalah peneroka Bandar dan bukan mengambil tindakan kehaiwanan seperti UMNO dengan menghalau dan merobohkan kampung-kampung

yang didiami oleh peneroka-peneroka Bandar selama puluhan tahun. Sudah sekian lama peneroka-peneroka Bandar dan rakyat miskin ditindas meronta dan menjerit pada pagi ini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan, Bangunan dan Setinggan yang telah berjaya menyelesaikan masalah peneroka Bandar di Kampung Berembang, Bukit Antarabangsa. Seramai 68 keluarga yang berteduh di bawah pondok-pondok usang selama tiga tahun kerana menjadi mangsa kezaliman UMNO dan Barisan Nasional hari ini dapat menarik nafas kelegaan kerana pada 7 Februari 2009 yang lalu Dato' Menteri Besar telah turun sendiri ke Kampung Berembang dan mengumumkan bahawa kesemua 68 keluarga akan diperuntukkan 1 unit rumah pangsa kos rendah di Kampung Berembang itu sendiri. Manakala pada 8 Mac 2009 yang lalu peneroka Bandar di Batu 8, Ulu Kelang yang terdiri daripada 27 keluarga juga telah dapat menyelesaikan masalah perumahan mereka melalui permuafakatan di antara pemaju dan penduduk serta sokongan kuat secara berterusan dari Ahli Yang Berhormat Ulu Kelang.

Puan Speaker, kerajaan negeri telah pun mengurangkan beban rakyat ketika kemelesetan ekonomi dengan memberikan bekalan air bersih percuma bagi penggunaan 20m3 yang pertama kepada semua pengguna air domestik. Namun usaha murni kerajaan negeri untuk terus mengekalkan dasar bekalan air percuma dan menurunkan kadar tarif air mungkin terbantut akibat campur tangan kerajaan persekutuan yang berpihak kepada syarikat kroni yang meraih untung ratusan juta ringgit. Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi telah pun memberikan penjelasan tentang program penstrukturan semula industri air di negeri Selangor. Namun saya dapati jawapan yang diberikan masih ada lubang-lubang yang perlu diperkemas dan saya mohon kepada Menteri Besar untuk menggunakan Dewan Undangan Negeri ini untuk membongkar semua maklumat yang kita peroleh supaya rakyat tahu siapa sebenarnya yang cuba menekan rakyat di negeri Selangor ini. Dalam salah satu teras yang utama dalam pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor ialah untuk menaik taraf dan menggantikan aset air berikutan pengambilalihan aset air Selangor oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam, Tuanku Sultan dengan tegas menyatakan bahawa Tuanku mengharapkan supaya perkara ini dapat diselesaikan segera demi untuk kesejahteraan rakyat. Tuanku tidak mahu melihat rakyat negeri Selangor sengsara mengalami kekurangan air. Oleh itu Tuanku berharap harga yang ditawarkan oleh kerajaan kepada syarikat konsesi air berpatutan.

Puan Speaker, maka tanggungjawab kita pada pagi ini untuk membahaskan apa definisi berpatutan. Kita semua bersetuju seperti yang telah dinyatakan oleh yang amat terhormat Menteri Besar sebentar tadi bahawa perkara ini mestilah disegerakan sebelum penghujung bulan Mac yang akan datang supaya tidak berlaku kenaikan tarif seperti yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat konsesi. Kerajaan negeri telah pun menawarkan sejumlah RM5.5bilion tetapi rundingan masih tidak dapat diteruskan kerana campur tangan politik kerajaan persekutuan. Apa makna definisi berpatutan? Puan Speaker, orang yang zalim dia tidak mengerti apa makna keadilan. Perasuah tidak mengerti apa makna amanah. Tidak ada dalam kamus kehidupan mereka penyangak mata wang. Dia tidak faham kesengsaraan institusi kewangan dan pelabur-pelabur. Penyangak air dia tidak faham istilah berpatutan. Mereka akan gunakan segala sokongan politik yang ada di tangan mereka, khususnya Kerajaan Persekutuan untuk memerah rakyat Negeri Selangor, dan ini salah satu strategi mereka untuk *destabilize* menggugat kestabilan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri

Selangor. Kerajaan Negeri telah pun menawarkan satu jumlah 5.5 bilion ringgit. Tapi masih tidak berpatutan bagi mereka. Atas alasan bahawa mereka mempunyai hutang sebanyak 6.4 bilion ringgit. Dan Menteri Dato' Syaziman bin Abu Mansur dalam Parlimen bertarikh 4 Mac 2009 *handsardnya* ada di depan saya mengatakan tak mungkin kita membenarkan Kerajaan Negeri Selangor membayar 5.5 bilion sedangkan hutang tertanggung ialah 6.4 bilion dan ini akan memberikan kesan kepada pelabur-pelabur asing yang telah membeli dan mengeluarkan bon kepada syarikat konsesi itu.

Tuan Speaker,

Saya percaya pelabur-pelabur asing ini pastinya di kalangan golongan profesional. Sebelum mereka mengeluarkan bon tersebut untuk menjamin industri air ini pastinya mereka telah teliti kesemuanya aspek industri air di Negeri Selangor dan sudah tentulah mereka mengetahui bahawa aset yang ada dalam konsesi ini di kalangan konsesi-konsesi ini hanyalah 4.6 bilion ringgit sahaja. Kalau nilai aset itu 4.6 bilion ringgit bagaimana bon dikeluarkan dengan jumlah 6.4 bilion ringgit. Itu yang pertama. Sudah tentulah pelabur-pelabur ini juga mestilah sebagai golongan profesional yang terlibat secara langsung dalam perniagaan mengambil risiko setiap kali mereka memutuskan untuk memberi jaminan dalam industri yang sebesar itu. Maka persoalannya kalau aset hanya 4.6 bilion ringgit hutang 6.4 bilion ringgit mengapa nak suruh rakyat Selangor tanggung perbezaan itu. Tidak adil. Di mana kewajarannya? Sedangkan segala keuntungan yang diperoleh sebelum ini telah pun dipunggah oleh pengarah-pengarah syarikat ini dan saya nak nyatakan di sini melalui dividen, syarikat *SPLASH* sahaja keuntungan yang telah dibawa keluar melalui pembayaran dividen kepada pengarah-pengarah syarikat dalam tempoh 2 tahun berjumlah 578.6 juta ringgit. Dividen sahaja 2 tahun. Itu baru satu konsesi, bagaimana konsesi yang lain. Kalau keuntungan telah dibawa keluar untuk kepentingan syarikat dan pengarah hutang meningkat 6.4 bilion ringgit mengapa dibebani kepada rakyat di Selangor untuk membayar. Sebab itu tindakan *review panel* meneliti secara menyeluruh bahawa nilai yang boleh kita bayar hanya 5.5 bilion mesti kita pertahankan habis-habisan untuk kepentingan rakyat di negeri ini. Kemudian.

Puan Speaker,

Akta Perkhidmatan Industri Air 2006 diwartakan pada 2006. Semua perbincangan berlaku sebelum pada tahun itu. 2005. Sedangkan konsesi ini ditandatangani dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2005. Ini bermakna ketika rundingan untuk mengemukakan dan meluluskan Akta Perkhidmatan Industri Air ini berlaku pada tahun 2005 Kerajaan Pusat sudah pun sedia maklum bahawa penswastan ini tidak mungkin boleh berjaya kerana seperti yang disebut oleh Dato' Menteri Besar tadi tarikh yang dikenakan untuk menjamin kejayaan penswastan ini kenaikannya itu cukup luar biasa. Cukup luar biasa. Sebagai contoh pada bulan Mac 2009 ini kenaikan akan berlaku sebanyak 37%. Maknanya ianya pada kadar 1.90 sen sama dengan harga minyak. Saya tak faham boleh sama dengan harga minyak petrol. Allah beri air kat Malaysia ini melimpah ruah sampai banjir kita. Sampai banjir di Shah Alam banjir, di Ampang banjir. Allah beri khazanah ini kepada kita, kita tak urus dengan baik kita nak *charge* kepada rakyat 1.90, kita wajib lawan UMNO dan Barisan Nasional dalam perkara ini. Itu baru tahun 2009. 2012, 2 ringgit 38 l sen. 2015 2 ringgit 86 sen seliter dan cukup tempoh konsesi ini selama 30 tahun ianya pada kadar 3.83 ringgit 1 liter Sg. Panjang tolong jawab Apakah orang Sg. Panjang boleh bayar 1 liter air 3 ringgit 83 sen mungkin Sg. Panjang mampu tapi rakyat di bawah tidak mampu termasuk ahli-ahli

UMNO di peringkat Cawangan. Tolonglah jaga ahli-ahli UMNO di kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri. Tiga ringgit 83 sen.

Maka Kerajaan Persekutuan sudah tahu Puan Speaker pada tahun 2005 bila mereka rancang untuk menggubal satu akta bahawa dasar penswastan ini akan gagal. Tetapi ini yang mesti dijawab oleh Dato' Menteri Besar. Mengapa diluluskan juga akta itu kerana untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat untuk mengambil alih semua hutang-hutang daripada ke empat-empat konsesi ini. Ini pakatan jahat saya tidak ada istilah lain Puan Speaker melainkan mengatakan inilah penyangak-penyangak air di Negeri Selangor. Melampau dan untuk menaikkan kadar ini mengikut jadual yang telah ditetapkan konsesi ini terikat dengan KPI yang sebahagiannya telah disebut oleh Dato' Menteri Besar. Mesti mengadakan tender terbuka. Tidak berlaku. 72% kontrak telah dibuat tanpa tender terbuka dan jumlahnya 600 juta ringgit pertama. Kedua pembelian paip mesti dibuat dengan syarikat tempatan, dia pergi Syarikat Indonesia berjumlah 6 ratus juta ringgit. Pembelian paip dari syarikat milik pengerusi sendiri. Kemudian berlaku percanggahan nilai kontrak sebanyak 3 ratus 25 juta ringgit yang tak boleh dikesan. Kemudian pengubahsuaian pejabat, Kerajaan Persekutuan luluskan 23 juta ringgit. Konsesi ubah, ubahsuai pejabat sahaja berjumlah 51.2 juta ringgit. Apa nak jadi? Saya minta bangun. Apakah kita boleh pertahankan seperti ini kemudian pembelian kereta-kereta mewah. Habis semua KPI dilanggar oleh kesemua konsesi tapi Kerajaan Persekutuan dalam jawapan Dato' Syaziman di pada 4 Mac 2009, masih mengatakan dalam Parlimen Kerajaan Persekutuan akan tetap mengeluarkan lesen kepada puak-puak dan penyangak air seperti ini. Sebab itu Dato' Menteri Besar jangan bimbang, saya dan pimpinan dan rakyat Negeri Selangor akan terus mempertahankan Dato' Menteri Besar demi kepentingan rakyat Negeri Selangor. Kemudian banyak penyelewengan, kita kena, saya dah janji sebelum ini, hari ini ialah hari untuk kita melondehkan UMNO dan Barisan Nasional.

Puan Speaker,

Satu lagi, syarikat konsesi yang telah mendapat konsesi ini ada tiga syarikat rawatan air yang telah mendapat projek penswastan ini. *SPLASH*, Puncak Niaga Konsortium ABASS Sdn Bhd. Saya nak bagi satu contoh Konsortium ABASS Sdn. Bhd. Ini 55% dimiliki oleh kumpulan Perangasng Selangor KPS. 45% dimiliki oleh Operasi Murni Sdn, Bhd. 45%. Ini yang disebut oleh Dato' Menteri Besar. *Majority Shareholders* bukan kepada konsesi ini. Tetapi kepada individu tertentu. Kita nak tahu dalam dewan ini dan Dato' Menteri Besar tolong jangan teragak-agak untuk mendedahkan semasa penggulangan. Siapa sebenarnya di belakang Operasi Murni Sdn. Bhd. Merujuk kepada Pendaftar Syarikat bukan penyelesaiannya wahai Dato' Menteri Besar. Sebab pemegang saham itu kita nak tahu sama ada benar-benar dia seorang usahawan yang *profesional* atau dia *proxy* kepada seseorang. Kalau dia *proxy* dia *proxy* kepada siapa? Si polan bin si polan dan kita nak tau si polan bin si polan ini orang politik atau orang berniaga dan kalau dianya orang politik apakah orang itu ada dalam Dewan ini ataupun sudah berada di luar. Tolong dedahkan di dalam Dewan Undangan Negeri kali ini wahai Dato' Menteri Besar. (Dewan bertepuk). Saya berharap ada wakil-wakil SPRM pada pagi ini, sebab ini satu kes yang besar melibatkan ratusan juta ringgit wang rakyat, jangan lembu menjadi isu tetapi ratusan juta ringgit sentuh pun tak berani. Tolong kalau ada wakil SPRM. Saya mintak dan saya rayu kerana ini bukan kepentingan parti bukan kepentingan individu, ini kepentingan rakyat Negeri Selangor. Kalau kes lembu bergegas membuat kenyataan tetapi bila ada penyelewengan ratusan juta ringgit termasuk komisen yang ada hubung kait dengan Timbalan Perdana Menteri,

sentuh pun tak berani, Tanya pun tak berani. Sebab itu institusi seperti ini mesti diperbetulkan wahai Puan Speaker. Dalam konteks air ini Puan Speaker, saya nak merumuskan seperti yang disebut oleh Tuanku Sultan pagi semalam, komoditi air ini satu komoditi yang cukup penting untuk rakyat Negeri Selangor dan ini adalah hak asasi rakyat Negeri Selangor. Maka kerajaan bertanggungjawab untuk mempertahankan kepentingan rakyat. Tan Sri Menteri Besar pastikan Kerajaan Negeri tidak dipinggirkan dalam semua rundingan dengan Kerajaan Pusat kerana sekali lagi Menteri, Dato' Shaziman dalam ucapan beliau di Parlimen menyatakan kononnya bahawa Tan Sri telah menulis surat pada beliau untuk melepaskan semua rundingan ini kepada Kerajaan Pusat. Saya tahu Dato' Menteri Besar tak payah menggeleng kepala, puak-puak ni memang pembohong belaka, kita harus mengambil tindakan kerana apa yang dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar tadi sekiranya Kerajaan Pusat ingin memimpin rundingan ini pastikan harganya tidak melebihi 5.5 bilion ringgit. Sebab maklumat yang kita peroleh Kerajaan Pusat cuba menawarkan di antara sembilan hingga tiga belas bilion ringgit, Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor tidak akan membenarkan ini kerana akhirnya yang untung adalah konsesi tapi rakyat yang di bawah akan menderita membayar tarif yang tinggi. Kami akan lawan habis-habisan. Jadi Dato' Menteri Besar jangan membenarkan syarikat-syarikat konsesi ini untuk menentukan masa depan rakyat Negeri Selangor, Kalau boleh Dato' Besar, kalau boleh dan pasti boleh kan, saya mintak supaya Kerajaan Negeri heret Kerajaan Pusat ke muka mahkamah untuk diadili siapa yang telah melanggar perjanjian itu. Dan sementara perbicaraan ini sedang berjalan, pastikan syarikat-syarikat ini tidak dibenarkan menaikkan tarif pada 31 Mac yang akan datang. Puan Speaker, saya...banyak lagi. Sebelum saya meneruskan pada satu topik yang lain, saya ingin merujuk kepada akhbar *The Edge* Malaysia bertarikh 9 Mac, muka surat sepuluh, di mana satu artikel yang cukup penting bagi semua termasuk Sungai Panjang, tolong baca dan faham bagaimana penderitaan rakyat di Negeri Selangor akibat rakusnya syarikat-syarikat air di Negeri Selangor yang cukup *detail*, angka, fakta telah pun dipamerkan di sini dan saya harap perkara ini akan mendapat perhatian dari semua pihak. Seterusnya saya nak sentuh sedikit tentang urus tadbir korporat. Dato' Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Tersasul je selalu Yang Berhormat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya susah Parlimen dan Dewan kadang-kadang silap. Dua Dewan tak apa jangan dua rumah. Saya nak sentuh soal urus tadbir korporat. Usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam urus tabir kerajaan ataupun *good governance* menepati tuntutan rakyat dan juga pelabur asing yang mahukan tata urus yang berwibawa sebagai paksi sistem pentadbiran. Pembentukan jawatankuasa pilihan khas mengenai keupayaan ke pertanggungjawaban dan ketelusan ataupun *Special Committee On Competency Accountability and Transperancy (SLCAP)* sebenarnya mampu mengembalikan keyakinan rakyat dan masyarakat perniagaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi di Negeri Selangor. Tetapi dalam masa yang sama Puan Speaker, urus tadbir korporat atau *Corporate Governance* ini juga penting diberi perhatian khususnya di kalangan syarikat-syarikat GLC, syarikat berkaitan kerajaan supaya urus tadbir korporat ini dipertingkatkan dan diperkemaskan untuk mengurangkan kos pengurusan meningkatkan produktiviti dan pendapatan serta mencegah amalan rasuah dan salah guna kuasa. Sekali lagi Puan Speaker, saya nak merayu kepada Dato' Menteri Besar supaya inilah forum yang terbaik bagi kita membincangkan isu-isu yang menyentuh kepentingan rakyat termasuk pengurusan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang sekarang sedang hangat



diperkatakan daya dan saya akan memulakan perbincangan ini atau perbincangan pada pagi ini dengan syarikat PNSB. Banyak laporan telah kita baca tentang pembelian hartanah di Mekah, bunyi sedap daripada beli di Paris, di Bangkok, bunyi sedap kita beli di Mekah, Alhamdulillahlah, tapi jangan lah sampai Mekah pun kita nak buat rasuah. Puan Speaker, ini skandal hartanah apartmen Al-Marou, menimbulkan keresahan, keraguan yang munasabah telah dibangkitkan oleh pengaudit bebas berhubung kelulusan pembelian hartanah tersebut kerana resolusi Pengarah PNSB hanya membenarkan pembelian lima hartanah, namun yang dibeli sejumlah dua belas unit dan didaftarkan atas nama peribadi. Sejumlah dua puluh juta ringgit dibawa keluar tanpa kelulusan pihak yang berwajib. Dan ini adalah perlakuan jenayah di bawah *Anti Money Laundering Act 2001* itu yang pertama. SPRM tolong catat, kemudian, tahap urus tadbir korporat yang ditunjukkan jelas memperlihatkan kecurangan pengurusan tertinggi PNSB di mana tujuh unit apartmen ini dijual balik kepada seorang kroni pada harga kos dalam mata wang ringgit Malaysia. Hartanah di Mekah tetapi dijual dengan kos dan sehingga kini tidak ada resit rasmi untuk membuktikan transaksi ini. Apa sebenarnya yang berlaku dalam PNSB? Saya ingin berkongsi di sini terdapat unsur-unsur transaksi yang melanggar *Exchange Control Act 1953* dan *Anti Money Laundering Act 2001* apabila aset yang dibeli di Mekah telah dijual dalam ringgit Malaysia kepada individu dan tidak dapat dikesan transaksi tersebut. Dan mengikut rekod tidak ada sebarang kelulusan yang diberikan oleh pihak berkuasa dalam pelaburan hartanah di luar Negara. Selain daripada itu kegagalan PNSB termasuk bekas pengerusinya mengisytiharkan faedah bukan wang *benefits in kind* di dalam Borang EA Lembaga Hasil Dalam Negeri yang mewajibkan supaya semua *benefits in kind* ini mesti dicatatkan dalam borang tersebut termasuklah kereta *Harrier* dan pemandu yang diberikan oleh PNSB. Janganlah penyelenggaraan *Lexus* yang menjadi keutamaan SPRM tetapi salah guna kuasa seperti yang telah dibuktikan ini tidak ada siasatan sampai hari ini. Yang kedua Dato' Speaker, Puan Speaker saya juga mendapat maklumat bahawa sekali lagi pengurusan PNSB telah menyalahgunakan kuasa mereka untuk membeli seutas jam tangan mewah berjenama *Patek Philippe* berharga seratus lima puluh sembilan ribu dua ratus lima puluh ringgit. Pemberian yang lumayan kepada Pengerusi PNSB ketika itu mencabar prinsip urus tadbir korporat. Mengikut surat keliling awam mana-mana penjawat awam yang menerima cenderahati yang bernilai lebih seribu ringgit mesti dipulangkan semula kepada Kerajaan atau agensi yang berkenaan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta jelas sikit. Terima kasih Puan Speaker. Saya nak minta penjelasan daripada Bukit Antarabangsa tentang bekas Pengerusi PNSB ini boleh Yang Berhormat perjelaskan dengan *detail*, siapa bekas Pengerusi PNSB ini penting rakyat nak tahu. Sekian, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Siapa dia.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Puan Speaker, kawan saya ini memang suka buat provokasi. Sudah cerah lagi nak disuluh. Saya akan sampai ke perkara ini sebentar lagi. Kalau mengikut amalan urus tadbir korporat atau urus tadbir kerajaan yang baik yang telus, setiap cenderahati yang diterima sama ada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Menteri Besar, penjawat awam yang lebih seribu ringgit mesti dipulangkan semula. Mungkin surat pekeliling itu sudah dipinda tetapi ketika saya berada di dalam kerajaan, ini lah yang kita lakukan. Setiap cenderahati yang diterima oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu dan Menteri Kewangan, kita menyerahkan semula kepada Kerajaan termasuk kenderaan atau apa-apa cenderahati yang lain. Sebab itu, Puan Speaker kita lihat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir

bila menerima cenderahati daripada Kerajaan Jepun khususnya, kereta Mitsubishi, Toyota, Nissan, dia simpan di Langkawi. Semua sedia maklum. Tetapi Dato' Seri Anwar Ibrahim, tanggungjawab saya sebagai Setiausaha Sulitnya untuk memastikan setiap cenderahati yang diterima mesti direkodkan di Kementerian Kewangan dan diserahkan. Dalam konteks ini, di mana jam ini sekarang, Puan Speaker? Di mana? Saya juga dimaklumkan bahawa apabila maklumat ini sudah menjadi pengetahuan umum, baru kelam-kabut diserahkan semula kepada PNSB kemudian semula keluar daripada PNSB. Dalam PNSB tidak ada rekod keluar masuk jam tersebut. Yang ada pembayaran masuk ke dalam PNSB, hampir dua kali ganda daripada nilai jam tersebut. Tetapi PNSB tidak dapat kesan siapa masukkan, siapa pembayarnya dan dia bayar untuk siapa? Maka, Dato' Menteri Besar, tolonglah ini suara rakyat yang mahu melihat. Pada minggu hadapan, sesi menggulung, kita tahu siapa Pengerusi PNSB yang dimaksudkan.

Yang ketiga, Dato' Menteri Besar, lawatan ke Disneyland. Daripada maklumat yang saya peroleh sekali lagi. Sepanjang tahun 2007, PNSB sekali lagi. Saya pun tak faham kenapa PNSB ni cukup bermurah hati untuk menjaga individu tertentu dan isteri dan kerabat-kerabatnya. Sepanjang tahun 2007, PNSB telah mencatatkan perbelanjaan perjalanan (*travelling expenses*) sebanyak RM1.2 juta. Untuk apa? Dilaporkan *technical visit* ke Disneyland. Disneyland, *technical visit*? Nak jumpa Mickey Mouse. Apa lagi ada?

**YB TUAN NG SUEE LIM:** (Gelak). Tak pernah pergi pun. Sekinchan tak pernah pergi.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Oh tak pernah pergi. *Technical visit*, apa Disneyland? Kalau pergi industri di Tokyo, saya boleh terima lagi. Kalau pergilah industri di Eropah, boleh terima lagi. Di Mongolia pun, saya mungkin boleh terima lagi. Mungkin.....Tapi *technical visit* ke Disneyland oleh Badan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Selangor atau BALKIS. Jawab? Jawab?

**PUAN SPEAKER:** Mereka bukan ahli BALKIS.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Oh, dia bukan ahli BALKIS? Tapi dia tidur dengan BALKIS. (Gelak). Apa ni? Saya tak faham. Pegawai-pegawai, Ketua Jabatan, saksikan apakah ini fitnah? Kalau ini fitnah, saya rela didakwa di Mahkamah. Saya rela. Heret saya ke Mahkamah. Tetapi saya tidak maafkan penyelewengan wang PNSB yang sebegitu besar. *Technical visit* ini rupanya tak selesai di Disneyland, sebab Mickey Mouse dah lari. Maka dia kejar pulak, buat lagi *technical visit* ke Hong Kong dan Korea. Hong Kong ada *Disneyland*, Korea saya tak pasti. Jadi saya nak tahu....mungkin, mungkin. Saya baik sangka. Mereka pergi lawatan ke *Disneyland*, Tokyo. Ada kebaikan untuk negeri, tolong laporkan dalam Dewan Undangan Negeri ini. Apakah hasil daripada lawatan-lawatan tersebut. Mungkin boleh bawa *Disneyland* ke Sungai Panjang, kita tak tahu....mungkin...dan BALKIS juga telah menerima peruntukan yang cukup besar daripada PNSB untuk memberi sumbangan atas nama kebajikan tetapi maklumat awal yang saya terima, kos yang dikeluarkan oleh PNSB untuk BALKIS bukan untuk kebajikan tetapi untuk pakaian termasuk perhiasan wakil ahli-ahli BALKIS. Dato' Menteri Besar, banyak penggulangan yang perlu dibuat pada minggu depan. Tetapi ini perlu, kita tidak boleh lagi membenarkan penyangak-penyangak seperti ini berkeliaran dalam negeri Selangor dan mereka menggunakan institusi seperti SPRM, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia dan SPR untuk terus menggugat kita.

Ini satu lagi, membuktikan bagaimana terdesaknya Kerajaan Persekutuan untuk meruntuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Jahat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Bukan jahat. Ini memang perangai yang tak boleh kita maafkan. Yang diketuai sendiri oleh Pejabat Jabatan Perdana Menteri. Yang menarik semua peruntukan pembangunan untuk negeri Selangor yang dulunya di bawah UPEN, sekarang diletak kononnya Pejabat Pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan. Nama sedap, Pejabat Pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan. Ada satu taklimat ataupun Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Persekutuan Negeri, bilangan 1/2009 pada 26 Februari 2009. Cantik...tahniah kepada pegawai kerajaan yang membekalkan maklumat ini kepada kita. Apa antara matlamat mereka? Bukannya nak bawa pembangunan untuk rakyat, menjaga kepentingan orang Melayu, orang Cina dan India di negeri Selangor tetapi antara matlamat yang dibentangkan dalam mesyuarat yang pertama ini ialah memastikan dalam Pilihan raya Umum Ke-13, Barisan Nasional menang dengan majoriti 2 per 3 di Parlimen dan menawan kembali negeri Selangor daripada pembangkang. Apa ini? Kerja Jabatan Perdana Menteri. Kemudian...matlamat seterusnya, untuk mengekalkan terus kesinambungan pemerintahan Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional. Puan Speaker, kita bayar cukai, rakyat Selangor bayar cukai bukan untuk UMNO dan Barisan Nasional. Cukai diuruskan oleh Kerajaan Pusat tetapi cukai yang kita bayar harus diserahkan kepada rakyat Selangor untuk pembangunan rakyat negeri Selangor. Bukan untuk UMNO dan Barisan Nasional. Kalau Kerajaan Persekutuan pun berwatak seperti ini. Saya tak terkejut, juak-juaknya di sini pun lebih teruk daripada Pusat. Ini yang berlaku. Kemudian...siapa anggota kepada Jawatankuasa ini? Kalaulah anggota itu terdiri daripada pakar-pakar ekonomi ataupun pakar-pakar yang terlibat dalam soal pembangunan, saya boleh terima tetapi keahlian yang disebut *force people sentric* ini, keahliannya siapa? Majlis Keselamatan Negara...apa kena-mengena dengan pembangunan nak korek longkang dengan MKN? Apakah nak korek longkang ada *see for?*

**YB TUAN NG SUEE LIM:** *See for*, itu bahaya, itu bahaya.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ini dia, ini dia....saya tengok. Pegawai Kewangan Negeri saya boleh bagi, Pegawai Undang-undang saya boleh bagi. Saya boleh bagi. Ini apa benda ini? Suruhanjaya Pilihan Raya...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Eh, dia bebas. Dia bebas.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Speaker, minta laluan. Adakah Y.B. Bukit Antarabangsa menganggap ini adalah satu penyalahgunaan kuasa di mana Kerajaan Persekutuan menggunakan wang rakyat, jentera kerajaan, perkhidmatan awam dengan konspirasinya untuk menjatuhkan sebuah kerajaan yang dipilih rakyat. Adakah Y.B. bersetuju dengan saya?

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya memang bersetuju, 100% sebab ini bukan lagi....tapi, saya pun tak tahu nak buat apa lagilah. Dedah, dah dedah dah tapi lepas kita dedah, dia tak nampak juga. Dia nampak lembu juga. Apakah dia ingat kita ni lembu? Saya nak tanya, apakah kami ni lembu? Apakah rakyat Selangor ini lembu yang boleh dicucuk hidung dan ditarik? Kalau orang Selangor ini lembu, kita tidak

berada di sini. Sebab itu saya, mukadimah saya, saya ucapkan terima kasih kepada rakyat Selangor yang berani bangun lawan kezaliman UMNO dan Barisan Nasional dalam Pilihan raya yang lalu dan tanggungjawab kami untuk terus mendedahkan sementara kita meneruskan agenda pembangunan kita, agenda ekonomi kita tetapi tanggungjawab kita juga untuk mendedahkan rakusnya UMNO dan Barisan Nasional untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor ini. Apa ini? Keahlian....Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Belia saya boleh terima, Jabatan Penerangan, Suruhanjaya Pilihan Raya....yang ini saya geleng kepala. Apa ke....ha tu? Jadi saya mintalah Dato' Mengeri Besar, sebab rakyat tengah teropong kita, melihat apakah kita mampu menangani ini. Apakah kita boleh urus krisis politik ini dengan baik, dengan berhemah termasuk duduk di bawah pokok, kita kena buat. Tak ada, jangan kita rasa malu. Sedangkan mereka tak pernah ada rasa malu pun. Curi hak rakyat, rompak hak rakyat. Dia tak rasa malu, mengapa kita harus rasa malu setelah kita ikut perundangan yang ada dalam negara kita termasuk di negeri Selangor ini. Dan titah Tuanku semalam jelas bahawa semua pihak mesti tunduk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Undang-undang apa ini? Perlembagaan apa yang mereka pakai? Sebab itu, mesej dan titah Tuanku semalam, wahai Sungai Panjang ambillah perhatian secara serius. Janganlah memalukan negeri Selangor.

Puan Speaker, saya nak.....banyak lagi....nak robek UMNO 50 tahun tak boleh dalam 1 jam Puan Speaker? Ini soal ekonomi, prestasi ekonomi yang nak saya nyatakan tetapi sebelum itu Puan Speaker, salah satu masalah yang paling parah hari ini ialah masalah jenayah. Dalam usaha menjadikan negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan utama. Aspek keselamatan haruslah dipandang serius. PDRM menyatakan negeri Selangor merekodkan bilangan kes jenayah yang paling tinggi bagi tahun 2008 dengan jumlah sebanyak 43,722 kes. Jenayah harta benda mencatatkan bilangan 18,376 kes. Negeri Selangor sudah pun mula terkesan ekoran krisis ekonomi global. Kegawatan ekonomi dalam sesebuah negara yang berterusan akan meningkatkan masalah sosial dan jenayah. Sementara Kerajaan sedang berusaha menangani masalah ekonomi, saya menggesa supaya Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada titah Tuanku semalam supaya Kerajaan Negeri dan pihak Polis Diraja Malaysia memainkan peranan yang lebih efektif untuk mengurangkan kadar jenayah di Negeri Selangor yang semakin membimbangkan agar rakyat dan pelabur serta masyarakat perniagaan merasa selamat di dalam Negeri Selangor dan mendapat perlindungan. Banyak indeks yang boleh saya nyatakan tetapi beberapa perkara yang penting sebagai contoh kes jenayah bunuh meningkat 22% dan cuba bunuh 48%, manakala pencerobohan rumah melonjak kepada 96%. Samun berkawan bersenjata api, ah! Samun pun berkawan bersenjata api mencatatkan peningkatan paling tinggi iaitu 148%. Dan samun berkawan tanpa bersenjata api meningkat sebanyak 98%. Dan kita jangan lupa kes pembunuhan Altantuya juga berlaku di negeri Selangor. Tetapi sampai sekarang tidak ada satu penyiasatan yang adil dan saksama bagi memastikan keadilan ditegakkan dalam kes ini. Di Negeri Selangor....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker. Minta mencelah sedikit. Laluan sedikit, biar rehat satu minit. Bukit Antarabangsa, Yang Berhormat, berkenaan kes jenayah yang saya dengar tadi daripada Yang Berhormat indeks dan kadar bunuh, cuba bunuh dia naik tinggi, ya! sejak kebelakangan ini. Dan tersebut pulak saya rasa kesal kerana Selangor menjadi satu tempat yang dipilih untuk bunuh kes profil tinggi Altantuya di Negeri Selangor. Saya simpati bukan kerana simati itu perempuan. Saya malu kerana saya sebagai rakyat Selangor tempat itu dipilih sebagai tempat untuk dimatikan dibunuh.

Jadi, adakah Yang Berhormat kenal pasti kenapa, apakah motif beliau dibunuh dan apakah perkembangan terkini tentang kes tersebut. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa bukan penyiasat dalam kes ini. Jadi awak tanya soalan kepada orang ...

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Puan Speaker dan sahabat saya daripada Sekinchan. Tetapi persoalan yang dibangkitkan itu memang satu persoalan yang menghantui seluruh rakyat dalam negara dan juga luar negara Puan Speaker. Kita nak tahu, bapa Altantuya nak tahu, mak Altantuya pun nak tahu. Saya tak kenal mak dan bapak dia. Mungkin orang Pahang kenal, tapi saya tak kenal. Jadi dia nak tahu apa kesudahan dengan pembunuhan itu. Memang benar perbicaraan sedang dan telah pun selesai di mahkamah, keputusan akan dibuat pada 9 April ini. Elok-elok satu hari selepas Pilihan raya Kecil, cantik diatur begitu. Perhimpunan Kecil pun dibuat selepas Perhimpunan Agung UMNO. Inilah keanggotaan tadi, Majlis Pembangunan Negeri Selangor. Dia sibuk jaga pembangunan, dia lupa tarikh Pilihan raya. Elok diatur selepas Perhimpunan Agung UMNO. Kes bunuh Altantuya dibuat selepas Pilihan raya Kecil, tak apa. Mereka boleh atur semua. Jangan mereka lupa aturan Allah itu mengatasi mereka. *Wamakarū, wamakarullāh, Wallāhu khairun makiriin*. Ini kenyataan. Saya tak tahu siapa pembunuhnya Sekinchan, saya tak tahu. Tak mahu tuduh. Tetapi mengapa tidak disiasat. Puan Speaker, oleh kerana perkara ini berbangkit, saya bawa juga. Satu pendedahan yang dibuat oleh Surat Khabar Perancis, bukan Utusan Malaysia, Utusan Malaysia tak lapur ini. *Libralsio*. Ah! Dia tak sebut *liberation, libralsio, the French*.

**TUAN SPEAKER:** Laporan apa itu!

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, laporan apa?

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya nak baca Tuan Speaker. Saya betulkan sebutannya sebab Pandamaran punya sebutan tadi silap. Dia kata *librasion*, salah. *Librasio* bertarikh 5 Mac 2009. Dan juga pendedahan yang terbaru ini didedahkan dari lima buah negara seluruh dunia. Muka depan, bagaimana percakapan beramaran, *caution statement* yang dibuat oleh Sirul Azhar bin Haji Omar salah seorang tertuduh. Pada 9 November 2006 yang mengejutkan dan Puan Speaker *caution statement* ini langsung tidak dibentangkan di sepanjang tempoh perbicaraan tersebut. Tidak. Ini menjadi persoalan. Tertuduh pun kita tak tahu siapa. Kita tahu nama sahaja. Sebab muka dia ditutup. Belum pernah berlaku perbicaraan mana-mana kes jenayah tertuduh ditutup dengan topeng yang dibuat khas oleh pihak tertentu. Kalau pun tertuduh ini didapati bersalah dan dihukum gantung, kita pun tidak tahu dia akan digantung atau tidak. Mungkin digantung, mungkin tidak. Tapi inilah sistem yang ada pada hari ini. Tetapi lihat apa Sirul sebut. Saya Puan Speaker, saya hendak baca pun menggeletar. Sirul dan pegawainya Tuan Azilah setelah mendapat arahan daripada DSP Musa Safri ADC kepada Najib Razak, ADC untuk membawa Altantuya ke Puncak Alam, di antara Sg. Buluh dan Kuala Selangor dalam perjalanan ke Ijok, berhati-hati Ijok.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker. Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** 36 (2). Boleh saya bacakan.

**TUAN SPEAKER:** Em!

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Peraturan Tetap 36 (2). Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah. Kira-kira pada pandangan Pengerusi harus merosakkan dan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Ya! Jadi, Peraturan 36 (2) jelas.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Serdang. Ada dua perkara yang boleh saya kongsi sedikit. Saya dah sebut tadi, pertama perbicaraan dah selesai. Nanti dulu kita kena sabar, dah selesai. Perbicaraan dah selesai dah pun. Hanya tunggu keputusan pada 9 April. Itu yang pertama. Yang kedua, yang kedua, sebab itu saya mulakan tadi *evidence* ini tidak pernah dibawa dalam perbicaraan. Tidak pernah. Yang tak boleh kita bincang, yang tak boleh kita bicarakan *evidence* yang telah dikemukakan semasa perbicaraan. Itu mengikut kefahaman saya. Yang ini tidak pernah ...

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Speaker, Puan Speaker.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sebab itu, sebab itu akhbar-akhbar ini, apakah akhbar-akhbar ini tidak mahu mengambil risiko dengan mendedahkan *caution statement* ini. Mereka juga tahu Undang-undang. Tetapi kerana ini tidak pernah dibincangkan dan dikemukakan dalam mahkamah sebagai keterangan mahupun sebagai *evidence* sebab itu mereka boleh mendedahkan perkara ini secara terbuka. Jadi saya serahkan kepada Puan Speaker untuk membuat keputusan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker. Walau pun perbicaraan sudah berlaku tetapi keputusan belum lagi dibuat berkemungkinan ada perubahan-perubahan tertentu. Itu sebabnya perkara yang dalam 36 (2) ini tidak boleh dibahaskan selagi masih lagi keputusan belum dibuat. Walau, mungkin keputusan dibuat tetapi mungkin ada pulak rayuan. Bila rayuan, masih juga lagi dalam perjalanan mahkamah. Masih lagi dalam tindakan mahkamah. Itu sebabnya kalau dalam peraturan ini tidak wajar sekiranya 36 (2) ini juga, Puan Speaker terus dibangkitkan dan saya kira menyalahi daripada Peraturan Tetap ini.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, saya hendak tambah satu perkara lagi.

**PUAN SPEAKER:** Baik Yang Berhormat, tinggal masa, saya kena ambil kira ya! 36 (2) itu memang tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah. Selain daripada itu tak apa. Dibenarkan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Selain daripada itu apa maksud Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Maknanya selain daripada perkara yang berkaitan dalam pertimbangan mahkamah tu boleh dibicarakan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang ini minta dipertimbangkan, boleh. (Dewan ketawa).

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Tak boleh Puan Speaker kerana ini 36 (2) Peraturan Tetap.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Bila pulak jadi Ketua Hakim Negara ini. Hai! (Dewan Ketawa).

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya begini Puan Speaker. Saya dah dekat lebih sebelas tahun dibesarkan di mahkamah, keluar masuk, saya belajarlah sedikit undang-undang. Kalau dibawa ke Mahkamah Rayuan pun dia hanya boleh bincangkan apa yang telah di *adduce* ketika perbicaraan tersebut. *You* tak boleh bawa *evidence* baru. Betul.

**TUAN SPEAKER:** Ya, ya! betul.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Betul? Peguam, apa ni, Penasihat Undang-undang kata tak betul.

**PUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya ikutlah Penasihat Undang-undang. Saya akur dia kata tak betul. Tapi okeylah, saya tak bawa *evidence* baru. Saya hendak baca surat khabar boleh?

**TUAN SPEAKER:** Boleh.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Surat khabar boleh. (Dewan ketawa).

**TUAN SPEAKER:** Dibenarkan. Teruskan.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Baca surat khabar ke, Puan Speaker, kalau umpamanya boleh ....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Seri Serdang, dia hanya mahu membaca daripada akhbar. Yang Berhormat diminta duduk.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, bagi izin saya juga hendak bercakap ni. Ya! Boleh, boleh Bukit Antarabangsa. Izinkan, boleh.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa, benarkan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Speaker, Sri Serdang berdiri atas Peraturan Mesyuarat apa? Peraturan apa?

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Ya lah saya hendak bercakap tentang peraturan 36 (2).

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Itu sudah lari, itu surat khabar sahaja. 36 (2) tak pakai.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Sila jelaskan, hendak bertanya?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Itu kena minta izin daripada Puan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Itu saya minta izin daripada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya belum beri keizinan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta izin.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Ah! Mintalah izinlah sekarang ni.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya sedang tunggu Timbalan Speaker. Mengapa you tak tau.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** You tak tahu duduklah, you campur apa hal.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Saya hendak minta izinlah ni.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Puan Speaker tanya saya? Duduk kejap.

**TUAN SPEAKER:** Ya! sebab ini gelanggang Yang Berhormat Bukit Antarabangsa.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Yalah, saya hendak mengatakan Peraturan 36 (2) .

**TUAN SPEAKER:** Saya sudah maklumkan kepada dia dan Yang Berhormat ingin membaca keratan daripada akhbar.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tak apa, macam inilah Puan Speaker, saya pun tidaklah hendak bergaduh. Tuanku semalam pesan jangan bergaduh. Saya ni tak derhaka kepada Raja. Ya, walau pun UMNO kata kami derhaka saya menjunjung kasih titah tuanku jangan bergaduh. Bincang elok-elok. Tapi tak apalah saya hendak rumuskan beginilah Puan Speaker. Saya pun peliklah pemimpin UMNO ini sebut aje Altantuya dia punya takut tu, apa hantu tu ada sini ke!

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, tak takut, sebutlah. Tetapi mengikut peraturan, peraturan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Okey.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Peraturan, mana kes yang dalam tindakan mahkamah, tidak boleh di bincang.

**TUAN SPEAKER:** Ya!

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya, saya akur tapi pandangan ..



**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Kalau macam itu kita boleh bincangkan kes-kes yang lain yang dalam tindakan mahkamah sekarang, Yang dibuat oleh pihak , ah! Pakatan Rakyat sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Sri Serdang.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Nak ikut undang-undang tak. Nak ikut undang-undang. Nak ikut undang. Ah! Tak ikut undang-undanglah tu.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Ah! Itu sebabnya kita jangan pakai peraturan yang tak ada kena mengena dengan peraturan tetap ini.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ok.

**PUAN SPEAKER:** Ya! Sri Serdang. Sila duduk.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ok, ada lagi. Tak ada. Ok. Saya hendak teruskan. Baca surat khabar, dia ada dua, dia ada dua bahasa. Satu dalam bahasa Perancis yang saya belum begitu mahir Puan Speaker. Tapi juga telah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Boleh, bahasa Jawa saya tak ada. Bahasa Malaysia boleh. Beginilah, perkaranya yang penting Puan Speaker kes-kes jenayah ini mestilah kita siasat secara adil. Itu saja. Ya. Jangan kerana melibatkan tokoh-tokoh besar melibatkan Timbalan Perdana Menteri atau pun ADCnya sentuh pun tak boleh, tanya pun tak boleh. Sri Serdang sampai petang ini ADC Timbalan Perdana Menteri belum merakamkan percakapan dia. Ini yang orang nak tanya. Tak apalah, tak hendak *detail* pun tak apa. Memang saya takut pun nak baca *detail* bagaimana ditembak di kepala. Perempuan ini Altantuya ini sebut bila dia nampak *silencer* itu, dia kata ini, ini saya sedang mengandungi.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Tak boleh tu, tak boleh. Peraturan 36, masih dalam keputusan mahkamah lagi.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Oh! Sg. Panjang tahu undang-undang. Yang pasal PNSB tu dia tak tahu pulak undang-undang.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Ah! Lah! dia pilih, pilih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tak apa, saya hendak rumus begitu. Jadi yang saya... kenapa tak dipanggil.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Bukan Sg. Panjang tu, Puchong.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ha, yalah, sebab saya dengar Sri Serdang ini, dia budak suruhan Sg. Panjang. Dewan Ketawa.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Jangan tuduhan sembarangan Bukit Antarabangsa. Ini peraturan mana ni. Jangkaan jahat ni. Jangkaan jahat tak boleh. Tarik balik tu. Ini, mana-mana sangkaan jahat ni. (Dewan ketawa).

**PUAN SPEAKER:** Sri Serdang, okey, Bukit Antarabangsa.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Ah! 36 (6) ini.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Dia pun dah lupa, dah lupa dah.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ok, ok. Duduk. Tak, mengapa saya kata.....

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Ah! Tarik balik. Sangkaan orang suruhan, tak boleh tu.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Nanti.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kawanlah, kawanlah.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Kita kawan.

**TUAN SPEAKER:** Jangan gaduh ya.

**YB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Lepas ini kita makan *lunch*.

**Y.B. DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Tarik balik dulu. Tarik balik dulu, yang kata orang suruhan, sila tarik balik dulu.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Nanti dulu. Bagi saya beri penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Sri Serdang, minta duduk.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Mengapa saya keluarkan kenyataan itu sebab ah! tengok! Sekarang Tanjung Sepatlah beri arahan.

**PUAN SPEAKER:** Sri Serdang, beri perhatian.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tadi Sg. Panjang beri arahan terus Sri Serdang bangun. Itu saja. Tak kan tak boleh kot.

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Jangan ada sangkaan. Tolong tarik balik.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tak, tak sangka.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Peraturan Mesyuarat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tak sangka, nanti jap. Tak sangka, tapi saya yakin, ha! Itu beza. Tujuan mesyuarat .....

**YB DATO' MOHAMED SATIM BIN DIMAN:** Saya yakin tidak.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Peraturan mesyuarat

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya yakin tidak

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Buruk sangka. Saya tak buruk sangka. Saya yakin Seri Serdang

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya yakin tidak

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tak apalah saya yakin begitu

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya yakin tidak

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tak apalah dua-dua yakin

**TUAN SPEAKER:** Itu sangkaan juga Seri Serdang

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tapi jangan ada sangkaan

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya yakin

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Jangan ada sangkaan

**YB UAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker peraturan mesyuarat 37A

**TUAN SPEAKER:** Tak pe Kampung Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang ini saya lihat kalau kita buat macam ini tak habis-habislah. Seri Serdang saya minta tolong daripada Seri Serdang supaya kalau kita berbahas kita ikut peraturan mesyuarat tetap 37A kalau nak tegur kena bertanya dengan Tuan Speaker kena minta lalu bukan terus berdiri dan terus berucap, mencelah ini tidak sopanlah. Jadi saya minta Tuan Speaker membuat

**TUAN SPEAKER:** Melanggar

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kampung Tunku lebih kurang sama tu.

**TUAN SPEAKER:** Duduk

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Seri Serdang sekali lagi ya

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ok lah tak nak panjang-panjang lah. Tapi nanti jap. Sebelum saya. Ok sabar. Saya hendak mengulangi keyakinan saya bukan buruk sangka. Buruk sangka saya setuju jangan salah peraturan mesyuarat tak boleh buruk sangka salah di bawah 366. Tapi saya tak buruk sangka tapi saya yakin Seri Serdang mengambil arahan Sg. Panjang keyakinan saya

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tapi saya nyatakan keyakinan saya tidak

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Oh tidak

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sg. Panjang

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Jadi tolong lah tarik balik

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sg. Panjang, Seri Serdang tak ambil arahan dari Sg. Panjang. Boleh begitu.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Betul. Memang saya mengikut peraturan yang bercakap ni.

**TUAN SPEAKER:** Di minta.. teruskan Bukit Antarabangsa

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sebab itu Titah Tuanku semalam supaya Polis Kerajaan Negeri menjalin kerjasama lebih erat penting. Kalau kita tengok statistik bilangan Anggota Polis Beruniform di Negeri Selangor hanya 9,510.00 sedangkan kita mempunyai lebih 5 juta rakyat Selangor ini bermakna nisbah satu Pegawai Polis atau Anggota Polis untuk menjaga 533 rakyat Selangor tidak menepati piawai *Interpol* yang mewajibkan satu kepada 250. Jadi saya pohon supaya Kerajaan Negeri dapat berbincang dengan PDRM supaya perkara ini dapat kita diselesaikan dalam semangat permuafakatan.

Seterusnya saya ingin mencadangkan dalam konteks yang sama supaya Kerajaan Negeri menyegerakan pelaksanaan *electronic* ..... ECET tetapi secara bersepadu yang bukan saja melibatkan Polis dan juga PBT seperti yang berlaku di MPSJ tetapi melibatkan juga agensi-agensi yang lain seperti 999 ataupun Penyelamat Bomba, Penyelamat Malaysia dan juga Ambulan. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melabur dalam infrastruktur keselamatan ini melalui inisiatif PFI dengan membina pusat kawalan bersepadu *integrity government centre* setiap PBT yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan elektronik seperti GIS, GPS, dan CCTV. Sistem keselamatan bersepadu ini mampu meningkatkan kecekapan pengurusan sumber tenaga dan kewangan pihak Polis juga PBT. Di pihak PBT pula oleh Kerajaan Negeri telah melabur dalam jumlah yang agak besar melalui PFI ini. PBT mesti menggunakan kos sistem ini untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam mengutip kompaun contohnya letak kereta dan hasil kutipan yang bertambah membolehkan PBT memperluaskan penggunaan CCTV khususnya di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi dan kerap berulangnya berlaku kes-kes jenayah termasuk di perkarangan Sekolah dan IPT kerana peningkatan kes penculikan dan jenayah seks terhadap kanak-kanak dan remaja semakin berleluasa. Kemudahan CCTV ini juga mampu mempercepatkan masa tindak balas maknanya *respon time* itu lebih cepat yang secara langsung dapat membantu menyelamatkan lebih banyak nyawa yang mungkin terkorban kerana jenayah yang berkenaan dan juga sistem ini sistem bersepadu ini dapat mengurangkan kadar jenayah di kawasan yang dilengkapi dengan kemudahan tersebut. Sebagai contoh Pentadbiran MPSJ yang telah memulakan sistem ini walaupun belum secara bersepadu hanya melibatkan PDRM dan MPSJ telah dapat memantau dan mengurangkan kes ..... ataupun .....ke atas kemudahan awam, kes samun dan juga *car jacking (dengan izin)* curi kereta dan dengan kemudahan ini satu ..... sistem dapat kita lakukan untuk mengesan pergerakan penjenayah sebelum dan selepas meninggalkan tapak kejadian. Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak swasta perlu menyokong usaha meningkatkan keselamatan dengan pemasangan CCTV di premis perniagaan masing-masing untuk membantu pihak Polis membuat penyiasatan jika berlaku kes jenayah di sekitar premis perniagaan mereka. Tuan Speaker saya juga menyahut baik Titah Tuanku untuk memberi tumpuan kepada sistem pengangkutan awam. Program pembangunan dan penambahbaikan sistem pengangkutan awam ini dengan menghubungkan rangkaian bandar-bandar utama seperti Bandar Raja Klang, Shah Alam, Petaling Jaya, Lembah Klang, Ampang dan pastinya Gombak perlu disegerakan. Salah satu teras utama dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memaju ketumbuhan ekonomi di negeri Selangor ialah dengan memperluaskan sistem pengangkutan

termasuk sistem LRT. Saya ingin berkongsi dengan Dewan kesan langsung pembangunan dan penambahbaikan sistem pengangkutan awam ini yang lebih *efisien* bersepadu dan selesa. Dan saya cuba menghuraikan bagaimana sistem pengangkutan awam ini menjana aktiviti ekonomi di negeri Selangor. Satu kajian telah pun dibuat di Amerika Syarikat berhubung sistem pengangkutan awam yang membuktikan jaringan sistem pengangkutan awam yang baik dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi, penjimatan perbelanjaan dan pengurangan pencemaran alam sekitar.

1. Dari segi pertumbuhan ekonomi kajian ini mendapati setiap satu dolar yang dilaburkan dalam pengangkutan awam dapat menjana 6 dolar dalam aktiviti ekonomi tempatan. Dan setiap 10 juta dolar modal pelaburan dalam pengangkutan awam mampu memberi hasil 10 juta dolar peningkatan jualan perniagaan.
2. Setiap 10 juta dolar pelaburan operasi dalam pengangkutan awam memberikan hasil 32 juta dolar peningkatan hasil jualan perniagaan. Hartanah untuk kediaman, perniagaan, juga mempunyai rangkaian pengangkutan awam yang baik dan justeru itu harga pasaran bagi .....Hartanah tersebut akan melambung ke tahap yang lebih tinggi. Pengangkutan awam juga dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi tempatan, di pendalaman melalui berbagai cara dan inilah konsep..... yang dapat kita laksanakan daripada memberi tumpuan satu-satu bandar hingga menyebabkan sesakan yang luar biasa, dengan adanya sistem pengangkutan yang lebih teratur, selesa dan integriti ini kita dapat melancarkan dasar .....di Negeri Selangor. Dari segi perbelanjaan pula kajian ini mendapati setiap 1 dolar yang dibelanjakan purata perbelanjaan untuk membeli penyelenggara operasi kereta bagi setiap isi rumah adalah 18% sahaja dan kos penggunaan pengangkutan awam bukan saja berpatutan malah dianggap perlu sebagai alternatif selain daripada memandu. Penduduk Amerika yang tinggal di kawasan yang diliputi oleh pengangkutan awam dapat menjimatkan sebanyak 18 bilion dolar setahun dalam kesesakan lalu lintas trafik dan setiap tahun seorang individu boleh berjimat sehingga 8 ribu dolar jika menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan memandu sendiri .
3. Tuan Speaker kesan positif daripada sistem pengangkutan awam yang efektif dari segi pengeluaran gas rumah hijau atau *green house gas* ini alam sekitar. Kajian mendapati bahawa pengangkutan awam mengurangkan pelepasan gas karbon sebanyak 37 bilion metrik tan setahun yang menyamai jumlah penggunaan elektrik oleh 4.9 juta isi rumah. Hampir sama dengan bilangan penduduk negeri Selangor. Jika seseorang individu itu memilih untuk menggunakan perkhidmatan awam sejauh 20 batu perjalanan ulang alik tahap pelepasan gas karbon yang dikeluarkan akan turun sebanyak 4,800 paun setahun bersamaan dengan 10% pelepasan gas karbon oleh 2 buah kereta. Itulah di antara kesan-kesan positif yang dapat kita teliti dan hayati berdasarkan kajian tersebut untuk menambah baik sistem pengangkutan di negeri Selangor ini insya-Allah. Tuan Speaker boleh saya teruskan satu minit lagi

**TUAN SPEAKER:** Kita kena berhenti pada pukul 1.00. Yang Berhormat boleh kalau masih ada ucapan boleh sambung

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya ingat boleh setengah jam lagi.

**TUAN SPEAKER:** Boleh sambung selepas 2.30

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Selepas

**TUAN SPEAKER:** 2.30

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 1 tengah hari dengan itu saya menanggungkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan .

**Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari**

## Dewan disambung semula

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Bukit Antarabangsa minta masa kejap tengah cari air. Tidak disediakan air dalam Dewan ni.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya pohon maaf Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Satu setengah jam tak cukup ke?

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya cuba ringkaskan sebab saya pun akan bergegas ke Dewan Rakyat untuk menyertai perbahasan tentang Pakej Rangsang Ekonomi. Saya mungkin mengambil masa yang ringkas untuk merumuskan perbincangan kita pada pagi tadi. Tuan Speaker antara tajuk yang ingin saya bangkitkan pada petang ini ialah berhubung soal pentadbiran dan pengurusan tanah di negeri Selangor yang berdepan dengan sistem pelaksanaan yang tidak efisien, kekurangan tenaga mahir dan latihan di kalangan pegawai dan kakitangan pentadbiran. Kekurangan pegawai dan kakitangan dan tidak selari dengan beban kerja yang semakin bertambah termasuk masalah pemprosesan. Saya dimaklumkan lebih 500,000 kes permohonan tanah di seluruh negara yang belum diselesaikan. *Task Force* Tanah yang diwujudkan oleh Kerajaan. *Task Force* Tanah (TFT) telah pun mengemukakan beberapa cadangan khusus untuk mengemaskan dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan di Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Daerah dan Tanah seluruh negeri Selangor. Di antara cadangan yang perlu diberikan perhatian, pertama pengasingan Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah yang diberikan peranan dan fungsi yang berbeza supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang lebih efektif dan berkesan dan cadangan ini juga bertujuan untuk menumpukan kepada usaha menambah baik urusan tanah di setiap daerah. Perkara kedua yang dicadangkan oleh TFT ialah Pejabat Pendaftar ataupun *Registry Title* dipindahkan ke Unit Pendaftaran yang terdapat di Pejabat Daerah dan Tanah. Cadangan ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada orang awam berurusan dengan hak milik masing-masing yang terletak di daerah masing-masing. Cadangan ini juga dilihat dapat memberikan ruang kepada PTG untuk memberikan tumpuan kepada pengurusan dan pentadbiran Pejabat Tanah termasuk menjalankan R & D berkaitan dengan perundangan yang boleh meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan yang ketiga cadangan yang dikemukakan oleh TFT ialah penubuhan satu Jawatankuasa Tetap yang dikenali sebagai *Land Council/tertif Council* (LCC) yang dipengerusikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar untuk memberikan ruang kepada pemilik-pemilik tanah dan rakyat menyuarakan pandangan berhubung kedudukan tanah sebagai contoh pelupusan tanah pertanian dan juga status TOL. Justeru itu Tuan Speaker, saya menggesa agar cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh *Task Force* Tanah ini segera diteliti oleh pihak Kerajaan dan sekiranya didapati dapat membantu meningkatkan keberkesanan dan menambah baik sistem perkhidmatan di pejabat-pejabat tanah, saya mencadangkan supaya perkara-perkara yang dicadangkan itu dapat dilaksanakan dengan segera. Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan soal pengurusan dan pemantauan tanah-tanah cerun dan lereng-lereng bukit di seluruh negeri Selangor. Pengalaman saya di Bukit Antarabangsa

dalam bulan Disember yang lalu membuktikan bahawa tidak ada jaringan penguatkuasaan secara bersepadu di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri khususnya PBT. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri lebih bertindak tegas supaya peruntukan undang-undang sedia ada dapat dikuatkuasakan dan dilaksanakan secara tegas terhadap pemaju-pemaju yang hanya mementingkan keuntungan daripada keselamatan penduduk. Kerajaan Negeri juga digesa memberikan kesedaran awam ataupun *public awakes* tentang kewujudan undang-undang ini dan akta-akta yang sedia ada di mana pemaju dan pemilik tanah persendirian juga bertanggungjawab untuk menguruskan cerun masing-masing. PBT menghadapi masalah kewangan dan tenaga mahir untuk memantau dan mengurus cerun-cerun. Sebagai contoh, struktur organisasi Jabatan Kejuruteraan MPAJ (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) memerlukan 5 orang jurutera awam, namun pada tahun 2008 ketika berlakunya tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, MPAJ hanya mempunyai seorang sahaja jurutera awam dan pada tahun 2009 bilangan ini bertambah kepada dua orang jurutera awam sahaja dan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPAJ masih kosong sehingga hari ini. Bilangan tenaga mahir dan pakar di kalangan jurutera yang tidak mencukupi menyebabkan jabatan kejuruteraan khususnya di MPAJ tidak dapat berfungsi dengan berkesan, khususnya ketika berlaku tragedi tanah runtuh justeru saya menggesa supaya Kerajaan Negeri menyejajarkan peruntukan tambahan dan pelantikan jurutera-jurutera yang bertauliah untuk ditempatkan di MPAJ ataupun Kerajaan Negeri dapat menyejajarkan pelantikan IKRAM bagi memantau pembangunan dan pengurusan bukit-bukit dan cerun-cerun di seluruh negeri Selangor. Saya juga ingin mencadangkan dalam konteks pengurusan dan pentadbiran tanah ini supaya satu langkah yang lebih proaktif di ambil bagi meningkatkan hasil pendapatan bagi negeri Selangor. Saya pernah mencadangkan perkara ini secara tidak rasmi. Walaupun ada beberapa pandangan tetapi setelah saya teliti semula saya berhasrat untuk kemukakan cadangan ini dalam Dewan Undangan Negeri supaya perkara ini dapat dibahaskan dan diputuskan oleh Kerajaan Negeri dengan segera, seberapa segera yang boleh. Pertama saya ingin mencadangkan supaya penawaran pertukaran status hanya untuk rumah-rumah kediaman daripada milikan terhad 99 tahun kepada milikan kekal. *Least hold* kepada *free hold*. Ada pandangan yang menyatakan sekiranya Kerajaan Negeri mengambil pendekatan ini dalam tempoh 20 atau 30 tahun yang akan datang Kerajaan Negeri akan pupus dari segi pendapatan ataupun *revenue* hasil daripada pembayaran premium bagi tanah-tanah yang berkenaan. Namun sekiranya kita mengambil tindakan yang lebih proaktif, saya telah meneliti perkara ini sekiranya status tanah kediaman ini ditukar kepada milikan kekal, premium yang akan dikutip oleh Kerajaan Negeri jauh lebih besar dan bergantung pada mekanisme pelaburan yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Saya percaya pulangnya dalam tempoh 20 atau 30 tahun yang akan datang jauh lebih besar daripada apa yang boleh kita kutip sekiranya berterusan dengan cara yang konvensional menjadi amalan pada hari ini. Yang keduanya, bagi tanah-tanah yang berstatus industri dan komersial, saya ingin mencadangkan supaya penawaran penambahan tempoh pajakan bagi tanah-tanah ini yang mana tempoh pajakannya telah melebihi 1/3 ataupun 33 tahun. Langkah ini mampu menjana aliran wang tunai yang kukuh memandangkan lokasi hartanah terletak di kawasan yang mempunyai permintaan pasaran yang tinggi. Berdasarkan kajian awal yang saya bersama beberapa teman telah laksanakan bagi meneliti cadangan ini bagi tanah industri seluas 2 ekar di Petaling Jaya yang mana tempoh pajakannya berbaki 55 tahun Kerajaan Negeri boleh menjana pendapatan sebanyak 3.45 juta hanya untuk 2 ekar tanah industri. Ini bermakna sekiranya cadangan ini diterima, Kerajaan Negeri dapat meningkatkan hasil melalui penawaran kepada tanah-tanah industri untuk dilanjutkan tempohnya lebih awal sebelum tamat tempoh berkenaan. Penawaran ini juga bukan sahaja menjana



pendapatan bagi Kerajaan Negeri tetapi akan memberikan satu mesej yang jelas kepada masyarakat perniagaan dan pelabur bahawa sementara dasar kita ialah dasar kepedulian rakyat, mengangkat agenda perjuangan rakyat Kerajaan Pakatan Rakyat juga harus memberikan mesej bahawa kita juga adalah pro perniagaan dan memberikan ruang kepada mereka untuk melabur dalam negeri Selangor. Langkah ini, Tuan Speaker akan meningkatkan nilai hartanah bagi industri yang berkenaan dan pemiliknya mampu mengukuhkan lagi perniagaan masing-masing dengan memperoleh pinjaman bank ataupun melakukan pinjaman semula khususnya dalam menghadapi krisis ekonomi pada hari ini. Ini bermakna *book value* bagi syarikat ataupun pengurus berkenaan syarikatnya akan jauh lebih baik. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meneliti semula masalah kuota unit hartanah Bumiputera yang tidak dapat dijual. Apakah unit yang tidak terjual ini kerana masalah harga yang tidak mampu dibeli oleh Bumiputera atau masalah lokasi yang tidak bersesuaian ataupun jenis kediaman yang dibina itu tidak sesuai dengan cita rasa khususnya golongan Bumiputera di Negeri Selangor ini. Kalau masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan segera, ia memberikan bebanan kewangan yang cukup besar kepada pemaju-pemaju hartanah kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi terhadap aset ataupun hartanah yang tidak dapat dijual ini. Kalau pun kita bersetuju dengan dasar auto *release* iaitu membenarkan supaya hartanah ini dijual kepada bukan Bumiputera, kita juga akan menghadapi masalah kerana unit-unit yang telah sekian lama tidak terjual akan tidak lagi mendapat daya tarikan bagi pembeli-pembeli baru kerana mungkin *design*nya ataupun bahan-bahan yang telah digunakan dalam pembinaan peringkat awal itu tidak lagi sesuai di masa terkini. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meneliti cadangan ini untuk membuka kuota unit hartanah tetapi dengan bersyarat supaya dalam menangani krisis ekonomi pada hari ini, kita tidak mahu pemaju dan rakyat menanggung kesan yang lebih parah lagi.

Tuan Speaker, satu lagi cadangan yang ingin saya kemukakan dalam Dewan ini ialah berhubung masalah komunikasi di antara Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga PBT. Anggota terpenting dalam *Stateholders* termasuk di negeri Selangor adalah rakyat dan juga masyarakat perniagaan. Mereka menyumbang kepada pendapatan negeri melalui pembayaran pelbagai bentuk cukai. Justeru itu rakyat dan juga masyarakat perniagaan termasuk pelabur, menuntut supaya satu sistem penyampaian yang lebih cekap dan berkesan, khususnya dalam kerajaan negeri termasuk dalam Majlis Tempatan, PBT, Pejabat Tanah dan Daerah, dan agensi yang lain. Kekuatan sesebuah Kerajaan Negeri bergantung pada keupayaan, ketelusan dan kecekapan PBT mengutip cukai yang merupakan sumber pendapatan utama bagi Kerajaan Negeri. Justeru itu tahap komunikasi perkhidmatan awam amat penting dan perlu diambil perhatian yang serius agar rakyat merasa lebih selesa dan merasa dekat dengan kerajaan. Sebagai contoh di negeri Selangor terdapat lebih 50 bahagian dalam Kerajaan Negeri, Majlis Tempatan, PBT dan anak-anak syarikat negeri yang lain. Dan setiap institut ini mempunyai mekanisme perhubungan-perhubungan yang berbeza untuk dihubungi oleh orang awam. Maka akan timbul pertindihan dan juga komunikasi yang tidak selaras dan tidak bersepadu. Saya ingin mencadangkan dengan kemajuan teknologi dan kejayaan pelaksanaan e-kerajaan, kerajaan negeri mengambil perhatian supaya rakyat mengharapkan satu sistem yang lebih baik dalam perkara ini. Justeru itu bagi meningkatkan mutu komunikasi perkhidmatan awam, saya ingin mencadangkan agar diwujudkan satu pusat panggilan telefon bersepadu ataupun *one stop contact centre* yang lebih efisien, mudah dan cepat untuk dihubungi oleh rakyat. Sebagai contoh, pusat panggilan telefon bersepadu ini, akan menerima panggilan daripada rakyat, dengan mempamerkan hanya satu nombor yang boleh dihubungi oleh rakyat, kita boleh

dapatkan maklumat daripada rakyat, memberikan perkhidmatan termasuk meningkatkan industri pelancongan sekiranya mereka ingin tahu di mana kedudukan destinasi pelancongan di negeri Selangor ataupun hotel di sesebuah daerah dan juga memajukan aduan ataupun , teguran dan nasihat bagi kerajaan negeri. Kalau pusat panggilan telefon bersepadu ini dapat diwujudkan, ia dapat memberi manfaat yang cukup besar kepada Kerajaan Negeri. Walaupun saya nyatakan tadi , setiap jabatan, setiap agensi ada pusat aduan masing-masing, tetapi ia belum lagi disepadukan, maka pangkalan data yang ada di setiap jabatan, ini tidak dapat diselaraskan maka ianya tidak memberikan kesan yang positif kepada kerajaan negeri. Sekiranya kita dapat sepadukan daripada jumlah panggilan yang diterima oleh pusat ini , kita boleh tahu apakah isu besar yang dihadapi oleh rakyat negeri Selangor. Apakah tindakan dan aduan yang sering dimajukan oleh rakyat negeri Selangor. Maka dalam perancangan bajet kerajaan negeri, kita boleh fokus kepada *areas* yang tertumpu pada masalah yang dihadapi oleh rakyat. Akhirnya tuan speaker, sebagai merumus perbincangan kita pada pagi ini, saya ingin menegaskan bahawa usul yang saya majukan pada pagi tadi dapat kita bahaskan secara bertanggung jawab. Dewan Undangan Negeri adalah institusi untuk menjayakan dan melaksanakan prinsip ketuanan rakyat. Kita mahu Dewan Undangan Negeri benar-benar menyuarakan hasrat rakyat, membahaskan kepentingan rakyat, ekonomi negara dan negeri mula terkesan susulan krisis ekonomi global. Angka-angka ekonomi semakin merudum.. Rakyat menuntut supaya semua pihak bersatu hati untuk menangani krisis yang mendepani rakyat pada hari ini. Rakyat menolak politik kedurjanaan, atau *gangster* politik tajaan UMNO dan Barisan Nasional. Saya mengajak dan menyeru semua ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan dan anggota-anggota pentadbir di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah. Marilah sama-sama kita membangunkan negeri Selangor ini. Walau pun saya faham pegawai-pegawai kerajaan dan anggota-anggota pentadbir, hidup dalam satu sistem yang cukup tertekan , ugutan berterusan, tetapi saya mengajak, marilah pegawai-pegawai kerajaan, kita ikut *concern* kita yang jelas, bahawa kerajaan pakatan rakyat ini diterima baik oleh rakyat untuk mengangkat agenda rakyat dan membangunkan negeri Selangor ini. Saya percaya kepimpinan YAB Dato' Menteri Besar yang memperkasa kan ekonomi rakyat negeri Selangor akan terus dipacu dan diagihkan secara adil kepada seluruh rakyat. Kita muafakat dalam pakatan, kita bersama mengurus kejayaan, kita berkhidmat mencari keredaan. Saya mendoakan semoga DYMM Sultan Selangor akan terus bersemayam atas takhta dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah SWT. Sekian, saya usulkan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Meru.

**YB TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Meru menyokong usul menjunjung kasih di atas ucapan DYMM Sultan Selangor sempena perasmian mesyuarat pertama pembukaan penggal kedua persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang ke 12. Tuan Speaker dan ahli-ahli sekalian, saya amat tertarik dengan titah Baginda DYMM Tengku pada muka surat 26 yang kita dapat semalam. Kita menyentuh tentang hala tuju perancangan dan pembangunan negeri Selangor. DYMM Tuanku menekankan nilai efektif dan kerohanian ini adalah hasil daripada jalinan hubungan yang menjadi asas hubungan masyarakat iaitu yang pertama yang ditekankan ialah hubungan manusia dengan penciptanya...Tuhan. Yang kedua hubungan manusia dengan manusia, dan yang ketiga hubungan manusia dengan alam persekitaran. Sebab itu saya memetik apa yang disebut oleh Imam Malik bin Anas, seorang ulama besar yang telah menubuhkan satu mazhab , mazhab Maliki dengan izin Imam Malik menyebut..(*surah*), "*bermaksud “ tiada ubat yang mampu memperbetulkan penyakit-penyakit yang dihadapi umat-umat hari ini, melainkan digunakan ubat yang*

*sama yang telah menyembuhkan penyakit-penyakit umat sebelumnya* “. Sebab itu saya menyeru kepada seluruh umat Islam, sama ada orang PAS, PKR atau pun orang UMNO sendiri , supaya kita balik kepada ajaran Islam. Islam bukanlah milik PAS, dia milik orang UMNO, PKR, JIM dan ABIM dan sebagainya. Sebab itu kita tengok, inilah dia ubat yang akan memberi ubat kepada penyakit yang ada dalam masyarakat pada ketika ini. Sama ada kita sedar ataupun tidak, anak-anak kita yang kita hantar ke PASTI, ke KEMAS mereka di ajar dengan satu doa . Doa yang berbunyi, dengan izin (**surah**)..... “ *Ya Allah Engkau berkatilah apa yang Engkau telah rezezikikan kepada kami, dan jauhkan lah kami dari api neraka*”. Kalau ikut logik manusia, kenapa kanak-kanak yang berumur 4, 5 tahun ni diajar dengan doa ini. Sedangkan kalau ikut prosesnya , dia akan hidup , lepas 4 tahun akan masuk sekolah rendah, kemudian masuk sekolah menengah, mungkin masuk universiti, lama lagi. Kemudian bekerja dan akhirnya pencen sebagai barulah bertemu dengan alam akhirat. Tetapi Islam mengajar kita bahawa benda yang berlaku di akhirat itu hendaklah diterjemahkan di dalam kehidupan manusia ini seawal-awal usia lagi. Sebab itu dalam Al-Quran disebut dalam surah Luqman, surah yang ke 31 ayat ke 13.....(**surah**).... *dan ingatlah ketika Luqman berkata kepada anaknya yang masih muda di waktu memberi pelajaran kepadanya, wahai anakku... janganlah kamu persekutukan Allah, sesungguhnya persekutukan Allah itu adalah benar-benar kezaliman yang besar*. Kalau ini dapat dihayati dari kecil lagi, maka kita akan dapati sesiapa sahaja, sama ada penjawat-penjawat kerajaan, sama ada Y.B-Y.B. sama ada EXCO dan sebagainya, walau pun kita bertanggung jawab ataupun *responsible* kepada *our immediate* Bos kepada YDP ke, kepada Pegawai Daerah ke, kepada EXCO ke, *at the end of the day* dengan izin kita sebenarnya bertanggungjawab kepada Allah SWT Sebab itu mereka-mereka yang dididik dengan ajaran takut kepada Allah, mana mungkin orang ini akan membuat benda-benda yang haram, mana mungkin orang ini boleh membuat..aa..ambil rasuah..aaah..menindas rakyat dan sebagainya.. mana mungkin. Sebab itu dalam hadis nabi , nabi sebut,.....( **bahasa arab**)..... bermaksud... “*barang siapa yang takut, benar-benar takut kepada Allah, maka Allah akan menjadikan segala sesuatu takut kepadanya. Dan barang siapa yang tidak takut kepada Allah, maka Allah akan menjadikannya takut kepada segala sesuatu*” . Sebab itu kita tengok sekarang, orang yang tidak takut kepada Allah ni, yang mungkin takut pada benda-benda lain. Tengok bukit pun takut kadang-kadang...Bukit Selambau, Bukit Gantang... takut pada pilihan raya, takut kepada penggulungan, saya rasa penggulungan Menteri Besar esok, mungkin tak ada yang ramai dalam dewan ini. Takut pada segala-galanya. Tapi kalau dia takut kepada Allah, Allah akan menjadikan semua benda takut kepada dia itu sendiri. Sebab itu dalam Quran tuan-tuan dan puan-puan sekalian banyak menceritakan tentang sejarah-sejarah silam. Cerita Nabi Musa, Nabi Isa, Nabi Ibrahim dan sebagainya. Supaya kita nak ambil iktibar.. pepatah Inggeris ada menyebut bahawa dengan izin...*'does do not learn from the past, accord them to repeat it.'* . Sesiapa yang tidak mengambil pengajaran atau iktibar, daripada peristiwa yang silam, akan dikutuk untuk mengulangnya kembali. Sebab itulah, satu lagi titah ucapan ee.. Tuanku DYMM Sultan Selangor, dalam muka surat 67, di mana DYMM Tengku mahu pelbagai aktiviti dirancang , dilaksanakan dengan menyediakan program-program imarahkan masjid seperti menyediakan kelas-kelas agama dan ceramah agama bagi menarik lebih ramai jemaah hadir ke masjid-masjid berhampiran. Kita sudah pun melalui bulan Ramadhan tuan-tuan, dan kita tengok di mana-mana seluruh masjid di negeri Selangor ini, pada bulan Ramadhan inilah ramai orang datang untuk bersembahyang di dalam masjid-masjid di Selangor ini. Tetapi itu Cuma awal Ramadhan, pertengahan Ramadhan, akhirnya orang akan berkurangan. Selepas Ramadhan, jemaah-jemaah di masjid juga menjadi kurang, seolah-olahnya peranan masjid ini disempitkan hanya untuk ibadah solat sahaja, hanya untuk membaca Al-Quran dan Iktikaf sahaja. Saya menyanjung apa

yang disebut, apa yang dititahkan oleh Baginda, supaya fungsi-fungsi masjid ini diperluaskan . Ya.. Selangor titah Baginda lagi merupakan contoh kepada masyarakat majmuk yang wujud di Malaysia. Malaysia pula mewakili masyarakat antarabangsa. Dilihat dari sudut ini, Kerajaan Negeri Selangor mestilah memberi gambaran yang sebenar tentang Islam termasuk pada yang bukan Islam itu sendiri. Sebab itu kita mengingatkan ahli-ahli UMNO dan sebagainya... ingat firman Allah SWT (surah - **bahasa arab**) “ *katakanlah wahai Tuhan yang memiliki Kerajaan , Engkau beri kerajaan kepada siapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau mencabut Kerajaan daripada siapa yang Engkau kehendaki. Engkau Ya Allah memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dan Engkau hinakan sesiapa yang Engkau kehendaki.. Di tangan Engkaulah segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa, atas segala sesuatu*”. Saya ingin memetik apa yang disebut oleh Mustapa Mashur dalam bukunya yang bertajuk *Jalan Dakwah Antara Pemimpin Dan Pengikut*. Syeikh Mustapa Mashur mengingatkan kepada kita bahawa kepimpinan membawa erti bebanan dan amanah bukan kemegahan dan kemuliaan. Sedarlah kamu wahai pimpinan, kamu akan dipersoalkan tentang tanggungjawab kamu terhadap orang-orang di bawah jagaan kamu dan akan dihitung setiap amalan kamu walaupun seberat zarah di sisi Allah SWT, sebab itu bukan sahaja babi itu haram, dalam Islam bukan sahaja babi itu haram, bukan sahaja arak itu haram tetapi penggunaan apa yang disebut sebagai Toksik Taipei ataupun nama komersialnya *botox* itu pun haram tuan-tuan. Saya ada keputusan muzakarah jawatankuasa fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Kali Ke-74 pada 25 – 27 Julai 2006 bahawa suntikan *botox* itu adalah haram. Jadi kita yang tidak tahu ini sepatutnya tanyalah orang-orang yang berilmu moga-moga kalau kamu tidak tahu. Balik kepada fungsi masjid tadi saya ingin mengatakan bahawa zaman UMNO, Barisan Nasional banyak sekali tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka-mereka yang ada *qualification*, yang ada sijil dan ada kemampuan bersyarah tetapi tidak dibenarkan masuk di dalam masjid-masjid di sekitar Selangor ini termasuklah Almarhum Mufti Selangor sendiri Dato’ Ishak Baharom termasuk jugalah Dato’ Harun Din, orang-orang yang di iktiraf di seluruh dunia tetapi tidak dibenarkan. Adakah pemimpin-pemimpin UMNO ini tidak takut dengan firman Allah SWT dalam surah Al-bakarah ayat 114 yang berbunyi..... (**bahasa Arab**) bermaksud dan “ *siapakah yang lebih zalim daripada orang yang menghalang daripada menyebut nama Allah dalam masjid-masjidnya dan berusaha untuk merobohkannya* ”. Yang dimaksudkan merobohkannya ialah meruntuhkan dan merobek segala majlis-majlis ilmu menghalang penceramah-penceramah agama atau menghalang ayat-ayat Al-Quran tertentu dihuraikan dalam masjid. Mereka itu tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid Allah kecuali dengan rasa takut kepada Allah. Mereka di dunia mendapat kehinaan dan di akhirat juga mendapat seksa yang berat, sebab itu saya menyusulkan bahawa masjid mestilah berpandangan lebih luas. Ia perlu dianjukkan menjadi satu institusi yang dinamik dan berperanan besar dalam masyarakat berbilang kaum dan agama di tanah air kita ini. Ia perlu dijadikan institusi yang mesra pengguna untuk semua lapisan masyarakat, aktiviti-aktiviti masyarakat hendaklah disuburkan di dalam atau di persekitaran masjid dan surau dan di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Y.B. Kinrara yang menyumbangkan RM10,000.00 untuk pembesar suara di Surau Darussalam Batu 13. Bukan setakat itu sahaja Y.B. Kinrara juga mendermakan RM2,500.00 kepada PASTI yakni Pusat Asuhan Tunas Islam dan RM2,500.00 juga untuk Sekolah Rendah Islam Nurul Hidayah.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Yang Berhormat Meru, Kg. Tunku minta laluan macam mana..?

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya beri laluan.

**TUAN SPEAKER:** Ya silakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Meru saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Meru tahu tak tentang berapa sumbangan daripada Yang Berhormat Seri Serdang kepada masjid di kawasan dia. Adakah tidak? Ada..

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ha..itu kena jawab sendiri lah. Jadi apa yang saya nak beritahu ialah Islam ini bukanlah hanya untuk orang Islam saja tetapi untuk orang yang bukan Islam supaya mereka tidak memusuhi apa yang dibawa oleh Islam itu sendiri. Beberapa ringkasan untuk memartabatkan fungsi masjid, Tuan Pengerusi patutlah masjid ini dijadikan wadah untuk menganjurkan seminar dan bengkel persediaan menghadapi peperiksaan atau motivasi pelajar. Masjid juga harus menjadi wadah untuk mengolah modul yang kontemporari yang sesuai bagi menawan hati dan minda remaja demi menyelamatkan mereka dari budaya pergaulan yang bebas tanpa batasan. Budaya hidolisma, budaya melepak dan seks bebas. Ia juga masjid harus berfungsi sebagai wadah aktiviti kesenian dan seni mempertahankan diri yang dibenarkan dalam Islam. Masjid juga harus menjadi tempat singgahan musafir yang dilengkapi dengan tempat mandi dan rehat dan juga wadah pusat maklumat tempatan dan tasawur Islam yang sumur. Masjid-masjid di bawah pimpinan Barisan Nasional sebelum ini tidak berfungsi sedemikian dan baru-baru ini kami telah diberikan 2 hari seminar oleh Mr John Johnson daripada NDI, *National Democratic Institute*, beliau mengatakan bahawa di negara-negara Afrika sendiri di South Afrika Mogadishu dan sebagainya, *rubber stamping*nya tidak wujud lagi. Mereka sendiri Negara-negara Afrika telah tolak *rubber stamping* tetapi di pentadbiran-pentadbiran masjid sebelum ini *rubber stamping* ini diamalkan. Iaitu semua tidak ada satu mesyuarat agung yang telus, semua mesyuarat agung dah disediakan siapa nama dia dan YB-YB tertentu akan datang dan cuma *endorse* saja. Ini yang berlaku dan ada juga

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker minta laluan

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya sila-sila.

**TUAN SPEAKER :** Ya Seri Setia, ada apa ini?

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ya, boleh Yang Berhormat ulas tentang fenomena bagaimana dulu jawatankuasa masjid yang tidak pun pernah sembahyang jemaah di masjid tersebut tetapi menjadi jawatankuasa masjid.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ya memang ada, ya bukan saja di situ. Memang ada dan ada juga yang tidak mengadakan mesyuarat agung ini maklumat yang kita dapat. Kemudian *rubber stamping*, tapi alhamdulillahlah bila Pakatan Rakyat mengambil alih dan kita kembali balik kepada rakyat untuk memilih. Dalam pilihan itu kita tidak kisah kerana yang terpilih itu masih lagi orang UMNO. Kalau terpilih itu masih lagi orang yang lama tetapi realitinya alhamdulillahlah banyak masjid-masjid ini telah ditukar ganti dengan orang-orang yang lebih profesional bukan setakat itu sahaja saya nak sentuh sikit apa yang disebut tadi

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Minta laluan macam mana Meru? Boleh? Ya silakan Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, saya nak tanya pada Y.B. Meru, saya pun tak faham, cakap pun macam Ustaz agama berceramah, alhamdulillah eloklah tu, tapi pertanyaan saya adakah Y.B. tahu bahawa NDI ini adalah bawah tajaan Amerika Syarikat dan saya hairan kerana Y.B. bila bercakap sini bercakap tentang agama tapi nampaknya Y.B. pun sekongkol dengan Amerika Syarikat, padahal Y.B. tak tahu ke bahawa Meru tak tahu ke bahawa Amerika Syarikat juga menzalimi yang menyokong Yahudi dan menzalimi orang-orang Islam, jadi nampaknya kerana nak menegakkan sesuatu, Y.B. nampaknya menyokong orang yang tidak sepatutnya kita menyokong tetapi saya rasa eloklah kalau boleh janganlah menggunakan NDI itu sebagai satu contoh atau pun satu ikut-ikutan kepada masyarakat orang Malaysia di sini. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih. Saya memang nak menyebut tentang agama ini tuan-tuan, Yang Berhormat sekalian sebab saya dapati ramai pimpinan UMNO dalam masa sekarang ini tidak mengikut kuliah. Di tempat saya sendirilah, Y.B. yang lepas, walau pun Meru itu banyak kuliah agama yang kita jalankan dia tidak menghadirinya. Sebab itu saya mengatakan bahawa prinsip saya begitu maknanya apa yang berlaku sekarang ini mereka tidak berpegang kepada agama sebab itu saya mengatakan bahawa kita perlu balik pada agama dan sebut tentang Amerika ini saya nak beritahu bukan semua benda yang kita tolak, benda yang baik kita ambil. Macam juga Yahudi kita tidak boleh sebut Yahudi kita marah pada Yahudi sedangkan banyak Rasul dan Nabi adalah pada kaum Yahudi dan saya sendiri pergi ke Gaza, saya dapat maklumat bahawa orang-orang Yahudi juga ada yang tidak mahu berperang dan dikurung oleh penuntut Israel. Ada juga NGO-NGO Yahudi yang menyokong penduduk-penduduk Palestin, ini kita kena faham sebab itu kita dalam Islam kita suruh benda-benda yang baik kita hendaklah sokong. Saya ambil contohlah 20 meter *cube* air yang kita nak bagi kepada rakyat benda yang cukup baik tetapi kenapakah bila kita mula-mula nak bagi ada orang mengatakan bahawa ini adalah disebut sebagai rasuah politik. Kita bagi kertas kosong kot-kot dia nak tulis nama dia ke kalau tak mahu terima 20 meter *cube* tak pulak dia bagi. Kemudian mengatakan bahawa dalam masa 3 bulan bankrap sebab apa Kerajaan Negeri mana nak dapat duit untuk *sponsor* 120 juta air untuk setahun. Tetapi saya penuh yakin kepada kitab Allah ini dalam Al-Quran ini Allah kata apa, mereka yang nak buat baik ke jalan kami kata Allah, kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan untuk buat kebaikan, insya-Allah. Baik, kemudian saya sentuh sedikitlah tentang peranan PBT. Dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, baginda menyebut bahawa Beta tetap menasihatkan supaya PBT akan terus memberikan tumpuan kepada tanggungjawab asasnya iaitu dengan menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih dan indah, pengurusan sampah-sarap yang cekap, pemotongan rumput dijalankan secara berjadual serta lampu-lampu jalan yang sentiasa berfungsi. Saya sebenarnya *share* ataupun kongsilah pengalaman dengan ramai lagi ADUN-ADUN daripada Pakatan Rakyat ini walau pun kami mendapat sedikit sebanyak kerjasama, daripada pihak PBT ini, tetapi masih lagi di tahap yang tidak memuaskan. Saya ambil contohlah, satu aduan yang saya buat sendiri kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, YDP Klang tidak ada langsung masalah dengan saya cukup kerjasama cukup baik tetapi bila YDP nya pergi kursus JUSA saya difahamkan kami mengadu tentang lampu jalan yang tidak berfungsi di

Persiaran Hamzah, Alam Meru, saya gunakan *letter head* dan hantar masalah-masalah lampu yang tidak bernyala dan sebagainya hantar pada 16 Februari dan dia cop 16 Februari tapi sampai sekarang tak ada jawapan diberikan. Saya telefon setiausahaanya, saya telefon orang yang pengarah-pengarah yang berkaitan namun tidak berjawab. Saya hantar SMS pun tidak dijawab sedangkan dia tahu saya yang menghantar dari Y.B. Meru. Saya nak *highlight*kan masih ada lagi, kalau ikut istilah Dr. Hasan Ali ini YDP-YDP, pentadbir-pentadbir yang masih berkiblatkan masjid Aqsar. Ini perlu yang di *highlight*kan oleh DYMM Tuanku satu benda yang besar yang patut kita fikirkan bersama. Satu lagi saya nak sentuh ialah tentang Lembaga Zakat Selangor. Lembaga Zakat Selangor ini alhamdulillah pada tahun 2007 sepertimana yang kita tahu mendapat kutipan 202.2 juta dan sasaran bagi tahun 2008 222 juta tetapi alhamdulillah pada tahun 2008 dapat mengumpul 244.4 juta. Satu benda yang macam-macam tafsiran yang kita boleh bagi tetapi apa yang saya dapat tafsirkan di sini ialah orang-orang Melayu dan Islam sendiri telah memberikan kepercayaan kepada Pakatan Rakyat. Cuma saya nak beritahu, alhamdulillah cara mengutip Lembaga Zakat mengutip zakat dan sebagainya cukup boleh diberi kepujian tetapi bila sampai untuk memberikan kepada ASNAF ini kadang-kadang yang mengambil masa yang cukup lama termasuklah daripada Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri. Ke kadang berbulan-bulan untuk diluluskan, itu satu hal. Yang keduanya ada orang yang menerima zakat kemudian tidak menerima selepas itu dengan sebab-sebab yang tertentu sepatutnya Lembaga Zakat ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat beritahu kepada ADUN supaya ADUN tahu bagaimana nak jawab kepada mereka tetapi tidak diberi salinan-salinan saya harap benda ini dapat diberi perhatian. Kemudian saya difahamkan di Perlis mungkin Lembaga Zakat Selangor boleh bertanya kepada mereka, Perlis telah membuka bayaran zakat ini kepada orang-orang yang di luar daripada Perlis dan itu menyebabkan mereka mendapat berganda-ganda kutipan zakat, kalau boleh Lembaga Zakat Selangor membuka ruang untuk mereka yang di luar daripada Selangor untuk membayar zakat kepada Selangor kemudian dipulangkan balik kepada ASNAF kepada orang yang bayar itu. Dia ada kaedah yang boleh belajar daripada mungkin daripada Lembaga Zakat Perlis. Jadi saya rasa setakat itu sajalah apa yang disampaikan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker dan dengan itu saya menyokong usul-usul itu.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dibuka untuk perbahasan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Panjang.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahi rahmani rahim*. Assalamualaikum WBT, selamat sejahtera dan selamat petang. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, saya berdiri untuk membuat usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang berbunyi ampun Tuanku patik-patik sekalian, iaitu Speaker dan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Ke-12.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan, tetapi Yang Berhormat sebut usul sebenarnya yang mengambil bahagian,

tapi Yang Berhormat menyebut mengusul, sebenarnya Bukit Antarabangsa telah mengusul. Saya cuma betulkan mengambil bahagian dalam perbahasan ya.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Pertamanya Tuan Speaker, saya ingin menyatakan dewan yang mulia ini rasa ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Kewangan yang telah membentangkan mini bajet semalam. Saya melihat bajet ini akan dapat cuba mengatasi masalah Negara kita daripada menghadapi krisis ekonomi yang semakin tenat dari hari ke hari, dan kita melihat bajet yang dibentangkan itu cukup baik meliputi bajet secara terus kepada rakyat dan juga untuk membina keyakinan pelabur-pelabur untuk terus melabur dalam Negeri Selangor dan kita mengharapkan bahawa bajet ini juga akan dapat memberi kesan kepada *stagnant* ekonomi Negeri Selangor sejak kita menghadapi masalah ekonomi di dunia. Tuan Speaker yang terhormat sekalian dalam ucapan Duli Tuanku semalam mengatakan bahawa tentang usaha-usaha untuk memastikan masalah rakyat dapat ditangani dengan sempurna dan saya mengharapkan bahawa kerajaan negeri perlu mengambil kesempatan di atas bajet yang telah dibentangkan tadi supaya bajet ini dapat digunakan di Negeri Selangor, negeri yang memiliki penduduk yang paling ramai dalam negara kita. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian di awal ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam menyebut tentang Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri serta demokrasi. Saya merasakan apa yang dinyatakan oleh Tuanku adalah rasa bimbang dan rasa susah hati Duli Tuanku terhadap apa yang berlaku di Negeri Perak baru-baru ini. Kita melihat beberapa kali Duli Tuanku telah menegur rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu di Negara Malaysia dan juga negeri Selangor bagaimana hari ini rakyat sudah tidak menghormati Sistem Beraja dan sebagainya. Tuan Speaker, Yang Berhormat sekalian Lembaga Persekutuan menyatakan dengan jelas bahawa agama persekutuan mahukan agama Islam merupakan agama persekutuan dan ini meletakkan bahawa agama Islam di atas agama-agama yang lain. Bagaimana percubaan untuk menyamaratakan agama adalah suatu perkara yang perlu ditegah dan dinyatakan oleh rakyat secara jelas jika tidak ia akan memberi kebimbangan kepada umat Islam dan juga akan memberi satu kesan yang kurang baik di jangka masa yang panjang, begitu juga orang tubuh undang-undang perlembagaan negara menyatakan bahawa Fasal 32 tentang raja berperlembagaan yang tidak boleh dibawa atau di dakwa di mana-mana mahkamah kecuali mahkamah khas yang melibatkan isu-isu peribadi raja tersebut. Ini bila kita melihat ada pihak-pihak tertentu yang ingin mendakwa Duli Tuanku Sultan Perak ke mahkamah dan menimbulkan kegusaran dan kebimbangan rakyat haruslah diberhentikan dan saya harap Selangor akan dapat mematuhi perlembagaan yang telah termaktub dalam negara kita. Begitu juga dengan Fasa 152 iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kita mengharapkan bahawa Bahasa Malaysia akan terus dikekalkan di dalam sistem pendidikan dan sistem berkerajaan negeri dan negara. Yang ketiganya Fasal 153 iaitu hak istimewa orang Melayu, pemberian kontrak dan sebagainya yang di bawah kawalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agung perlu juga diperhatikan. Bila kita mula memainkan isu yang agak sensitif yang termaktub dalam perlembagaan maka inilah yang menyebabkan keresahan rakyat timbul dan ia memberikan imej yang kurang baik kepada kita lebih-lebih lagi dalam negara menghadapi kegawatan ekonomi yang amat-amat membimbangkan. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, Duli Tuanku juga menegur sekali lagi tentang pengisytiharan harta ahli-ahli yang terhormat saya dah bercakap dalam dewan ini dua kali dan hari ini ditegur oleh Duli Tuanku dan saya harap EXCO-EXCO yang bertanggungjawab mengisytiharkan harta-harta dan boleh dilihat melalui *online* itulah yang telah dijanjikan. Dan kita mengharapkan ia dibuat dengan kaedah yang betul tanpa melindungi apa-apa pemilikan yang kita ada dan saya



seterusnya Tuan Speaker, Tuanku mengatakan dalam perkataan itu Beta gusar dengan ekonomi negara...

**YB TUAN SPEAKER:** Tuanku bertitah, bukan mengatakan eh..

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tuanku bertitah Beta gusar mengatakan bahawa tentang masalah ekonomi Negara KDNK yang dulunya dijangka 3.5 peratus semalam telah di *revise* kepada 1 peratus, dan kalau perkara ini berlaku, Selangor juga akan menghadapi masalah kemungkinan akan dapat digerakkan di bawah 1 peratus ataupun mungkin lebih sedikit 1 peratus jika dibuat secara betul dan dengan cara terperinci, yang kita harus ingat hari ini Tuan Speaker...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta laluan.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya. Sungai Panjang, Kampung Tunku minta laluan. Ya, silakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sungai Panjang. Saya ingin berbalik sedikit pada ucapan tadi tentang pengisytiharan aset, saya ingin bertanya kepada yang berhormat ke Sungai Panjang adakah Yang Berhormat juga berhasrat untuk mengikuti atau mencontohi tindakan EXCO kita untuk mengisytiharkan aset Yang Berhormat khususnya yang semasa Yang Berhormat menjadi Menteri Besar Selangor, terima kasih.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Terima kasih Kampung Tunku, sebenarnya bila mana kita menjadi Menteri Besar kita isytiharkan aset kita tiap tahun dan ia dijaga oleh Ketua Setiausaha Negara dan juga Jabatan Perdana Menteri bila mana-mana aset melebihi kita akan mengambil tindakan tapi janji yang telah dibuat oleh Pakatan Rakyat ataupun Kerajaan Campuran adalah mengisytiharkan aset tersebut dan kalau hari ini semua ahli Dewan Undangan Negeri akan mengisytiharkan kita pun tak ada masalah. Kerana kita mahukan ketelusan yang telah lama kita laksanakan. Saya nak menegaskan di sini bahawa Negeri Selangor negeri perindustrian 15 peratus KDNK negeri disumbangkan oleh perindustrian. Dan bila mana negeri perindustrian sekiranya berlakunya kegawatan ekonomi di peringkat dunia ataupun negara ia akan berlaku pemberhentian pekerja. Jadi saya harap sangat pada kerajaan negeri akan dapat melihat perkara ini secara objektif. Saya melihat jika sekadar talian khusus dan sebagainya diwujudkan ia akan menyelesaikan masalah. Saya mengharapkan kerajaan negeri akan dapat membuat lawatan ke kilang-kilang untuk menganggarkan berapa pekerja yang akan diberhentikan dan tahap mana pekerja-pekerja itu akan diberhentikan dan kerajaan persekutuan telah menyediakan peruntukan 2 bilion semalam dan semasa Barisan Nasional mengemudi kerajaan kita tidak pernah gagal menyediakan peluang pekerjaan sejumlah 30,000 hingga 35,000 peluang pekerjaan setahun. Jadi kalau ini berlaku saya menjangka mungkin akan berpuluh-puluh keluarga yang tidak memiliki pendapatan yang secara serta merta bila mereka diberhentikan. Jadi kita mengharapkan bahawa kerajaan negeri akan dapat menganggarkan berapa jumlah pekerja yang akan diberhentikan dan apakah usaha-usaha khusus untuk menangani isu ini. Kalau kita lihat sejarah bagaimana negara Netherlands, bagaimana Negara Jerman melayari masalah *depletions* pada tahun 1929 dan keluar sebagai negara maju selepas itu, saya ingat pengalaman ini perlu ada iktibar oleh Negeri Selangor. Dan saya merasakan bahawa yang seterusnya kita perlulah mempunyai satu pusat yang boleh kita panggil "*matching* pekerjaan" kerana hari ini kita lihat kerajaan Persekutuan telah

mengenakan levi, Tuan Speaker 2 kali ganda kepada pekerja asing dengan hasrat untuk mengurangkan pekerja asing dalam negara kita yang hari ini Negeri Selangor mungkin lebih 2 juta rakyat asing tinggal di negeri Selangor. Ini yang paling penting sekali kerana industri yang akan terlibat industri restoran, industri pusat perkhidmatan yang lain yang mana orang-orang tempatan tak suka bekerja tapi kalau ada pusat yang khas untuk memadankan mereka ini saya rasa mereka juga akan mengambil peluang untuk bekerja walaupun di restoran-restoran mamak dan sebagainya. Yang seterusnya Tuan Speaker, saya mencadangkan Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan proaktif untuk berbincang dengan syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang nak tutup. Kita boleh menggunakan kilang-kilang ini "*in house training*" kepada pekerja-pekerja kita. Daripada pekerja berkualiti rendah kita tingkatkan kemahiran mereka kepada lebih tinggi bila mana ekonomi dapat di atasi kita telah memiliki kualiti pekerja yang baik dan ini cukup penting untuk kita laksanakan. Saya melihat adalah menjadi satu kerugian bila mana kilang ditutup tanpa digunakan, mesin atau sebagainya untuk melatih pekerja-pekerja ataupun anak bangsa ini dan ini akan mendapat satu faedah yang lebih murah kerana kita tak payah nak beli mesin dan sebagainya Tuan Speaker kita hanya boleh membuat koordinasi dengan mereka dan insya-Allah, ia akan memberikan kebajikan kepada Negeri Selangor. Tuan Speaker dan yang saya hormati sekalian, seterusnya tentang satu pengisytiharan peruntukan 50 bilion oleh kerajaan negeri dalam menangani masalah ini. Saya mengharapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat memperincikan 50 bilion ini dan dapat dilihat bagaimana pelaksanaan ini akan dapat membantu Negeri Selangor keluar daripada kemelut ekonomi dunia yang semakin gawat ini. Tuan Speaker Yang Berhormat sekalian, kita harap usaha untuk meningkatkan jumlah pelaburan juga dapat ditingkatkan, semalam kita lihat pelaburan tertinggi 11.8 bilion dicapai pada tahun lepas dan tahun ini telah menurun kepada 7.7 bilion dan ini akan terus menurun jika tidak diambil perhatian secara serius. Saya melihat usaha kerajaan dahulu membina *Sime Park 2* yang dijangka untuk dapat memenuhi permintaan selama 5 tahun kalau tiada perancangan baru untuk membina *Sime Park* yang lain, saya rasa suatu hari nanti kita akan menghadapi masalah untuk menarik pelaburan ke Negeri Selangor. Jadi Tuan Speaker yang saya hormat yang tentang Tuanku bimbang juga tentang sektor perkhidmatan. Sebagai negeri maju sepatutnya ekonomi Negeri Selangor disumbangkan majoritinya dari perkhidmatan sektor perkhidmatan tetapi kita lupa masih lagi di takuk lama 38 peratus dan sektor perkhidmatan yang penting buat masa ini saya merasakan tentang sektor perkhidmatan pelancongan. Saya tertarik dengan ucapan titah Duli Tuanku semalam yang mengatakan bahawa tempat-tempat ataupun pelancongan tertentu perlu dipertingkatkan tapi saya lihat tiada usaha-usaha khusus Tuan Speaker untuk melaksanakannya. Umpamanya *Height Tourism* tiada promosi dibuat secara agresif ke negara-negara jiran umpamanya Indonesia, Filipina dan negara-negara lain yang akhirnya ini mereka pergi ke Thailand dan juga mereka pergi ke Singapura. Yang mana kosnya lebih tinggi jika dibandingkan dengan Negara kita. Begitu juga dengan *Edu Tourism* yang saya lihat juga tidak digunakan dengan baik dan jumlah pelajar-pelajar yang belajar di Negara kita amat kurang dibandingkan dengan negara-negara yang lain dan saya melihat juga program *homestay* yang dulunya kita telah merancang untuk menggiatkan lagi program *Homestay* ini dan saya tak lihat ada penambahbaikan kepada program-program *Homestay* di sini. Malah kita pernah cadangkan dulu bahawa Pusat Kesenian Melayu itu dibina di kawasan Kampung Melayu dan saya cadangkan di sini kalau boleh kita perlu ada 3 Pusat *Homestay* yang utama. Pertamanya, *Homestay* melibatkan orang Melayu, *Homestay* melibatkan orang Cina dan *Homestay* melibatkan orang India. Ini akan menunjukkan bahawa negara kita yang kaya dengan pelbagaian...

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker, minta penjelasan sikit.

**PUAN SPEAKER :** Ok, Rawang. Silakan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya minta sikit penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Panjang. Ingin saya tahu siapakah pengerusi untuk Majlis Pelancongan Negeri Selangor sekarang? Adakah Exco Pelancongan sekarang ataupun ada Y.B lain yang pegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis tersebut?

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Terima kasih. Kita mengharapkan bahawa negeri juga mempunyai program tersendiri. Kenapa harus kita gembungkan satu tenaga jika kita ada ramai tenaga? Persoalannya hari ini, apakah tindakan yang perlu kita ambil? Saya merasakan bahawa jika *Homestay* tak ditingkatkan, kita akan hilang satu produk pelancongan yang baik kerana *Homestay* ini Tuan Speaker.... Puan Speaker kesannya terus kepada orang kampung. Sewa rumah, makan, kegiatan-kegiatan kebudayaan diadakan, semuanya akan dapat dinikmati oleh kampung secara terus dan tidak ada halangan. Ini perlu ditingkatkan. Jika ini gagal dilaksanakan saya rasakan kita akan hilang satu peluang ekonomi yang cukup besar dan saya mengharapkan juga tentang pusat kebudayaan kesenian Cina, India dan Melayu ini diteruskan pelaksanaannya. Kita harap dengan adanya pusat-pusat ini nanti ia akan menggambarkan Negeri Selangor memiliki kepelbagaian kebudayaan di samping kita bersatu padu dalam Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian,

Saya melihat juga tentang usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam Negeri Selangor. Saya melihat walaupun ramai mengatakan bahawa PBT hari ini telah meningkat kualiti perkhidmatannya.... saya melalui apa yang saya terima laporan dan juga aduan, tahap PBT masih di tahap yang lama dan perbelanjaan mengurus PBT semakin meningkat. Bila mana semua Ahli-ahli Majlis diperuntukkan pejabat dan sebagainya, sama ada pejabat itu dibuka, Ahli-ahli Majlis duduk di situ ataupun tidak, itu perkara yang perlu kita fikirkan. Tetapi kalau sekadar nak menerima aduan daripada rakyat tentang longkang tak di selenggara, rumput tak potong, sampah tak diangkut, lampu jalan tak menyala, saya ingat kita sudah ada sistem STAR, Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor. Kalau ini diintegrasikan dengan baik di antara PBT dengan SUK kita tak perlukan lagi pejabat-pejabat di peringkat *council* di PBT-PBT yang ada pada hari ini. Kalaulah hari ini kita belanja RM 5,000 puratanya kepada 1 *councilor*, kita ada 12 PBT kali dengan 24, kosnya amat tinggi sebenarnya. Kita harap ia dilihat semula tentang kaedah membuka pejabat *council* di PBT-PBT ini ditambah lagi sebahagian besar Ahli-ahli Majlis tidak berada di dalam kawasan. Ini membimbangkan lagi keadaan bagaimana rakyat ingin berhubung dengan mereka di masa yang akan datang.

Tentang pertanian Tuan Speaker, walaupun pertanian hanya menyumbang 23% ekonomi negeri, tapi sektor ini tidak boleh diabaikan dan perlu dipertingkatkan. Saya melihat usaha-usaha kerajaan Barisan Nasional dulu bukan sahaja untuk meningkatkan *yield* padi umpamanya tapi mempelbagaikan punca pendapatan rakyat itu lebih penting. Kita perlu mencari kaedah bagaimana untuk kita mempelbagaikan sumber pendapatan rakyat. Kita kerajaan negeri cukup baik, PJK negeri 1,500. Saya tak tau berapa peratus rakyat Selangor dalam keadaan miskin di bawah PJK 1,500. Kajian terperinci perlu dibuat dan hari ini pula dalam titah Duli Tuanku mengatakan bahawa ia akan dipertingkatkan kepada RM 3,000 sedangkan hari ini ramai pegawai-pegawai malah

pegawai-pegawai di Pejabat Menteri Besar sendiri berpendapatan RM 1,500 ke bawah. Kita tidak mahu menjadi retorik. Kita bercerita tentang PJK 1,500 tapi usaha yang terperinci yang *forecast* bagaimana untuk mengatasi masalah ini tidak dapat diterjemahkan dengan sempurna. Ditambah lagi dengan janji yang diberi oleh kerajaan untuk melatih golongan belia-belia dengan latihan-latihan kemahiran, proses pendaftaran dibuat tetapi yang dilatih masih lagi di bawah jumlah yang amat kecil. Jadi saya mengharapkan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri memikirkan, bukan sahaja untuk meningkat *yield* tetapi untuk mempelbagaikan sumber pendapatan rakyat di luar bandar. Saya pernah cuba dulu umpamanya tentang peranan cacing sedikit sebanyak dapat mengurangkan pencemaran bilamana jerami padi dapat kita selesaikan dan kita boleh jual *compose* ini RM 4.90 dan cecairnya pula sampai RM 11.90, ini saya ingat wajar diteruskan. Yang keduanya membelikan patin di tali air yang saya difahamkan sehingga dua puluh ribu ringgit boleh diperolehi oleh mana-mana nelayan yang terlibat pada ketika itu dengan sangkar kayu cengal yang dicadangkan oleh Jabatan Perikanan pada ketika itu dan kita juga melihat usaha-usaha untuk melaksanakan menambahbaik kualiti umpamanya, *smoke keli*, *smoke patin*, hari ini tak dapat perhatian yang sewajarnya. Jadi saya mengharapkan kepada Kerajaan Negeri untuk memikirkan balik bukan sahaja untuk meningkat *yield* tapi mempelbagaikan sumber pendapatan rakyat lebih penting dan saya mengharapkan juga usaha-usaha untuk meningkatkan kadar pendapatan nelayan juga dapat ditingkatkan. Kita melihat hari ini bantuan, berbagai bantuan diberikan daripada bot, pukot, enjin tapi ikan di laut tak ada. Usaha-usaha perlu diusul bagaimana untuk kita menambah hasil pendapatan mereka di masa akan datang, kalau tidak mereka akan terus hidup di bawah kemiskinan kerana PJK di Negeri Selangor cukup tinggi RM 1,500.

Tuan Speaker dan sekalian,

Kita juga melihat usaha-usaha untuk mempromosikan produk-produk makanan kita sampai hari ini ke London, sampai ke California tapi saya difahamkan hari ini ramai pengusaha-pengusaha kerepek ubi umpamanya hari ini tidak mendapat bekalan ubi yang mencukupi dan hanya terpaksa mengurangkan produktiviti mereka yang sebenarnya mendapat daya tarikan yang amat baik di luar negara. Saya ingin bertanya di manakah ladang rakyat yang dijanjikan dulu, ini yang paling penting sekali. Jika kita gagal untuk memenuhi permintaan-permintaan bahan mentah ini maka kita akan membantutkan perkembangan ekonomi rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Yang Berhormat sekalian,

Dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan dalam keadaan ramai yang akan diberhentikan pasti ada berlaku tekanan-tekanan dalam keluarga masing-masing. Bila mana suami atau isteri di dalam keadaan tekanan maka kita akan melihat kanak-kanak akan jadi sasaran. Kalau orang politik ada tekanan dia buruk sangkalah macam Merulah buruk sangka macam-macam, *botox* lah, gitulah, beginilah. Nampak baca ayat bagus-bagus juga tapi buruk sangka ni saya rasa satu perkara yang tak baik. Ini peluang saya, jadi saya nak bagi tahu kita jangan buruk sangka. Apa kita nak buruk sangka dalam dewan ini pun kita nak buruk sangka. Saya tak ada takut untuk nak menghadapi penerangan dan sebagainya, saya nak katakan bahawa apa yang saya buat tak ada bermasalah. Saya dah lalui dah siasatan BPR ini 10 jam, 12 jam, 15 jam dan Alhamdulillah kes kemelut ini dikeluarkan SPRM buat *statement has been cleared* dengan izin. Alhamdulillah saya lalui, setiap laporan saya kena siasat 10 jam, 12 jam, isu BALKIS saya kena siasat isteri saya 8 jam sebab itu saya tak akan maafkan kerana

ada aduan itu tidak betul. Saya tak akan maafkan kerana itu hak saya dan kita akan jumpa di mana tempat yang sewajarnya kita bertemu. Jadi siasat saya tak ada bimbang apa saya nak katakan di sini kerana kita dipihak yang benar, *perception* yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu umpamanya pembangkang amat buruk kepada kerajaan. Kes Altantuya yang disebut oleh Bukit Antarabangsa daripada dekat 10 .. 20 minit seolah-olah dia pasti perkara itu berlaku, menggunakan perkataan kedurjanaan insan yang pernah mendapat nikmat daripada kerajaan. “ (Ayat Al-Quran)... *Jika kamu bersyukur Allah akan tambah nikmat ke atas kamu tetapi bila kamu kufur, awas azab Ku amat pedih*”. Jangan mempermain-mainkan ayat Al-Quran dan sebagainya. Buruk sangka bukan sikap orang Islam dan orang yang buruk sangka hatinya hitam amalannya sukar diterima oleh Allah SWT ini perkara yang saya hendak tegaskan.

Tuan Speaker dan sekalian,

Bila mana suami tak berpendapatan, bila mana isteri tak berpendapatan, anak-anak akan jadi sasaran. Sebab itu pendekatan proaktif perlu oleh Kerajaan Negeri perlu dibuat untuk kita menyediakan lebih banyak lagi pusat penjagaan kanak-kanak di Negeri Selangor. Jika tidak, ramai anak-anak kecil menjadi yang akan mangsa tekanan daripada kedua ibu bapa dan ini perlu dibuat dengan segera kalau tidak kita akan hadapi masalah sosial yang lebih berat di masa yang akan datang. Dan saya merasakan bahawa pusat penjagaan kanak-kanak yang dulunya dicadangkan di tiap-tiap jabatan kerajaan tak dipenuhi sepenuhnya. Eloklah bila kita menghadapi masalah ini kita wujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di setiap jabatan ataupun di setiap bangunan kerajaan dan kita perlu juga menyediakan tempat-tempat yang luar untuk mengatasi masalah deraan kanak-kanak di masa yang akan datang.

Tuan Speaker dan semua sekalian,

Tentang bantuan, saya difahamkan bantuan yang diberikan kepada Sekolah Cina 4 juta, Sekolah Agama 4 juta, sekolah India 4 juta. Alhamdulillah, tapi kalau kita tengok tentang jumlah penduduk Tuan Speaker.. Puan Speaker, orang Melayu 2.5 juta dapat 4 juta, penduduk Cina 1.3 juta dapat juga 4 juta, penduduk India pula 0.6 juta, dapat 4 juta. Ada lebih 500 sekolah agama Tuan Speaker...Puan Speaker. Jadi saya harap sangat ia dilihat semula kalau boleh diberikan mengikut jumlah penduduk yang ada di dalam negara kita.

**YB PUAN LEE YING HA:** Puan Speaker minta laluan.

**PUAN SPEAKER:** Macam mana ADUN Sg. Panjang? Ok.. Silakan.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya, saya ingin tanya Y.B Sg. Panjang. Adakah Y.B sedar bahawa di Negeri Selangor kita semua rakyat yang duduk di sini sama ada *Chinese*, *Indian* atau *Malay* semua adalah kaum Malaysia, kita bangsa Malaysia jadi apa salahnya kita menyalurkan peruntukan kerajaan kepada rakyat secara adil dan saksama.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya faham Teratai, adil itu apa maksudnya? Adil itu maksudnya meletakkan tempat sesuatu itu di tempat sewajarnya. Itu adil. Kalau *equality* itu lain, kesamarataan. Kalau bercerita keadilan meletakkan sesuatu di tempat sewajarnya. Bila orang Melayu ada 2.5 juta lebih 500 sekolah adilnya diberikan lebih. Itu adilnya, tapi ini konsep kesamarataan, saya tak menghalang

memang kita galakkan berikan. Kalau bagi 10 juta sekolah Cina, saya sokong tapi berilah 15 juta kepada Sekolah Melayu. Jadi saya mengharapkan bahawa eloklah dilihat tentang peruntukan ini kerana saya merasakan jika ianya tak dibuat dengan adil maka ianya akan memberi kesan yang kurang baik terhadap pendidikan anak-anak Melayu di luar bandar.

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta laluan Puan Speaker...

**PUAN SPEAKER :** Teratai...

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya, saya cuma nak tanya Y.B Sg. Panjang, adakah Y.B Sg. Panjang faham tak kita kebanyakan sekolah Tamil, Cina atau Agama tidak dapat sokongan sepenuhnya dari Kerajaan Pusat berbanding dengan Sekolah Kebangsaan yang mana mereka dapat sokongan 100% sokongan dari Kerajaan Pusat. Jadi inilah ketidakadilannya setelah dimunculkan di masyarakat kita. Sekarang Pakatan Rakyat cuma mensaksamakan dan mengadilkan semua polisi yang dulunya tidak menjaga sekolah-sekolah yang bukan kebangsaan. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya nak bagi tahu Teratai apa maksud Sekolah Kebangsaan? Adakah Sekolah Kebangsaan itu untuk orang Melayu sahaja? Kalau begitu namakan Sekolah Melayu jangan namakan Sekolah Kebangsaan. Kena faham Teratai, Sekolah Kebangsaan maksudnya sekolah itu digalakkan semua kaum menyertai sekolah tersebut itu namanya Sekolah Kebangsaan. Kalau Teratai kata Sekolah Kebangsaan itu Sekolah Melayu buat usul Sekolah Kebangsaan, Sekolah Melayu bukan Sekolah Kebangsaan. Jadi saya nak jelaskan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, Tuan Speaker minta penjelasan..

**Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Jadi saya nak jelaskan, Kg. Tunku ini peluang saya..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan..

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Duduk...duduk...

**YB B TUAN LAU WENG SAN:** Ada banyak soalan ni....

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tak apa, nanti kita jawab. Saya nak jelaskan tentang usaha yang telah dibuat, saya nak memberitahu bahawa peruntukan ini perlu dikaji semula dan jangan salah ertikan saya tidak setuju dengan apa-apa peruntukan sekolah Cina. Jadi saya mengharapkan kepada Tuan Speaker Jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri mengambil perkara ini secara serius kerana ia mungkin akan memberikan peluang....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, saya berdiri untuk meminta laluan sekali lagi, ya terima kasih Sg. Panjang. Kita bercakap tentang pendidikan, Yang Berhormat Sg. Panjang tadi kata tentang Sekolah Jenis Kebangsaan, perkataan Kebangsaan yang kita guna pakaikan. Saya pula ingin bertanya, bolehkah Yang Berhormat menjawab soalan ini. Mengapakah peruntukan untuk sekolah-sekolah Kebangsaan daripada Kementerian Pelajaran di peringkat persekutuan kepada SJKT, SJKC adalah begitu sedikit, langsung tidak mengikut penduduk yang sepatutnya. Kalau Y.B Sg. Panjang

mengatakan bahawa kita kena menilai kembali mengikut komposisi penduduk, adakah Y.B Sg. Panjang juga bersetuju saya minta Kementerian Pelajaran untuk menilai kembali pembahagian peruntukan yang tidak adil dan saksama itu. Adakah Y.B Sg. Panjang bermaksud begitu?

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Kampung Tunku, baca dulu falsafah pendidikan Sekolah Kebangsaan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Sama-sama Kebangsaan.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** No..saya nak bagi tahu baca balik...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Apa baca balik, K ialah Kebangsaan, SJKT Kebangsaan, SK Kebangsaan, SJKC Kebangsaan.

**Y.B DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Dengar saya bercakap dulu, baca balik Penyata Razak, baca balik Penyata Razak, orang muda tak tahu sejarah. Baca balik Penyata Razak, saya nak baca balik.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat hanya beberapa tahun lebih senior daripada saya saja.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Tapi saya banyak baca sejarah.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat juga perlu baca balik itu PEMUDA UMNO.

**PUAN SPEAKER:** Ok, minta duduk.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya nak beritahu tentang falsafah Sekolah Kebangsaan.

**PUAN SPEAKER :** Saya nak tahu siapa yang bercakap tadi tu? Speaker tak boleh *control*.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Falsafah Sekolah Kebangsaan mengatakan bahawa Sekolah Kebangsaan itu diberikan peluang...

**PUAN SPEAKER :** Saya ingin tahu siapa yang bercakap tadi tu?

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Diberikan peluang kepada semua rakyat. Itu Sekolah Kebangsaan. Kita menggalakkan orang Cina, kita menggalakkan pelajar India masuk Sekolah Kebangsaan. Sebab itulah Sekolah Agama pun tidak mendapat peruntukan yang begitu banyak daripada Kerajaan Persekutuan. Kita faham, sebab itu Penyata Razak adalah paling tepat untuk menerangkan kedudukan Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ataupun India. Jadi kita merasakan bahawa usaha hendaklah dibuat tentang belia, bila Tuanku bertitah, belia akan menjadi *compositors* terbesar dalam masyarakat. Lebih 44% belia akan menjadi rakyat negara kita dan rakyat Negeri Selangor dan saya merasakan bahawa peruntukan khusus kepada golongan belia perlulah diberikan dan kita melihat keadaan ini amat membimbangkan dan seterusnya saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri

supaya mengambil inisiatif tentang insentif *tax relief* yang disiarkan oleh Kerajaan Persekutuan semalam 10,000 kepada mana-mana pasangan yang membeli rumah di negara kita. Jadi kalau kita dapat mengolah dan untuk mengkoordinasi pembeli dan juga pembina rumah dan kita akan dapat menggalakkan rakyat mempunyai rumah dengan insentif lebih kurang 10,000 ringgit dan ini telah dibuat dengan jayanya di Negara Australia.

Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian

Saya nak tahu tentang apa yang dikatakan oleh Bukit Antarabangsa tentang bai'ah redhuan yang lebih dikenali dengan bai'ah ... bai'ah redhuan yang berlaku antara orang Islam dan Islam. Tetapi bai'ah yang berlaku di Perak lain jangan disamakan, jangan samakan. Jadi ini kesalahan fakta yang amat jelas perlu dibetulkan.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Apa yang berlaku di Perak adalah keputusan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Kalau nak mengatakan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak tak faham undang-undang, kalau nak mengatakan Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak tidak faham tentang peraturan atau pun buta undang-undang itu satu perkara yang amat anih. Kerana Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak merupakan bekas Hakim Negara dan hari ini keputusannya masih lagi banyak dirujuk oleh mana-mana hakim dalam membuat keputusan dalam negara kita. Jadi kita harus berlapang dada. Bilamana wakil rakyat Barisan Nasional melompat ke Pakatan Rakyat kita lihat dengan rasa sombong dan egonya mengatakan inilah demokrasi yang sebenar-benarnya telah berlaku di bumi Negeri Perak. Bila berlaku sebaliknya maka tunggang langgang isu dimainkan mengatakan bahawa Orang Melayu merampas kerajaan orang bukan Melayu di Perak. Siapa yang main sentimen perkauman pada saat ini. Itulah masih tak sedar jugak. Itulah dia sampaikan Sultan Perak yang faham, Sultan Perlis kita akur selepas tak lantik Dato' Shahidan, kita akur kita ikut, Terengganu pun kita akur, tapi mengapa di Perak kita tak akur.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta maaf Sungai Panjang. Puan Speaker minta laluan.

**YB SPEAKER :** Macam mana Sungai Panjang. Ok Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Apa yang, Yang Berhormat Sungai Panjang kata di Terengganu Barisan Nasional akur tapi kita nampak ada demonstrasi, ada kain rentang yang memaki hamun Istana, Raja, ada ke tidak perkara ini, berlaku atau tidak? Saya mintak buat penjelasan. Sumpah betul berlaku atau tidak atau saya buat fitnah. Sekian terima kasih.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Kita nak katakan memang berlaku tetapi akhirnya kita akur tetapi tak sampai kita nak baring depan Raja, nak baling kereta Raja dengan objek tertentu. Kita kena akur peringkat awal kita perjuangkan. Kita akur kita .... ini yang berlaku hari ini.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Puan Pengerusi

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Silakan



**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Dato' Seri bolehkah Dato' Seri tolong terangkan sedikit kepada ADUN Sekinchan perkataan akur fasal dia tak faham tentang perkataan akur dengan taat setia kepada Sultan.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Akur ni Batang Kali, akur maksudnya tidaklah sembah derhaka, ego, itu saja jadi kita tak naklah isu di Perak ini menjadi isu nasional sehinggakan hari ini membawa pecah belah, timbul rasa benci kepada Sistem Beraja, berperlembagaan dalam negara kita. Jadi saya lihat perkara ini perlu diberhentikan marilah kita berfikiran rasional.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan Puan Speaker. saya nak bertanya kalau kita bercakap soal akur apa pendapat Yang Berhormat tentang tindakan Kerajaan Persekutuan yang melantik JKPP di peringkat negeri yang tidak mengiktiraf kuasa kerajaan negeri di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan melantik JKPP di peringkat kampung.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya nak beritahu kalau negeri tak puas hati bawak ke Mahkamah, bawak ke Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekarang ini saya tak nampak satu *statement* pun

Dewan mencelah.....

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Yea.. tapi ada tak *statement* Tuanku jangan tubuhkan JKPP, kalau kata jangan, kita berhenti. Kita ni yang akur tak adalah kita nak berdemonstrasi dan sebagainya. Maksudnya akur bila Tuanku buat keputusan kita ikut.

**TUAN SPEAKER:** Seri Muda nak mencelah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Sungai Panjang. Tadi Yang Berhormat ada nyatakan, sebut bahawa kita akur, kita akur. Ada perbezaan di Permatang Pauh, di Kuala Terengganu dengan di Perak. Kita adakah pilihan raya di Kuala Terengganu sedangkan di Perak tidak ada. Apa komen Yang Berhormat.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Nak bubarkan dewan atau pun tidak itu hak Duli Tuanku, apa hak Seri Muda mempersoalkan hak Duli Tuanku. Adakah Tuanku Sultan Perak tidak mahir dalam perlembagaan negerinya sendiri. Hak dia.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Perkara pokok di sini bukan soal kita mempertikaikan kuasa Sultan Yang Berhormat sebut tadi bahawa kita akur maknanya bahawa Barisan Nasional akur dengan keputusan Sultan, ok tetapi perbezaannya di Kuala Terengganu kita adakan pilihan raya, di Permatang Pauh kita adakan pilihan raya, di Perak tidak ada pilihan raya sebaliknya kerajaan itu dirombak begitu sahaja.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya ingat YB Seri Muda balik baca Undang-undang Tubuh Negeri Selangorlah. Dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor mengatakan begitu jelas, bilamana seorang Menteri Besar itu tidak mendapat 2/3, *simple majority* ia boleh buat dua perkara. Pertamanya dia letak jawatan, keduanya dia menghadap Duli Tuanku bubarkan dewan. Hak membubarkan dewan hak Duli Tuanku. Ini kenyataan dalam perlembagaan. Baca Undang-undang Tubuh Negeri

Selangor lebih kurang sama dengan Perak. Mempertikaikan keputusan Duli Tuanku apa maksudnya. Akur. Itu betul, Tuanku kata tak setuju dibubarkan dewan, dan kita tak akur, kalau tak akur apa maksudnya. Derhaka. Kita baca dulu undang-undang. Memang tak kuasa memecat Menteri Besar kita tau, tapi masalah sekarang bila hilang 2/3, *simple majority* dan Tuanku telah melantik orang lain dan Tuanku Sultan Perak ni yang mahir perlembagaan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Speaker

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang. Silakan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya nak tanya kepada Sungai Panjang, ingat tak sejarah ada pemimpin UMNO yang tidak pernah akur kepada arahan Sultan di Negeri Perak.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Ooooh sejarah sebab itu kita belajar dari sejarah. Tadi Meru dah bagi tau pengalaman, sebab itu kita belajar sekarang. Yang parti Pakatan Rakyat ataupun kerajaan campuran tak faham sejarah, tak ikut sejarah kenapa?

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tak faham sejarah, sebab maknanya itu memang tidak ada kuasa Sultan untuk meminta Menteri Besar letak jawatan, itu adalah urusan Perdana Menteri. Perdana Menteri pada masa itu telah menasihatkan Menteri Besar untuk meletakkan jawatan, jadi itu maknanya sampai hari ini UMNO tak faham sejarah.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Faham... kita faham. Bila Duli Tuanku tak nak bubarkan dewan. Di Selangor pun berlaku bilamana Dato' Harun digulingkan. Sejarah itu tak payah pergi Perak. Masalah sekarang ini Duli Tuanku telah membuat keputusan tidak mahu bubarkan dewan dan telah melantik Menteri Besar yang baru.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker minta laluan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan. Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Persoalan sekarang pertikaian politik di Perak, di peringkat sekarang ini bukan soalnya nak babit Istana, Istana jangan kita babitkan. Sekarang kita cabar Barisan Nasional kalau anda jantan ayuh mari kita minta semua bubarkan DUN di Perak, kita hadapi dengan rakyat, berani tak, kalau tidak kita cakap omong-omong kosong sahaja.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Sekinchan, kalau BN pergi mintak, kalau Pakatan pergi mintak bermakna kita sudah derhaka dengan Sultan. Sultan sudah buat keputusan. Kita bubar Selangor buktikan macam mana. Kalau nak sangat. Kalau betul-betul nak tengok demokrasi, saya cabar bubar Negeri Selangor. Esok bubar kita perang di bawah. Tengok siapa lebih di pilihan raya akan datang. Tuan Speaker..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Panjang tolong bincang perkara berkaitan dengan usul. Bukannya tentang Kerajaan Negeri Perak tidak ada kena mengenai

dengan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya dah beri peluang dah. Teruskan.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Ok saya teruskan. Dan saya harap kepada Kerajaan Campuran akurlah.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Boleh saya betulkan. Macam mana dah dua kali disebut oleh Sg Panjang kata Kerajaan Campuran. Kami adalah Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

**YB DATO' SERI DR MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Masalah dia bila Pakatan ni dibuat sebelum Pilihan Raya. Dah buat Pilihan Raya mana ada Pakatan. Kerajaan ditubuhkan selepas Pilihan Raya bukan sebelum Pilihan Raya. Saya nak gelar kerajaan campuran tak ada masalah. Saya kalau kata Pakatan, Pakatanlah tetapi bagi saya yang paling baik kerajaan campuran. Itu pemahaman saya. Puan Speaker, saya harap kita akurlah. Lebih baik kita lupakan di Perak kita sama-sama bangunkan Negeri Selangorlah. Tentang air ni terus terang saya katakan, memanglah dulu saya yang mohon kepada Kerajaan Pusat untuk memberikan konsesi air kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dan saya bekerja keras melobi sehinggakan mendapat keputusan dalam bulan Februari. Saya rasakan sekarang Kerajaan Negeri kena berusaha bersungguh-sungguh kerana ini hak Negeri Selangor, hak Negeri Selangor. Itu pendirian kita cuma saya ingin cadangkan beberapa perkara. Sebenarnya kalau kadang-kadang kita ni bincang kita kena ada jugalah kita bagilah teh. Saya rasa sekarang ini yang paling penting kita perlu menguasai syarikat-syarikat pengeluaran air kerana syarikat ini yang buat duit. Syarikat *distributions lossing end* kerana dia terpaksa menanggung sekurang-kurangnya 30% NRW, *Non Revenue Water*. Kalau kita boleh pegang syarikat pengeluar air, ABBAS, SPLASH dan Puncak Niaga dalam masa setahun dua, dia kena *surrender* juga. Jadi kita harap diusahakan bersungguh-sungguh.

Dan kita lihat keduanya tentang pemindahan air dari Pahang ke Negeri Selangor ni, Puan Speaker. Saya bimbang nasib baiklah ada sikit *site bad economy*. Kalau ekonomi rancak bergerak 2011 atau 2012 kita mengalami krisis air, nak buat pula *treatment plant*, dengan dia punya empangan dan sebagainya memakan masa enam (6), tujuh (7) hingga sepuluh (10) tahun. Lagi-lagi kalau nak bawa dari Pahang ke Negeri Selangor, nak buat terowong tu dah berapa. Kalau tak ada pun kena ada khusus untuk melihat *alternative water resources*, ini yang paling penting sekali. Dan kita bimbang juga tentang NRW, saya pun tak yakin dengan syarikat menurunkan kadar kepada 20 peratus baru-baru ini masa yang pendek, sedangkan tak banyak pun paip yang digantikan. Kita difahamkan ada lebih 6 ribu kilometer paip yang menelan belanja lebih 2 bilion untuk digantikan. Selagi era global tidak dapat diatasi, kita akan mengalami masalah besar dan akhirnya kita mengalami krisis air ini dalam Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya merasakan bahawa jika rundingan dibuat dengan lebih kerap, dengan lebih terperinci, dengan muka yang manis penyelesaian dapat kita buat, yang penting aset ini kekal di Negeri Selangor kerana ini hak rakyat Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tentang *allegation* dan sebagainya ini, saya harap kepada rakyat negeri tentang pembelian hartanah di Makkah ini eloklah ditengok juga minit mesyuarat-minit mesyuarat, siapa yang suruh kita beli, siapa yang benarkan dan sebagainya, kerana saya tidak nak menyebut perkara sensitif

ini di dalam Dewan. Terus terang saya katakan bahawa kita memang beli mula-mula lima (5) lepas tu, selepas bergaduh di sana, rakan-rakan kita dari Indonesia dan Singapura tak beli, jadi kita tambah lagi. Bila tambah pula lepas tu kita tak cukup duit nak melabur terus dan kita terpaksa jual dengan *cost price*. Ini di Makkah, takkanlah kita nak bohong di Makkah, di Al-Haram, sebelah Al-Haram ni, dan kita beli dulu di bawah *endowing system* sebahagian daripada hasil pendapatan itu akan digunakan untuk *maintained* Masjidilharam dan oleh kerana kawasan Al-Ahram, dia kena gunakan nama orang Islam kerana orang bukan Islam tidak dibenarkan memiliki hartanah di kawasan Tanah Haram sebab tu saya dah sains dah, berapa kali surat tukar nama kepada Yang Amat Berhormat Pengerusi yang baru dan saya *declare* dalam EXCO, saya *declare* semuanya kerana saya tidak ada berkepentingan. Itulah yang sebenarnya dan janganlah kita ambil isu ini sampai memalukan kita, di Masjidilharam pun kita nak buat *allegation*, tak sampai hati saya nak buat dan saya terus terang, apa pun saya tulis surat, cepatkan semua pertukaran nama semua, saya tak mahu menanggung beban dan tak satu sen pun masuk dalam akaun saya kerana saya tak mahu, kerana ini hak Kerajaan Negeri, milik rakyat Selangor, sumbangan kita kepada Masjidilharam. Dan nak dapat ni Tuan Speaker bukannya senang, berebut-rebut dan harta ini hari ini mungkin dah tiga kali ganda harganya kerana dok satu-satunya apartmen yang paling dekat dengan Ka'abah, bayangkanlah berjuta orang pergi tengok, inilah satu-satunya yang ada yang ditawarkan kepada orang-orang Islam di seluruh dunia. Jadi saya harap perkara ini dapat diperhatikan semula.

Tentang jam ni, saya dah bagi tahu dah, saya pun baca undang-undang. Bila masa saya belikan jam ni seribu lebih ke atas, saya tak saya tak, boleh buat, saya serahkan automatik, jam tu saya tak pakai, saya dah ulang berkali-kali di dalam surat khabar. Kadang-kadang saya rasa sedih jugalah fitnah ini berleluasa walaupun dah tahu yang sebenarnya. Tentang *allegation* BALKIS 2009, 1.2 juta ini saya pun dah tak ingat dah saya rasa. Dalam ingatan saya, BALKIS saya bagi 1 juta peruntukan untuk berikan kepada orang ramai pada tiap-tiap tahun *one million*. Dan ini berlaku selepas kerajaan bertukar tangan sama sahaja, kita bagi duit ringgit kepada orang kampung, lima puluh ringgit, seratus, duit raya, kain pelekat, hamper raya cina, raya India kita bagi. Kalau nak detail tiap-tiap orang nak ambil sains RM50.00 orang miskin, tua-tua mari nak sains Tuan Speaker, takkanlah kita nak buat macam tu sekali, aci-aci tua nak ambil seratus ringgit kena sains beratur dua-tiga jam, lepas tu kita biarkan dilaksanakan dan tujuan cukup baik, dan ia lakukan dan saya setuju Yang Amat Berhormat sekarang lakukan di Ijok, di Bandar Tun Razak tiada masalah kerana kita tahu tujuannya baik. Dan kita tak tahu dari mana dapat sampai begitu banyak, peruntukan satu juta PNSB beri, kalau ramai Tuan Speaker sikit dapat, kalau tak dapat lebih seratus ringgit seorang. Takkanlah dari Sabak Bernam, daripada Hulu Selangor datang ke Shah Alam bagi lima puluh ringgit kita bagilah seratus ringgit, takkan semua nak sains semua orang dengan nombor ic apa semua, kena 500 orang sehari, seharilah berlonggok kat dewan, nak dapat RM500.00 tak praktikal. Bagi pulak bulan puasa nak raya, bagi pula nak sambut Raya Cina, nak sambut Raya Deepavali. Itu yang kita gunakan.

Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, saya harap sangatlah buruk sangka ini dapat dielakkan, dan saya juga mengharapkan bahawa usaha-usaha untuk menangani krisis ekonomi dibuat dengan baik. Saya tak mahu ada Rakyat Selangor yang terpaksa gantung diri atau terjun bangunan kerana *stress* menghadapi kegawatan ekonomi.

Tuan Speaker, Yang Berhormat sekalian, saya mengharapkan bahawa program-program ini dibuat dengan lebih praktikal, lebih praktikal, nampak kesannya secara telus

dan dapat dilihat kita menyumbang. Dan yang penting Tuan Speaker, peruntukan banyak ni, kalau kita tengok hari ini peruntukan banyak, saya nak beritahu hari ini 60 bilion, 2 bilion untuk masalah pekerjaan, 10 bilion *the government mean is pending difficult* cukup ni bagi macam-macam, rumah, bendang dan semua ada 29 bilion lagi untuk *private sector*, 116 bilion lagi untuk *infrastructure* dan sebagainya. Ini 60 bilion ni kalau tak diurus betul-betul pergi ke negeri lain. Kalau diurus betul-betul dapatlah kat kita. Jadi kena cari mekanisme bagaimana untuk dapatkan peruntukan, ini yang paling penting sekali sekarang.

Tentang PPN tadi saya pun kurang periksalah, sampai PPN ni, sampai SPRM masuk, bila saya *attend meeting* tak ada pula Pengarah PPN dekat situ, MKN tak ada nak bincangkan bagaimana nak membangunkan kawasan-kawasan yang di bawah Barisan Nasional dan kita beri peruntukan. Yang kita buat jalan, yang kita buat longkang, orang Pas orang PKR orang UMNO begitu juga, baguslah hari ini Kerajaan Negeri buat juga, Kerajaan Federal buat juga, dapat dua peruntukan, patutnya kita lagi seronok, tak ada masalah. Jadi jangan kita nak rasa bimbang, jadi saya harap Tuan Speaker, saya tutup ucapan saya. Saya dengan ini mendoakan semoga Allah Subhanahu-Wataalah memberikan kekuatan, kesabaran dalam menangani isu-isu rakyat yang semakin tidak hormat kepada dan taat kepada Raja-raja, sentiasa memberikan kata-kata ingatan tentang pentingnya kita pertahankan Sistem Raja Berperlembagaan dan kita juga mendoakan kepada Baginda Tuanku akan terus memberi peringatan kepada kita. Dan kita sebagai rakyat perlu dengar dan ia memberi manfaat yang baik dan eloklah kita akur kerana yang pentingnya negeri mencapai kemajuan, rakyat hidup sejahtera, berpendidikan, kurang mengata dan fitnah, Insya-Allah kita akan menjadi sebuah negeri Baghdatun, Toyyibatun Warabbun Ghafur. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Puan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mengambil bahagian menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan kegawatan ekonomi yang sedang kita hadapi sekarang ini. Tetapi sebelum itu juga saya ingin memaklumkan bahawa teks ucapan itu sudah ada di dalam laman web saya.

Puan Speaker, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah awal untuk menangani masalah kegawatan ekonomi dengan melaksanakan beberapa strategi seperti membuka kaunter di PBT untuk mendaftar pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja. Ini juga termasuklah pelancaran Selangor *will help retrench* dan sebagainya dan saya rasa ini adalah satu inisiatif yang cukup baik dan dalam menghadapi kegawatan ekonomi ini, saya berasa amat syabas kerana dan bangga kerana Selangor masih mampu menarik pelaburan sebanyak 11.87 bilion ringgit pada tahun yang lalu. Ini adalah satu pencapaian yang sangat memberangsangkan. Malangnya saya rasa saya telah terima beberapa maklumat, rakan kita dari Kuala Kubu Baru pula tidak mempercayai angka ini, maklumlah dia kata dalam surat khabar rasanya tidak begitu tepat. Makluman pelaburan ini adalah jumlah yang terbesar di dalam sembilan tahun kebelakangan ini Puan Speaker, jauh melebihi daripada apa yang berlaku oleh Kerajaan BN sebelum ini. Saya amat kecewa sebenarnya hanya dengan pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan semalam di mana fokusnya sebenarnya amat berbeza berbanding dengan pakej rangsangan ekonomi yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, walaupun saiz pakej Kerajaan Selangor adalah lebih kecil sedikit berbanding dengan pakej Kerajaan Persekutuan. Pakej rangsangan ekonomi Kerajaan

Persekutuan ini masalahnya ialah yang pertama ialah jarang-jarang menyentuh penambahbaikan sistem pengangkutan awam. Malahan Kerajaan Persekutuan masih menambahkan peruntukan sebanyak dua ratus juga untuk tanah pembangunan automotif dan memperkenalkan skim diskaun RM5,000 untuk pembelian kereta baru. Saya tidak mempersoalkan, cuma saya rasa ini adalah satu dasar yang lapuk, kerana pada masa sekarang khususnya di Negeri Selangor bilangan kenderaan peribadi di jalan raya kita sudah terlampau banyak. Saya tidak mahu melihat Kerajaan Persekutuan lain kali pula menggunakan alasan ini untuk membina lebih banyak lebuhraya bertol kerana ini hanya akan memperkayakan kroni-kroni UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Speaker, pemulihan dan pembersihan semula Sungai Klang dan perluasan sistem pengangkutan awam di Selangor termasuk peluasan sistem transit aliran ringan adalah amat bersesuaian dengan keperluan warga Negeri Selangor dan ianya jauh lebih *down to serve* dengan izin berbanding dengan pakej rangsangan Kerajaan Persekutuan yang nilainya besar-besar tetapi apabila dikatakan dengan kesan, kesan di peringkat akar umbi saya rasa tak berapa banyak yang boleh kita rasai. Ini kerana pada tahun ini kita sudah tahu bukan sahaja semua rakyat, bukan semua rakyat di Negeri Selangor mempunyai kereta, bukan semua ingin menukar kereta lama mereka tetapi ianya adalah lebih berkesan kalau wang ini boleh digunakan sebaik-baiknya untuk membangunkan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor khususnya di Wilayah Lembah Klang. Untuk itu saya boleh jadi atau tak jadi saya tak pastilah tetapi ini adalah cadangan saya kepada semua peringkat kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri supaya kita merancang sistem transit nilai ringan LRT di Lembah Klang ini dan ianya boleh dipanjangkan sistem LRT kita dipanjangkan dan dinaiktarafkan dari stesen Kelana Jaya sekarang ini ke Lembah Subang, Kota Damansara, Sungai Buloh, Paya Jaras, Subang, Shah Alam, Bukit Raja, Kapar, Klang, Taman Muda, Batu Tiga, Puchong dan akhirnya sampai ke Bukit Jalil. Ini akan menjadi satu rangkaian bulatan MRT yang komprehensif dan sekali gus melengkapkan sistem aliran *real* kita. Satu bulatan *real* komprehensif kita ini bolehlah dibina dan dilengkapkan dengan sistem *filer bus* yang merentasi bandar-bandar utama ini. Kemudian kita bolehlah merancang fasa yang kedua mungkin selepas lima tahun atau sepuluh yang akan datang untuk membangunkan sistem pengangkutan awam *be-rel* di kawasan-kawasan seperti Kajang, Bangi, Morib, Sepang, di sebelah selatan dan juga Rawang, Gombak, Serendah, Rasa, Kuala Kubu Baru dan Ulu Bernam di sebelah utara. Ini adalah cadangan saya.

Saya juga ingin menggesa kerajaan supaya memandang serius terhadap masalah-masalah infrastruktur yang dihadapi oleh pelabur-pelabur dan pekilang-pekilang di Negeri Selangor. Saya sering kali menerima aduan ini khususnya di kawasan saya yang Y.B. Seri Setia iaitu tentang keadaan jalan, infrastruktur yang teruk dan berlubang-lubang di kawasan zon perindustrian bebas Sungai Way ataupun Sungai Way FIZ. Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Industrial Park Management Committee* atau IPMC untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah infrastruktur yang dihadapi oleh golongan pelabur dan pekilang di semua PBT. Dan saya syabas, mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana aduan ini telah ditangani pada 5 Mac yang lalu. Tetapi adalah merupakan keinginan saya untuk mengetahui dengan lebih lanjutnya peranan dan fungsi IPMC yang telah ditubuhkan di kesemua PBT di Selangor ini.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India dan ini saya menggesa kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil langkah yang holistik dalam menangani masalah sosial yang dihadapi oleh

masyarakat India di Selangor ini. Dan masalah ini tidaklah begitu serius di mana saya berpendapat ianya tidak wajar, tidak harus diselesaikan ataupun ditugaskan kepada seorang EXCO sahaja, yang sekarang ini menjaga portfolio Kerajaan Prihatin dan Kebajikan dan Pekerja Ladang. Masalah ini merupakan masalah seluruh rakyat Negeri Selangor kerana masalah ini akan beri kesan-kesan negatif kepada semua orang iaitu tak lain tak bukan rakyat Negeri Selangor sendiri. Masyarakat India menghadapi kadar keguguran sekolah dan kadar jenayah yang tinggi berbanding dengan etnik yang lain di Malaysia. Dan adalah tidak mencukupi kalaulah kita hanya setakat menyediakan bantuan kebajikan mereka, sedangkan kita sebagai satu strategi jangka masa panjang perlulah memikirkan cara-cara yang boleh mendatangkan faedah jangka panjang kepada mereka. Justeru itu saya di sini ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan memberi hak milik tanah kekal kepada semua SJKT yang mana masih berada di estet-estet di Selangor ini. Seperti sedia maklum, sekolah-sekolah yang didirikan di dalam estet ini selalunya tidak mempunyai hak milik tanah mereka sendiri. Ianya hanya didirikan di atas tanah estet dan apabila estet itu dibangunkan untuk tujuan yang lain, SJKT yang ada di dalam estet itu juga perlu dipindah malahan ditutup. Walaupun kita mempunyai peruntukan yang terhad dalam hal ehwal pendidikan di mana bebanan yang lebih besar diletakkan ke atas bahu Kerajaan Persekutuan saya berpendapat kita masih mampu mempunyai keupayaan sekurang-kurangnya untuk memberi hak milik tanah kepada sekolah-sekolah SKJT ini supaya mereka boleh terus dibuka dan beroperasi.

Institusi keagamaan kalangan anak-anak muda India jugalah perlu diperkukuhkan supaya mereka dididik dengan sempurna dan tidak mudah terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan sekali lagi saya memuji inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meluluskan peruntukan tanah kepada rumah-rumah ibadah bukan Islam yang selama ini tak diberi layanan adil oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apa yang boleh dipertingkatkan pada masa sekarang ialah supaya kita boleh memikirkan cara untuk memasukan pembangunan keagamaan dan semua Warga Negeri Selangor dalam arus pembangunan perdana sama ada dari segi fizikal atau mental. Dan pendekatan yang holistik ini sudah pasti akan melibatkan pembangunan modal insan. Untuk itu saya bercadang supaya kita melakarkan beberapa strategi untuk membantu anak-anak muda kita. Tahun ini seperti yang sedia maklum, kita telah memperuntukkan 4 juta untuk sekolah SJKC, 4 juta ringgit untuk SJKT dan 4 juta yang lain untuk sekolah-sekolah agama dan aliran yang lain. Saya berharap mungkin untuk tahun 2010 kita boleh mempertingkatkan peruntukan ini ke satu angka yang lebih tinggi, mungkin sekurang-kurangnya 6 juta ringgit untuk SJKC, 6 juta ringgit untuk SJKT dan 6 juta daripada peruntukan JAIS untuk pembangunan pendidikan Islam di Selangor. Ini adalah cadangan saya dan saya amat bersetuju dengan tindakan barisan EXCO yang juga mengumumkan kepada orang ramai, pengisytiharan aset mereka sejak dilantik menjadi EXCO. Ini sekali lagi menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat mampu membuktikan kepada rakyat bahawa kita boleh melaksanakan apa yang kita janjikan semasa pilihan raya. Walaupun disindir, walaupun dikritik tetapi kita mampu. Justeru itu saya juga bercadang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, khususnya ADUN-ADUN Barisan Nasional untuk turut mencontohi tindakan EXCO kita ini bukan sahaja melaporkan kepada Setiausaha Negara. Isytiharkanlah kepada umum, buat di Internet malangnya tak ada, tak berapa ramai di sini. Tak apa. YB. Sungai Panjang jadi sudah setuju ya. Kita pegang janji dia. Apa yang saya suka sampaikan ialah mempunyai harta yang banyak itu tidak bermakna seseorang itu tidak bersih. Apa salahnya kalau orang lain tahu tentang harta kita asalkan kita memperolehnya dengan cara yang halal. Tapi kalau seseorang itu mengambil wang Kerajaan untuk membeli aset-aset ataupun harta

benda mereka, itu lain ceritalah. Jadi Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pentadbiran awam, sektor pentadbiran awam yang berintegriti dan berprofesional memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan Negara. Dan integriti dan profesional ini bukan hanya difahamkan bukan sekadar bersih dan tidak berasuah sahaja, pentadbiran awam yang berintegriti dan profesional juga bermaksud pentadbiran yang tidak memihak kepada mana-mana kumpulan politik. Tugas kakitangan awam tak lain tak bukan adalah untuk melaksanakan keputusan dan dasar yang telah ditentukan oleh eksekutif. Saya berasa amat kecewa baru-baru ini terhadap beberapa insiden yang berlaku di negeri lain di mana berlakunya kakitangan awam yang mengingkari arahan daripada pihak atasan dan perkara seperti ini tidak haruslah berlaku kerana kakitangan awam sepatutnya berkhidmat untuk mana-mana pihak sahaja tanpa mengira fahaman politik dan keturunan etnik. Kerajaan Negeri juga harus mengambil iktibar daripada perkara ini dan tidak haruslah teragak-agak untuk mengambil tindakan menukarkan mereka yang tidak dapat menunjukkan prestasi yang tinggi. Perkara yang sama jugalah diambil juga haruslah diambil untuk terhadap mereka pegawai-pegawai atau kakitangan yang lain yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri di bawah badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat GLC. Oleh itu, arahan supaya ketua eksekutif dan pengurus kewangan PNSB diberi cuti bergaji selama 30 hari supaya kerajaan selidik dan kemas kini rekod perakaunan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) merupakan satu langkah bijak dan langkah yang awal untuk memastikan syarikat-syarikat GLC sentiasa mengikut dasar-dasar Kerajaan Negeri. Seterusnya saya juga ingin mencadangkan supaya setiap anggota EXCO kita ini diperuntukkan seorang setiausaha tetap oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Pada masa sekarang setiap jawatankuasa tetap di pengaruhi oleh seorang EXCO dan setiap jawatankuasa ini mempunyai seorang setiausaha sebagai urusetianya di bawah UPEN. Saya berpendapat struktur begini tidak begitu mantap berbanding dengan sistem yang digunakan oleh kementerian-kementerian di Kerajaan Persekutuan di mana setiap kementerian di Kerajaan Persekutuan mempunyai seorang Ketua Setiausaha (KSU) yang bertugas untuk menguruskan segala arahan daripada Menteri dan Timbalan Menteri. Saya berpendapat mungkin ini adalah cara yang lebih baik untuk kita mengikut daripada Kerajaan Persekutuan supaya perjalanan kerja dan juga pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan lebih mantap, dengan lebih berkesan ataupun cekap. Seterusnya saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan pengambilan kakitangan-kakitangan awam daripada kalangan bukan bumiputera untuk membantu kerajaan melaksanakan dasar-dasarnya. Kakitangan awam bukan bumiputera ini bukan sahaja boleh membantu kita tetapi memainkan peranan yang penting untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan Negeri ke masyarakat bukan bumiputera melalui penerbitan-penerbitan bahan-bahan bacaan dalam pelbagai bahasa. Peratusannya pada masa sekarang ini adalah amat tidak seimbang dan saya berpendapat terdapat alasan dan sebab diberi bahawa warganegara bukan bumiputera tidak berminat untuk memohon jawatan di perkhidmatan awam. Saya berpendapat hujah sebegini adalah tidak begitu bernas dan tidak berasas. Saya pernah menerima aduan bahawa memang ramai yang pernah menulis untuk memohon pelbagai peringkat jawatan daripada Kerajaan Persekutuan, tapi SPA ataupun JPA tidak berapa mengambil mereka pada halnya kebanyakan calon ini mempunyai kelayakan akademik dan kesihatan tubuh badan yang bersesuaian dengan kerja-kerja yang dipohon. Dan dengan itu saya di sini ingin mencadangkan supaya kita boleh tubuhkan satu jawatankuasa khas untuk meneliti perkara ini. Macam mana kita boleh mempertingkatkan bukan sahaja untuk melihat pengambilan masuk kakitangan awam yang lebih banyak di kalangan bukan bumiputera tetapi untuk meningkatkan prestasi keseluruhan perkhidmatan awam di Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.



Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang alam sekitar dan pembangunan fizikal kita. Kita sekali lagi sebenarnya terkejut dengan kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa pada awal bulan Disember 2008. Peristiwa ini memang bukan perkara yang baru untuk kita semua kerana ianya pernah terjadi di kawasan yang sama pada masa yang lalu. Ini sekali lagi membuktikan larangan Kerajaan Negeri untuk membangun kawasan lereng bukit kelas tiga dan ke atas merupakan satu keputusan yang tepat walaupun ianya dikritik hebat oleh ramai pemaju yang mempunyai tanah di lereng-lereng bukit kelas tiga dan empat. Kita bukan sekadar memerlukan undang-undang yang mencukupi untuk mengawal selia pembangunan fizikal di lereng-lereng bukit malahan kita juga perlu faham kita memerlukan kapasiti yang mencukupi untuk melaksanakan pemantauan yang rapi terhadap pembangunan di lereng bukit. Sekiranya kita masih belum mampu mempertingkatkan kapasiti kita, maka saya mencadangkan supaya larangan ini dikekalkan. Sementara itu, Kerajaan wajar juga mencontohi apa yang dilakukan oleh negara-negara lain yang mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam mengawal pembangunan lereng bukit seperti di Hong Kong dan Singapura. Saya difahamkan kejadian tanah runtuh seperti ini pernah terjadi di Hong Kong pada tahun 1980-an. Tapi oleh kerana pelaksanaan kawal selia yang mencukupi dan rapi pada tahun 1990-an maka kejadian tanah runtuh ini dapat dikawal. Institut Jurutera Malaysia (IEM) juga pernah membuat cadangan terhadap perkara ini kepada Kerajaan Pusat pada tahun 2001. Dan saya berpendapat mungkin kini sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini untuk jangka masa yang panjang dengan melibatkan NGO-NGO seperti IEM. Saya juga amat kecewa dengan laporan akhbar bahawa PAC kita berjaya membongkar aktiviti pembalakan haram di hutan simpanan berdekatan dengan Kajang. Kerajaan Negeri yang lalu telah meluluskan lesen pembalakan kepada sebuah syarikat untuk menjalankan aktiviti pembalakan dalam satu mesyuarat EXCO di bulan November 2006. Keputusan ini sekarang telah menyebabkan kawasan tadahan air yang luas di kawasan Kajang ini hilang dan menyebabkan banjir kilat berlaku di Kajang. Kerajaan Negeri perlulah memberhentikan. Ini adalah satu iktibar ataupun pengajaran kepada kita supaya kita perlu hentikan pemberian lesen sebegini dan menjalankan tindakan yang tegas terhadap sebarang aktiviti pembalakan haram di Selangor kerana balak seperti pasir juga merupakan sumber alam sekitar yang amat berharga untuk seluruh warga Negeri Selangor. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang garis panduan Y.B. Rantau Panjang.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, panjang lagi ke?

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ada tiga muka surat.

**TUAN SPEAKER:** Baik. Sila duduk dulu. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung sehingga jam 6 petang bagi meneruskan urusan dewan. Saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut : Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 6 petang.

**YB TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli yang Berhormat yang bersetuju sila kata setuju. Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak setuju sila katakan tidak. Dipersetujui. Dipersilakan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin menyentuh tentang cadangan pindaan terhadap garis panduan perancangan bandar dan desa. Kerajaan Negeri baru-baru ini telah bertekad untuk menjalankan pembangunan semula di kawasan-kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang. Saya mengalu-alukan usaha ini dan ingin juga menyarankan supaya pelaksanaannya dijalankan dengan telus dan melibatkan segenap lapisan masyarakat tempatan. Saya juga ingin meminta perhatian Kerajaan Negeri dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) untuk mengambil maklum tentang seruan saya ini bahawa pembangunan semula haruslah mengambil kira kapasiti jalan raya dan lebuh raya kita untuk menampung kenaikan aliran trafik. Tiada gunanya kita mengadakan projek-projek pembangunan semula jika kita gagal menyelesaikan isu-isu kesesakan trafik. Selain itu, terdapat beberapa pindaan yang saya ingin cadangkan kepada Kerajaan Negeri dan JPBD untuk sama-sama kita menolong bersama. Piawaian untuk menentukan bilangan letak tempat kereta TLK di pembangunan perumahan berbilang tingkat ataupun *high last construction* perlulah ditukar pada masa yang sekarang hanya satu tempat letak kereta atau TLK disediakan untuk tiap unit rumah kos rendah berbilang tingkat. Untuk kos rumah sederhana rendah dan kos tinggi diperuntukkan pula satu perpuluhan lima TLK ke dua TLK. Saya berpendapat ini adalah tidak mencukupi dan selalunya Pemaju hanya memperuntukkan satu tempat letak kereta sahaja walaupun untuk perumahan berbilang tingkat, berbilang tingkat kos tinggi kerana yang satu lagi TLK itu perlulah dibeli. Ini telah menyebabkan ramai penghuni-penghuni *high class* ini telah memilih untuk meletakkan kereta di luar dan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Dan lebih-lebih lagi kebanyakan pembeli rumah ini menyewakan rumah mereka kadang-kala satu unit itu didiami oleh lebih daripada dua orang penyewa yang membawa kereta sendiri. Oleh itu garis panduan ini, ini adalah salah satu contoh yang saya bawa menunjukkan garis panduan yang sedia ada perlulah dipinda dan diselaraskan mengikut peredaran masa.

Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang RTPJ 2 iaitu Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 yang merupakan sebahagian daripada draf rancangan tempatan Daerah Petaling dan sebahagian Klang RTDPSK yang sehingga sekarang ini sudah setahun lebih akan sampai dua tahun dah belum lagi diwartakan. Jadi saya ingin bertanya bilakah Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam akan bersidang semula untuk menentukan butiran-butiran terperinci terhadap RTDPSK dan adakah wakil-wakil rakyat juga dijemput untuk menghadiri mesyuarat ini.

Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang satu topik yang mungkin ramai Ahli Yang Berhormat lain tidak begitu berminat untuk membangkitkan berkenaan dengan Kuala Lumpur. Saya di sini mencadangkan pada Kerajaan Negeri untuk memulakan atau melihat kemungkinan untuk menampilkan semula seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk dikembalikan kepada pangkuan Tuanku Sultan Selangor. Ini saya rasa saya sahaja yang tekankan perkara ini. Pada tahun saya cakap secara sedikitlah kalau rakan-rakan kita UMNO tidak berapa faham, selalu tidak faham. Pada tahun 1974 demi menjaga *savvier* politik UMNO dan Barisan Nasional Selangor Menteri Besar Selangor pada masa itu telah membuat keputusan menyerah seluruh Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat kononnya nak dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan. Naik

mempertingkatkan kualiti hidup warga kota dan sebagainya tetapi sudah sampai tiga puluh lima tahun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur diletakkan di bawah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan pula gagal memperbaiki pentadbiran Kuala Lumpur sehingga pemutar sendiri pernah mengambil alih DBKL untuk merawat DBKL yang tenat ini. Kalaulah keadaan sebegini adakah wajar Kuala Lumpur terus diletakkan di bawah penguasaan Kerajaan Persekutuan. Lebih-lebih lagi Kerajaan Persekutuan sudah mempunyai Putrajaya sebagai Pusat Pentadbirannya, sekarang ini Putrajaya sebenarnya diambil daripada Selangor. Malahan apabila Selangor ini menyerah Kuala Lumpur pada Kerajaan Persekutuan kita difahamkan bayaran yang diberi kepada Kerajaan Selangor hanya dua ratus juta sahaja. Ini saya *stand* keretalah kalau sahaja saya silap fakta saya minta mana-mana ahli untuk betulkan tetapi apa ini yang saya dapat daripada Internet iaitu dua ratus.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat dua ratus juta lebih murah daripada syarikat konsesi air.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Memang pun tetapi angka ini memang besar pada tahun 1974 dan ini adalah apa lebih menghairankan ini hanya satu *one of payment* maknanya pada masa itu diberi dua ratus juta ringgit itu sahaja. Jadi saya pun tak nak tanya apakah nilai dua ratus juta pada masa sekarang. Dan apabila kerajaan kita mengadakan melaksanakan program merakyatkan ekonomi Selangor kita kena ingat tidak pernah melupakan warga Kuala Lumpur. Mana-mana rakyat dilahirkan sebelum satu Februari 1974 mereka sebenarnya layak memohon berbagai program kebajikan di bawah mesra usia emas. Seterusnya malahan ini adalah perasaan saya kasihan terhadap warga-warga KL mereka tidak dapat menikmati bekalan air percuma walaupun air sekarang ini dibekalkan ke KL oleh sebuah syarikat yang menggunakan nama Selangor. Tetapi dua puluh kiub meter padu air yang pertama mereka tetap perlu bayar. Dari segi politik warga kota KL, Kuala Lumpur mereka hanya mempunyai satu undi hak demokrasi mereka untuk bersuara di dalam DBKL di Dewan Undangan Negeri telah dihapuskan. Ini adalah sesuatu yang saya rasa tidak harus diteruskan. Keputusan yang dilakukan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur juga mempunyai kesan-kesan terhadap PBT-PBT Selangor yang mengelilingi KL, Datuk Bandar Petaling Jaya pernah memohon untuk berjumpa, berbincang dengan Datuk Bandar yang baru tentang projek-projek pembangunan lereng bukit di Bukit Gasing sebelah Kuala Lumpur. Saya tidak pasti sama ada perjumpaan ini telah dilaksanakan atau tidak tetapi apa yang pasti saya dan rakan-rakan saya yang lain Dewan yang mulia ini pasti tidak mahu peristiwa hitam Bukit Antarabangsa berlaku di Bukit Gasing. Bukit Gasing adalah satu kawasan hijau yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya tetapi pada bahagian sebelah Kuala Lumpur itu telah diberi kelulusan untuk pembangunan lereng bukit. Jikalau saya ingin bertanya Kerajaan Persekutuan sekarang sudah ada Putrajaya maka saya pohonlah pulangkan Kuala Lumpur kepada Selangor. Pada saya Kuala Lumpur ibaratkan darah daging Negeri Selangor ianya bukan sahaja secara fizikal dekat malah di dalam Selangor sendiri. Malahan banyak peristiwa bersejarah di Selangor berlaku di Kuala Lumpur, Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada warisan Selangor. Kawasannya di Petaling Jaya, kalau bukan kerana Kuala Lumpur saya rasa tidak akan wujud Petaling Jaya kerana Petaling Jaya dibangunkan sebagai satu Bandar satelit kepada Kuala Lumpur. Maka apabila saya difahamkan Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar disiasat oleh SPRM kononnya menyumbang lembu kepada Surau dan Masjid Parlimen Bandar Tun Razak. Saya jatuh dari kerusi saya kerana nampaknya BN ini bukan saja jahiliah dari segi Sejarah Kesultanan Melayu Melaka malahan mereka juga daif dari segi pemahaman sejarah

moden Negara kita. Jadi di sini saya ingin membuat saranan supaya kita semua boleh bersama-sama membantu warga kota Kuala Lumpur kita.

Tuan Speaker dua perenggan terhadap perumahan awam. Perumahan awam di Lembah Subang adalah terletak di bawah pengelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Baru-baru ini saya telah difahamkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak dapat mengeluarkan sijil kedudukan, sijil CF ini kepada Pangsapuri Kos Rendah Lembah Subang kerana ianya dibina di atas bekas tapak *landfil*. Saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif untuk memulakan rundingan dengan KPKT supaya kita boleh mengatasi masalah ini kerana terdapat ramai penduduk-penduduk miskin yang sekarang ini tengah menunggu kelulusan daripada KPKT untuk memasuki atau pun menduduki Pangsapuri Kos Rendah di Lembah Subang ini. Kita tidak nak mereka menduduki kawasan perumahan yang bermasalah, yang berbahaya tetapi pada masa yang sama mereka sudah lama menunggu keputusan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Jadi saya rasa eloklah kita boleh mengambil langkah cepat untuk menyelesaikan masalah mereka ini. Jadi di sini saya ingin mohon menyokong usul ini. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli EXCO, Ketua Jabatan dan Kakitangan Kerajaan sekalian. Sekinchan juga ingin turut serta dalam membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku di dalam Persidangan Penggal Kedua Pembukaan Dewan Undangan Negeri Selangor Kedua Belas tahun 2009 ini. Sebelum saya pergi dengan lebih terperinci ingin saya nak komen beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebentar tadi. Di mana beliau menyatakan Selangor membuat dasar paras garis kemiskinan seribu lima ratus di mana pendapatan seribu lima ratus berada di bawah paras kemiskinan di Negeri Selangor. Dan dalam perkara ini memang Kerajaan Pakatan Rakyat kita ikhlas dalam mentadbir Negeri Selangor memang perkara seribu lima ratus di Negeri Selangor ini rakyat yang berpendapatan seribu lima ratus ini memang dalam keadaan miskin. Tetapi pada waktu Barisan Nasional mereka tidak pernah membuat garis-garis kemiskinan, mereka mengamalkan sindrom penafian, sindrom naif bahawa seribu lima ratus bukan miskin. Mereka tetapkan tujuh ratus "cakap dalam bahasa jawa pitong ratus lima puluh wae." Dengan izin. Tujuh ratus lima puluh sahaja sebagai miskin sedangkan memang seribu lima ratus bahkan dua ribu pun miskin di Negeri Selangor. Jadi kita ikhlas walaupun bukan senang kita nak mengurangkan dalam masa yang terdekat untuk mengurangkan paras garis kemiskinan. Tetapi kita membuat, cuba kita berani membuat ini keikhlasan rakyat nampak Kerajaan Pakatan Rakyat nan.

Seterusnya Tuan Speaker saya nak buktikan bahawa Yang Berhormat Sungai Panjang ini beliau juga sering melakukan silap mata dan cakap tidak serupa bikin di mana pada pilihan raya yang lalu semasa kempen, kita tengok Yang Berhormat Sungai Panjang pergi ke tapak kononnya hendak membina jambatan ketiga Klang bersama Samy Vellu tak tahulah tetapi memang dia pergi. Memang dia pergi dan dia adakan upacara perasmian pecah tanah kononnya akan laksana tetapi jawapan yang kita terima daripada Kementerian Kerja Raya pada bulan Disember ini menyatakan sebenarnya tiada projek jambatan ketiga ini telah ditolak oleh Kementerian Kerja Raya. Tetapi Yang Berhormat Sungai Panjang menipu rakyat kerana meraih undi dalam pilihan raya. Inilah sikap wajah sebenar Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Speaker dalam dewan yang mulia ini saya merasa cukup gembira dan bangga kerana genaplah setahun Kerajaan Pakatan Rakyat berjaya memerintah Negeri Selangor yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Barisan EXCO. Walau pun banyak tohmahan dan sindiran, sangkaan buruk, tadi kata jangan kata sangkaan buruk mula-mula nak lancarkan dua puluh meter padu air kepada rakyat oh! Boleh bankraplah inilah, isu bankraplah, Kerajaan Selangor tidak boleh tahan tiga bulan, enam bulanlah tetapi akhirnya kita berjaya satu tahun. Ini realiti, kenyataan itu sangkaan buruk siapa sangkaan buruk Sungai Panjang. Jadi baru-baru ini termasuk baru-baru ini dalam satu interviu di dalam surat khabar China Press menginterview Yang Berhormat Pembangkang bagaimanakah prestasi Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor, berapakah markah yang boleh diberi, begitu cemburu, begitu dendam dengan Kerajaan Pakatan Rakyat dia tak nak beri markah langsung. Tak nak bagi, tak tahu nak beri markah cemburu tak apalah dia tak nak bagi tetapi yang penting di dalam sanubari hati rakyat Negeri Selangor mereka setuju, mereka sokong Kerajaan Pakatan Rakyat, itu paling penting.

Tuan Speaker Yang Berhormat Sungai Panjang juga mendakwa bahawa Pakatan Rakyat gagal membawa pembangunan yang merangka rancangan pembangunan untuk masa depan Negeri Selangor. Hakikatnya dalam tempoh masa setahun yang singkat ini kita faham bukan senang untuk kita Pakatan Rakyat membuat sesuatu pembangunan yang drastik tetapi kita berjaya menyusun semula struktur pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor secara bersistem metrik satu persatu termasuk pengurusan anak syarikat GLC, anak syarikat Negeri Selangor yang sebelum ini memang sebahagian besarnya berada di dalam keadaan tenat dan merugikan tidak *perform*. Jadi sekarang ini kita susah semula dalam setahun ini ia beransur-ansur pulih dari kesakitan yang tenat itu. Saya rasa, saya fikir saya yakin pada masa akan datang anak-anak syarikat negeri Selangor ini akan lebih *perform* di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Seri kita. Sebaliknya apa saya nak ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang Yang Berhormat Sungai Panjang bagaimanakah Kerajaan Pusat Barisan Nasional yang sudah memerintah Negara kita lebih daripada 50 tahun. Mutakhir ini kita nampak pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional seolah-olah hilang pedoman, hilang hala tuju dan terkapai-kapai di tengah lautan ialah kerana dasar yang diumumkan pada hari ini bertukar, bertukar sekelip mata pada hari esok. Contoh saya nak bagi. Menteri Kerja raya hari ini umum ia umum kenaikan kadar kutipan tol, kita memang bangkanglah. Dia umum hari ini naik tanpa merujuk kepada Perdana Menteri esok dia umum ditangguhkan. Dan contoh yang kedua, hari ini ada menteri umum, benarkan majalah erat Kristian untuk menggunakan ayat 'Allah' dalam terbitan mereka, besok dibatalkan. Kucar kacir, lintang pukang Kerajaan Barisan Nasional, 50 tahun pun lintang pukang, kucar-kacir, ini kita setahun kalau lintang pukang sikit biasalah, rakyat pun faham. Barisan Nasional 50 tahun pun tak boleh stereng pun tak berapa nak bengkok. Inilah Barisan Nasional. Dan sekarang ramai rakyat beritahu saya, mereka panik. Malaysia ini sekarang siapa Perdana Menteri, tak tahu. Kadang-kadang mereka tak tahu siapa Perdana Menteri, pada hal Perdana Menteri kita masih Yang Amat Berhormat Ahmad Badawi, tapi macam tak ada macam dah tukar dah. Inilah dia Malaysia sindrom Barisan Nasional 50 tahun.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor walaupun dalam setahun kita telah berjaya melaksanakan agenda merayakan ekonomi negeri Selangor seperti program Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, TAWAS dan sebagainya. Yang paling penting pemberian air 20 meter padu yang sekarang ini ramai rakyat memang memuji langkah kita. Selangor telah mencipta satu sejarah di mana Kerajaan Barisan Nasional

sebelum ini tidak pernah terfikir, tidak pernah terfikir boleh melaksanakan program seperti ini, merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Sekarang ini baru mereka ada negeri-negeri baru nak tiru kita, ha.. ini kita ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita.

Tuan Speaker, selain daripada program merakyatkan ekonomi, dalam program Pembentangan Bajet 2009 dahulu di mana tadi Yang Berhormat daripada Kampung Tunku dah sebut, kita juga memberi peruntukan kepada Sekolah Rendah Agama Rakyat, kepada Sekolah Jenis kebangsaan Tamil dan Sekolah Seri Kebangsaan Cina ini tidak dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu, adapun, kalau adapun bila *election*, menjelang pilihan raya, Ijok, pilihan raya kecil Ijok, barulah rakyat dapat tempias daripada pilihan raya kecil. Ini dia keikhlasan Barisan Nasional. Jadi tambahan pula selain daripada kita beri peruntukan ini, kita juga Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga memperuntukkan 2 juta untuk sekolah persendirian secara tahunan. Ini Barisan Nasional pernah buat ke, pernahkah Barisan Nasional pernah buat? Setahu saya apabila tiba pilihan raya, cari pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah Persendirian Cina, bawa pergi sekolah dia, baru hantar cek RM100,000.00, RM50,000.00 itu pilihan raya, empat tahun sekali, kalau cepat meninggal dunia tak sempat tengok, ha ini Barisan Nasional dan tadi saya nampak.. oh...Yang Berhormat Sungai Pelek kawan saya... boleh...boleh .....

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** ok... sila

**YB TUAN YAP EE WAH:** Suara lantang kuat cakap, kena jagalah jantung. Tadi sebut pasal pilihan raya kecil atau pilihan raya semasa menjelang pilihan raya umum barulah ada peruntukan untuk sekolah. Kalau tak silap saya, dua, tiga bulan yang lepas, Kerajaan Pusat sudah mengumumkan RM50 juta untuk Sekolah SJKC, RM50 juta untuk SJKT, RM50 juta untuk Sekolah Gereja dan RM50 juta untuk SAR, itu bukan waktu pilihan raya kecilkan Yang Berhormat.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ya, terima kasihlah kepada sahabat saya daripada Sungai yang Pelek itu, Sungai Pelek minta maaf. Ya, memang saya tidak nafikan, benda yang betul, kita tidak boleh nafikan, ya memang beberapa bulan yang lalu Kerajaan Barisan Nasional sudah mula nak bertukar sedikit, mula sebab apa, sebab Pakatan Rakyat di Pulau Pinang di Selangor, di Perak melakukan kerja-kerja ini, mereka tertekan, baru mereka lakukan, ini fakta yang sebenar, ha... ini fakta yang sebenar pendekatan .....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan .... Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia nak minta laluan...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oh no.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang Berhormat Sekinchan, kalau saya boleh tanya, apa pendapat Yang Berhormat bagaimana Kerajaan Persekutuan juga membahagi kepada setiap aliran sama rata RM50 juta bukan mengikut bilangan penduduk.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Setia. Bagi saya tak ada masalah, janji kita ikhlas, ikhlas kita untuk bantu rakyat itu tak ada masalah, tapi yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang pendekatan, Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi kononnya cara kita agih tak betul dan sebagainya, cara mentaliti Yang Berhormat Sungai Panjang inilah menyebabkan Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Selangor 50 tahun ini ditolak oleh rakyat pada 8 Mac yang lalu, itulah sebabnya mereka belum bangun, belum sedar, minta-minta jangan sedar, teruskan cara sebegini, saya doakan. Pilihan raya kita insya-Allah Pakatan Rakyat kita 10 penggal lagi insya-Allah tak ada masalah kalau cara mereka macam itulah.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Damansara Utama. Ya...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Damansara pun, saya tak ada sakit jantung, tiada masalah doktor...

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Sekinchan, jelaskan sama ada apa yang Sekinchan memerhatikan itu, maksud Sekinchan itu, mungkin tu, Sungai Panjang masih dalam zon tak fahaman mungkin, beliau Sungai Panjang masih ada di ketika di penggal yang lalu.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Dalam bab ini, kita fahamlah daripada cara dia mempersembahkan, memang kita faham, memang itulah cara Yang Berhormat Sungai Panjang, daripada bawa usul pun dia tak tahu. Sebab belum pernah jadi pembangkang. Biarlah cara dia begitu ya... nasib baik kita tunggu dengan cara baik. Speaker ni baguslah, kita beri pujian pada Speaker kita.

Tuan Speaker, sehingga setakat ini sudah ramai negeri Selangor merasai nikmat bersama kerajaan Pakatan Rakyat dan melihat dengan mata sendiri perbezaan perjuangan Kerajaan Pakatan Rakyat yang berpaksikan kepada hak dan kepentingan rakyat iaitu Ketuanan Rakyat. Kita tidak pernah ingkar dan lupa terhadap mandat yang diberikan oleh rakyat. Ini yang paling penting. Justeru itu saya yakin dan percaya majoriti rakyat negeri Selangor yang orang Melayunya, orang Cinanya, *arene, kape* dan sebagainya berasa selesa dan selamat. Selesa dan selamat dengan corak pemerintah Pakatan Rakyat yang terus amanah dan bertanggungjawab serta tidak memihak kepada syarikat konsesi besar. Tidak rasuah, tidak membazirkan wang rakyat dengan sewenang-wenangnya. Seperti apa yang pernah dilakukan oleh rekod sejarah tercatat Yang Berhormat Ketua Pembangkang dulu terkenal dengan projek-projek raja putih, projek-projek pembaziran wang rakyat dan termasuklah sahabat-sahabat saya yang sebut pada pagi tadi skandal-skandal terbaharu termasuk pangsapuri di Mekah dan jam tangan yang arang-arang temen sampai seratus sembilan ratus *songo* ribu orang kampung rasa *iso tungu, sumur hidup rasa tuku, tapi kutu larang ko apo ...* masya-Allah.... dengan izin .....

**TUAN SPEAKER:** Terangkan saya tak faham itu.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya terjemahkan, saya terjemahkan, sebab RM150,000.00 ini

**TUAN SPEAKER:** Ya..ya.. Sekinchan.... Bahasa jawa pun bahasa asing kena minta izin dulu ya..... macam bahasa Inggeris.....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tapi Sungai Panjang.....

**TUAN SPEAKER:** Minta kebenaran....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ha .... minta dengan Tuan Speaker dulu ....saya tengok tak apa ....

**TUAN SPEAKER:** Tapi jangan lupa terjemahkan bahasa jawa dulu .....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ya ... saya terjemahkan dululah ...

**TUAN SPEAKER:** Silakan Sungai Panjang.

**YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO:** Saya rasa Sekinchan ni tak faham bahasa. Saya terangkan empat kali dalam dewan ini dah. Jam itu dibeli saya pulangkan balik. Bahasa apa nak bagi tahu. Saya nak cakap bahasa cina, tak tahu. Kalau berani buat saya kat luar.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Kenyataan tetap kenyataan ya... Tuan Speaker, ha saya terangkan tadi, *translate* tadi. Saya kata jam tangan sampai RM159,000.00. Saya pertikaikan soal harga jam tangan. Orang kampung seumur hidup tak dapat pun RM159,000.00 dah buat beli jam tangan, Sekinchan pun tak mampu nak belilah. Tuan Speaker ..... ada lagi ..... bagilah.. bagi...

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Sekinchan. Tadi saya dengar Sekinchan mengatakan belanja dengan berhemah, adakah maksud Sekinchan bahawa memperbaiki kereta diri sendiri pun itu pun berhemah, pakai duit rakyat, adakah hantar lembu ke kawasan luar daripada negeri Selangor pun belanja dengan berhemah. Sila bagi penjelasan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Sungai Pelek. Tuan Speaker soal perbelanjaan berhemah ini dia tak faham, yang Sungai Pelek ini tak faham apa yang kita perkatakan, soal lembu, soal kereta Yang Amat Berhormat Tan Sri dah jelaskan banyak kali, tak perlu saya nak perelaskan lagi. Lagipun saya sebagai bukan Islam, saya faham kalau kita lakukan amal ibadah untuk orang-orang Islam semasa korban, hantar ke masjid mana pun, sampai Kemboja pun tiada masalah, janji tak masuk poket sendiri, itu yang paling penting.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya tidak menafikan.... Saya tidak menafikan .....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Sudah....sudah ...saya tak bagilah .....

**YB. TUAN YAP EE WAH:** Kena hormat adat istiadat.... tapi duit tu, duit tu .....

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan tak benarkan .....

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Cukup.... bagilah kepada Kajang, sebab dia belum bagi laluan lagi.



**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, Sekinchan. Kajang minta penjelasan sedikit berkaitan dengan yang disebut oleh Sungai Pelek iaitu duit disalurkan keluar. Bagaimana dengan duit BALKIS daripada anak-anak syarikat tu, salur ke mana dia.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasihlah ya, Yang Berhormat daripada Kajang mengingatkan perkara ini. Saya sedikit terlupa dengan perkara ini tau, sebab mantan Perdana Menteri Malaysia Mahathir pernah berkata Melayu ini cepat lupa, bukan Melayu lupa cina pun cepat lupa, terlupa nasib baik Yang Berhormat Kajang bagi tau jadi kes memang kenyataanlah. Saya minta Jawatankuasa *SELCAT* ini akan adakan siasatan bagi rakyat tahu, apa yang berlaku sebenarnya dalam BALKIS, nanti Yang Berhormat Sungai Pelek turut memahami perkara ini. Seterusnya sepanjang tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor berjaya menarik pelaburannya seperti yang disebutkan tadi 11.8 bilion. Saya mengharapkan langkah ini terus diperkemas, ya memang tadi kritikan daripada teguran daripada Yang Amat Berhormat Ketua Pembangkang suruh kita kena jaga kerana ekonomi kegawatan dan sebagainya, kita kena jaga, kita terima teguran seperti ini. Yang baik, yang baiklah, tapi kalau yang bersifat, yang bersifat cuba nak cari publisiti murah kita tak layan, ini penting, dulu saya pembangkang saya tahu, ha... ini dia baru nak belajar, belum lagi...ya..

Tuan Speaker, saya nak sentuh sedikitlah dengan sebab perkembangan gerakan mansuhkan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris GMP ini ya... Pada Sabtu yang lepas mereka mengadakan perhimpunan besar, 80 orang ribu datang ye.. ramai daripada tokoh-tokoh, tokoh-tokoh besar seperti Dato' Hasan Ahmad, Tokoh Sasterawan Negara A. Samad Said semua memperjuangkan mendaulatkan, memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ini seperti yang termaktub dalam 152 Perlembagaan bersama NGO-NGO Cina yang memperjuangkan bahasa ibunda sebab bahasa itu jiwa bangsa. Bagaimanapun saya nak mempertikaikan di sini. Apakah dosa sasterawan Negara kita yang terpaksa dilayan oleh pihak Polis, FRU yang dipergunakan, diperalatkan oleh Kerajaan Barisan Nasional melayan mereka dengan pemedih mata, gas pemedih mata, gas pemedih mata, mereka bukan ahli politik, kenapa dilayan begitu. Ha, ini paling penting, yang penting saya nak tegur saya tahu mungkin tajuk ini agak nasional sedikit. Ha.. saya nak tanya Yang Berhormat Sungai Panjang yang tadi kononnya lah tadi kalau tengok dengar cerita dia tadi macam pejuang pendekar bangsa dan bahasa, pendekar bangsa dan bahasa bukan main, Sekinchan pun kaget, kaget takutlah, takut maksudnya. Ooh... memang hero, herolah memang, tapi saya nak tanya dalam perhimpunan tersebut mana pemimpin UMNO, mana Yang Berhormat Sungai Panjang tak turun pun, nak pertahankan Bahasa Melayu. Ah.. UMNO dulu memperjuangkan Bahasa Melayu dulu kini dan selamanya. Tapi orang yang calon yang nak bertanding Ketua Pemuda, kaget ha.. kaget, UMNO Malaysia tak turun pun nak perjuangkan sama-sama, sama-sama pertahankan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Sedangkan saya yang kafir ni pun tahu, ini penting..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ini cakap tak serupa bikin

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Hipokrit, munafik,

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, tenang, tenang, sabar sedikit

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Pemimpin munafik

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tenang, tenang, sabar sikit. Saya pun bersimpati dengan sasterawan kita tapi soal bahasa ini dah di luar bidang kuasa kita.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Boleh, boleh, boleh

**TUAN SPEAKER:** Perhimpunan di hadapan Istana tu Polis menyembur gas dan sebagainya pun di luar bidang kuasa, jadi dah keluar tajuk, saya minta balik tajuk pokok pada Dasar Kerajaan Negeri.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok, ha.. ini pentinglah, saya terima teguran daripada Tuan Speaker, yang penting Yang Berhormat Sungai Panjang tulah, saya nak pecahkan temberang dia, kononnya dia pejuang pendekar bangsa, ha.. itu yang penting, 'message' yang saya nak sampaikan kepada rakyat ni.. ha...

Tuan Speaker,

Saya nak sebut masalah subsidi ya.. subsidi baja, baja yang dihadapi oleh petani, baru-baru ni ramai petani yang berpendapatan rendah, yang miskin daripada Sabak Bernam, Sekinchan, ramai daripada mereka ni.. mengeluh kerana subsidi yang mereka, baja yang mereka terima sejak kebelakangan ini sejak tahun ini sudah berkurangan, berkurangan. Dulu kalau boleh dapat baja 'urea' 6 bungkus sekarang tinggal 5, sebab gawat ekonomi mungkin kurang 1. Dulu dapat baja campuran 20 kilo, 15 paket, sekarang dapat 14 kurang 1. Ya, dulu dapat baja 'organik' 20 kilogram, 6 bungkus sekarang kurang lagi 1, 5, 5. Ini 3, campur, campur ni 3 bungkus bagi pemimpin yang kaya raya seperti UMNO ini tak ada masalah ini perkara enteng sahaja. Tapi bagi petani di Negeri Selangor khususnya di kawasan Sabak Bernam ini, ini satu tamparan hebat kepada mereka, ya... Kita jangan biarkan petani kita seperti apa yang dititahkan oleh ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ya.. bahawa kita mesti biarkan petani hidup dalam keadaan yang tidak selesa jangan, umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Potongan 3 bungkus ini kita kena kembalikan tambah lagi 5 bungkus lebih kepada mereka saya mintalah EXCO Pertanian kalau bukan bidang kuasa Jabatan Pertanian Negeri Selangor pun mintalah kepada Pusat ya... bagi lebih apa salahnya kalau nak bagi lebih 3 bungkus kepada petani kita kira sangat 3 bungkus kira sangat kepada petani kepada orang miskin tapi kalau bagi kroni, bagi pada kroni satu Bukit Genting Highlands pun habis kepada Lim Goh Tong pun habis bagi pada Winson Tan Bukit Tinggi satu bukit pun habis bagi Pulau Pangkor kepada Francis Yeoh hampir pun habis tapi bagi orang kaya ni boleh tapi orang miskin 3 bungkus, 'masya-Allah', entahlah ya.. Yang Berhormat EXCO panjangkan perkara ini kepada Jabatan Pertanian atau Kementerian lah yang sepatutnyalah, yang sepatutnya ha... saya erk....

Tuan Speaker,

Saya nak unguatkan sikit masalah sampah seperti saya setuju lah kalau sampah-sampah ini tidak diurus dengan baik, masalah pembersihan, pengurusan sisa pepejal di semua PBT Negeri Selangor masih belum mencapai tahap yang memuaskan, sebaliknya masih terdapat banyak PBT yang gagal menjalankan tanggungjawab dengan berkesan sebagai contoh, terdapat beberapa longgokan sampah di jalan kereta api lama di Kapar

menuju ke Pekan Kapar yang saya sering kali berulang alik ke situ, saya tak tahu lah Yang Berhormat Sungai Panjang berulang alik ke situ ke tidak, longgokan tu berapa tu dah dua bulan saya panjangkan tidak diselesaikan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak diambil tindakan, ini satu perkara yang serius, ya.. Kita tidak mahu erk.. imej kita tercalar kerana sikap pada pegawai dan juga kakitangan kerajaan yang ingkar yang tidak memberi kerjasama yang sudah letih ataupun sudah penat, kalau sudah letih dan penat saya mintalah erk... boleh bersara ataupun ditukarkan ke tempat lain atau berhenti sajalah kalau letih. Tapi kalau boleh kerjasama erk... kita kena adil, kalau boleh kerjasama beri '*perform*' yang baik kepada Kerajaan Negeri kita kenaikan pangkat, ini penting, yang boleh kerja kuat kita bagi kenaikan pangkat. Tapi kalau tak '*perform*' kena ambil tindakan, termasuk Ahli Majlis MP Klang yang tidak menjalankan tugas dengan baik, gagal, '*perform*' sila mintak EXCO PBT tolong catit tukar Ahli Majlis yang tidak '*perform*' ini. Ha.. ini adil jangan kita tukar kakitangan kerajaan, Ahli Majlis yang tak '*perform*' tidak tahu menjalankan tugas kita tak tukar, ini tak boleh. Ha... dalam Islam kita menuntut keadilan untuk semua, ha... ini penting.

Tuan Speaker,

Konsep ketelusan, amanah dan kebertanggungjawaban pentadbiran Kerajaan Negeri ini mesti dipertahankan dan dipraktikkan, jangan kata kakitangan pegawai kerajaan, Ahli Majlis boleh kita ambil tindakan, malahan YDP Majlis, Datuk Bandar dan Pegawai Daerah yang tak berapa nak beri kerjasama, gagal menjalankan tugas mereka juga harus dikenakan tindakan termasuk ditukar dan diberhentikan. Ini pesanan saya. Saya mintak Yang Amat Berhormat Tan Sri, tolong catit perkara ini, ya... pada masa yang sama, saya juga mendapati sesuatu yang tidak kena dengan cara Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memaparkan informasi di dalam papan iklan elektronik di Seksyen 9, Shah Alam, di mana papan tanda elektronik itu, iklan itu tidak jauh dari SUK lebih kurang 1 kilometer tetapi selama ini saya pantau saya tengok gambar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak dipaparkan. Gambar-gambar EXCO tidak dipaparkan, gambar-gambar ADUN lagi jauh tidak dipaparkan, yang mereka paparkan hanya iklan-iklan komersial dan gambar-gambar Ahli Majlis sahaja. Jadi saya nak tanya kepada MBSA, kenapa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebagai Ketua dalam Kerajaan Negeri Selangor ini tidak dipaparkan gambar, ha ... ini perlu diambil tindakan segera, ya...

Tuan Speaker,

Pagi tadi kita nampak Yang Berhormat Bukit Antarabangsa telah membangkitkan isu-isu tentang penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah di pihak, he... mana Sungai Panjang, sekelip mata memang silap matalah saya boleh cakap hilang, kaget, tak tahu tengok-tengok dah hilang, memang pagi tadi banyak kita dedahkan yang pihak pembangkang pihak Barisan Nasional melakukan penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah tetapi pada petang ini dalam Dewan yang mulia ini, saya mahu, saya ingin mendedahkan beberapa bukti rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa yang melibatkan MBSA Majlis Bandaraya Shah Alam secara satu persatu, bukan omong-omong kosong. Ya... saya buktikan di sini. Cadangan pengurusan penyewaan bangunan tempat letak kereta bertingkat di Jalan Anggerik Vanilla W 31/ W Seksyen 31, Kota Kemuning, Shah Alam, milik MBSA. Cadangan itu dia nak buat penswastaan, ini projek ni nak swasta. Dalam minit mesyuarat yang saya terima tahun 2008 sesi 2006, 2008 yang bermesyuarat pada 31 Januari 2008 pada pukul 9.00 pagi bertempat di Dewan Perbandaran MBSA telah dihadiri oleh nama-nama seperti berikut, ha... Tuan

Speaker saya kena baca sebab kita nak tunjukkan bukti kita tak nak buat fitnah, bukti tu penting.

1. Datuk Bandar sebagai Pengerusi,
2. Yang Amat Dihormati Dato' Hj. Abu Bakar bin Abdul Hamid
3. Yang Berhormat Dato' bekas Yang Berhormat Dato' Salamon bin Selamat
4. Yang Berhormat Dato' Mohd Bushro bin Mat Johor (ADUN Paya Jaras) sekarang ini masih ADUN, rakan kita daripada Barisan Nasional
5. Dato' Abdul Rashid bin Asari
6. En. Lim Kim Hui
7. En. Tan Kim An
8. En. Lee Yee Kit
9. En. Yap Pian Hon
10. Prof. Madya Dr. Rasimah bt Omar
11. Tn. Hj. Ir. Kamaruzaman bin Johari
12. En. Supramaniam a/l Tidanam
13. En. Zulkarnain bin Mohd Roslan
14. En. Abdul Rashid bin Md Sah
15. En. Loo Qui Tiam
16. Pn. Gina Goh Gek Siah
17. Pn. Sastrika Arumugam

Tujuh belas (17) orang ini menghadiri mesyuarat tersebut. Jawatankuasa yang bersidang telah menerima satu tawaran permohonan daripada Syarikat Sani Tanjung Bunga Sdn Bhd syarikat swasta. Sani Tanjung Bunga Sdn Bhd untuk menyewa dan serta mengurus, menyelenggarakan bangunan tempat letak kereta bertingkat di Jalan Anggerik Vanilla W 31 / W Seksyen 31, Kota Kemuning, Shah Alam, milik MBSA secara penswastaan.

Tuan Speaker,

Setelah saya kaji dan saya teliti Jawatankuasa mencadangkan supaya diberi kelulusan untuk mengurus dan menyewa bangunan tempat letak kereta di Blok B sahaja. Kadar sewa yang ditetapkan adalah sebanyak RM 12 ribu sebulan, 12 ribu sebulan dan disemak setiap 5 ribu, erk.. 5 tahun, semak setiap 5 tahun kena semak ya... Manakala tempoh konsesi yang diluluskan ialah 15 tahun dengan syarat-syarat yang dinyatakan, walau bagaimanapun, Tuan Speaker, apa yang memeranjatkan kita ialah apabila perjanjian di tandatangan pada 12 hb Februari 2008, ha... ini tak lama ni ya... 2008, 12 Februari, isi kandungan dalam perjanjian tersebut jauh berbeza, jauh berbeda dan bercanggah dengan kelulusan cadangan asal Jawatankuasa yang bersidang pada 31 Januari 2008. Maknanya 31 Januari, mereka bersidang dalam minit mesyuarat ini dan surat tawaran dikeluarkan pada 12 perjanjian di 'sign' di tandatangan pada 12 Februari

2008. Saya huraikan secara terperinci isi kandungan perjanjian penswastaan seperti berikut:-

Jawatankuasa Majlis hanya lulus 1 blok sahaja dengan Blok B tetapi dalam kontrak, dalam kontrak perjanjian ini kontrak ini perjanjian ini ya.. telah bertukar menjadi 3 blok, dalam Jawatankuasa di lulus Blok B, tetapi dalam perjanjian kontrak dia jadi A, B, C, air batu campur ABC dan hanya ikut kadar sewa 1 Blok sahaja, 12 ribu, ya... 12 ribu. Jawatankuasa Majlis juga lulus tempoh swasta 15 tahun tetapi dalam kontrak perjanjian tiba-tiba bertukar menjadi 15 tahun campur pilihan 10 tahun tambahan. Pada hal dalam bilik mesyuarat tak *de clause* ini, syarat ini tidak ada. Tuan Speaker, setelah saya kira kadar sewa yang bakal diterima oleh pihak MBSA dalam tempoh 15 tahun kali dengan 12,000 sebulan keseluruhan jumlahnya adalah RM2.16 juta untuk satu blok B. Mana kala hasil yang sepatut dikutip oleh MBSA dengan kadar 3 blok ini yang blok A dengan C tidak campur dalam *agreement* tak ada. Dalam *agreement* ada, dalam kelulusan jawatankuasa tak de. Duit tu kita tidak terima, keciciran. Maknanya kita tak nak kira lah 12,000 untuk A, untuk C. Kita anggarkan setiap satu A - 6,000, C - 6,000 mungkin dia lebih kecil sikit. 6,000, 6,000 kita campur 12,000.00 yang B 12,000 jadi keseluruhannya hasil yang sepatutnya dikutip diterima oleh MBSA adalah RM4.32 juta tetapi oleh kerana berlaku penyelewengan, salah guna kuasa telah menyebabkan Syarikat Sani Tanjung Bunga Sdn. Bhd. akan mengaut keuntungan 2.16 juta dan MBSA akan kekurangan hasil 2.16 juta. Hah! Ini andaian saya, perincian saya dan Tuan Speaker, berdasarkan dokumen perjanjian dan minit mesyuarat yang saya terima, saya kenal pasti pegawai MBSA yang khususnya pegawai-pegawai ini, khususnya Pengarah Kejuruteraan, Pengarah Pelesenan, Pengarah Penilaian dan Pengarah Penguat kuasa. 4 ini dah lama duduk di situ saya sifatkan sebagai (Bahasa Cina) (dengan izin). 4 *superstar*, *four superstar* di dalam MBSA yang cukup berkuasa turut terlibat dalam bersubahat dengan syarikat konsesi untuk menipu MBSA. Ini kes berat ni. Hah! Sehubungan dengan itu, Datuk Bandar yang turut serta dalam mesyuarat jawatankuasa, tandatangan pun ada, jawatankuasa tidak boleh lari daripada tanggungjawab penyelewengan yang berlaku secara terang-terangan. Persoalannya, siapakah dalang yang mengubah keputusan minit mesyuarat? Kenapa sewaktu menandatangani perjanjian ini Datuk Bandar sendiri tidak meneliti dan menyemak isi kandungan tersebut. Adakah kerana terpukau, terlepas pandang, ini perkara penting, boleh jadi dengan pertolongan pegawai-pegawai 4 *superstar* ini menyebabkan kontrak sedemikian yang merugikan Kerajaan Negeri, MBSA ditandatangani. Ini perkara berat. Oleh yang demikian, saya minta YAB. Tan Seri mengambil tindakan dan penyiasatan yang sewajar dengan membenarkan Jawatankuasa Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan..... untuk menyiasat dan membuat pendengaran awam demi untuk menjaga kepentingan Kerajaan Negeri. Saya juga meminta Suruhanjaya Pelindung Rasuah Malaysia, bukan Suruhanjaya minta maaf Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, bukan Pelindung, Rasuah Malaysia masuk segera siasat penyelewengan ini tolong siasat jangan tak siasat jangan hanya tahu siasat lembu sahaja yang seekor dua ekor tu. Ini kes berat. Tolong siasat, SPRM jangan cuba nak tutup rasuah.

Tuan Speaker, penyelewengan dan salah guna kuasa seterusnya berlaku dalam permohonan kedai pejabat No. 2, Jalan S 31/S, Kota Kemuning, Seksyen 31, milik MBSA untuk tujuan Bajet Hotel kepada Syarikat Pandan Prima Sdn. Bhd. Syarikat Pandan Prima Sdn. Bhd. Dalam minit mesyuarat, Majlis MBSA yang ke 12 tahun 2007, sesi 2006, 2008 yang bersidang pada 26hb. Disember 2007 telah menimbang permohonan semula Syarikat Pandan Prima Sdn. Bhd. untuk tujuan penswastaan tersebut dengan syarat seperti berikut (a) Kadar sewa bulanan adalah RM5,000.00

untuk 5 tingkat Bajet Hotel. RM5,000.00 untuk 5 tingkat. Tempoh penyewaan untuk 5 penggal iaitu setiap 3 tahun satu penggal, 3 tahun. 3 + 3 + 3 + 3 + 3, 15 tahun. Kajian sewa akan dibuat setiap 3 tahun dengan syarat kenaikan 10% minima. Segala kerosakan C adalah ditanggung oleh pihak penyewa. Walau bagaimanapun, setelah meneliti kandungan perjanjian yang dimeterai pada 19 Ogos 2008 telah dikenal pasti bahawa syarat yang diluluskan oleh Majlis, mesyuarat Majlis tidak dipatuhi dan bercanggah di mana semakan setiap penggal 3 tahun adalah sama tetapi tidak dinyatakan syarat kenaikan minima 10% dalam perjanjian yang sebenar. Syarat perjanjian yang sepatutnya sudah hilang yang 10% semakan minima sudah hilang dalam perjanjian. Ok dan seterusnya. Syarat ini boleh hilang sendiri entah ke mana, macam kena culik. Seterusnya tunggakan sewa tidak dikutip walaupun sudah 5 bulan disewa sehingga 30 November 2008. Menurut rekod sampai 30 November 2008 tunggakan sewa 5 bulan sebanyak RM25,000.00 masih tidak dikutip yang paling memeranjatkan setelah diperhalusi dokumen perjanjian tersebut mendapati pihak MBSA masih mengizinkan, pihak MBSA masih mengizinkan Ahli Majlis yang sudah tamat tempoh perkhidmatan pada 1hb. Jun 2008 seperti yang diarahkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mewakili MBSA untuk menandatangani perjanjian tersebut yang berkuat kuasa pada, perjanjian ini di tandatangan pada 19hb. Ogos. Ahli Majlis tersebut tempoh perkhidmatan dia tamat 1hb. Jun 2008 itu. Tambahan pula pihak MBSA, tidak membenarkan pihak Syarikat, masih membenarkan pihak Syarikat, penyewa iaitu Pandan Prima menuntut kos kerja-kerja penyelenggaraan lif sebanyak RM82,000 lebih kurang, ini belum buat, masih dalam peringkat nak buat. Sedangkan dalam perjanjian dan kelulusan minit mesyuarat majlis sudah dinyatakan dengan jelas segala kos penyelenggaraan mesti ditanggung oleh syarikat penyewa lantaran itu saya meminta satu lawatan tapak yang dianggotai oleh ADUN, Ahli Majlis diadakan bagi menyiasat dan meninjau keadaan sebenar lif tersebut. Kita kena tahu perkara yang sebenar.

Tuan Speaker, sudah tentu YAB. Tan Sri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ingin tahu siapakah sebenar Ahli Majlis yang sudah *expired*, yang sudah *expired* tempoh perkhidmatan dan masih berani mengguna kuasa, menyalah guna kuasa untuk menandatangani kontrak perjanjian bagi pihak MBSA. Beliau yang saya maksudkan adalah Ketua Bahagian MCA Kota Raja, Shah Alam En. Lim Kim Huei, hah! terpapar di sini, Ketua Bahagian MCA Shah Alam, eh Kota Raja, Shah Alam, En. Lim Kim Huei, Ahli Majlis, beliau dulunya Ahli Majlis, hah! ini dia. Persoalannya siapakah harus bertanggungjawab dalam kes ini memandangkan wujud begitu banyak salah guna kuasa dan penyelewengan serta unsur-unsur rasuah dan penipuan dalam MBSA dan juga PBT yang lain kena jaga-jaga. Saya nak bagi tahu, PBT yang lain termasuk di Subang Jaya, Subang Jaya ada. Hah! termasuk di Subang Jaya kena ambil perhatian. Saya tidak dendam dengan Subang Jaya, tidak. Tujuan saya membongkar perkara ini adalah kerana tanggungjawab kita untuk memperkasakan PBT ini. Kalau tidak kita akan dimaki oleh rakyat pada masa akan datang. (Tepuk meja). Ini penting. MBSA saya dengar, saya terima maklumat belum *complete* lagi kalau dah *complete* saya akan keluarkan. Di mana banyak penguatkuasaan, Pengarah Penguatkuasaan bersekongkol dengan Ahli Majlis dan termasuk bersekongkol dengan orang orang pergi buat penyitaan, pergi tutup premis difaksrologi, karaoke, disko dan sebagainya menggunakan berbagai kaedah supaya mereka akur dan bayar wang. Ya! Wang *under table* supaya premis mereka dapat diteruskan. Hah! bawah meja, *under table* (dengan izin). Bawah meja, terima kasihlah kepada Sungai Pelek, dia pun faham, *under table*, dia faham, faham, yang penting dia faham. Faham ya.

Tuan Speaker, oleh yang demikian saya meminta perhatian seriuslah Yang Berhormat, Tan Sri, EXCO, PBT. Hah! EXCO PBT kena jaga ini tugas berat ni, tugas berat dalam konteks MBSA ni tolong semak. Saya minta tolong semak semula kontrak penyewaan kedua-dua tersebut yang tadi saya dedahkan dan segera batalkan kontrak kerana pihak konsesi, pihak syarikat sudah melanggar perjanjian. Berpakat dengan pegawai-pegawai tipu MBSA, ini kes jenayah. Jadi tidak boleh izinkan kontrak ini diteruskan. Saya minta disiasat. Jangan tak siasat. Jangan seperti SPRM. Hah! ini penting.

Tuan Speaker, oleh kerana masa, masa masih ada Tuan Speaker, ini sebab penting, penting ye ini tanggungjawab penting maka saya dedahkan satu lagi salah guna kuasa melibatkan MBSA dan Pejabat. Hah! hari ini MBSA memang toplah, ranking dia. Ya yang melibatkan Perbendaharaan Negeri. Hah! Perbendaharaan Negeri. Di tangan saya, mempunyai 3 surat (bahasa jawa). Sekarang, masa sekarang ini 3 sahaja. 3 surat, 3 surat sebab saya dapat dokumen-dokumen ni terima kasihlah kepada rakyat kita yang cintakan ketelusan yang anti rasuah, yang benci kepada rasuah, penyelewengan dia kirim dokumen ini kepada pejabat saya, dua minggu yang lalu lebih kurang lah. Saya terima nama tak ada, jadi dokumen pun alhamdulillah sebab mereka nak bantu kita nak bersihkan benda-benda yang tak betul. Hah! ini dia. Ini dia, saya nak buktikan di sini. Ini surat-surat, surat-surat yang dikeluarkan oleh pejabat Perbendaharaan Negeri kepada MBSA. Kepada MBSA lagi. Hah! tengok yang mengarahkan pihak MBSA agar melantik syarikat berkenaan secara rundingan terus berikut adalah projek yang diarahkan secara rundingan terus. Satu, surat satu ye, ini surat dia, cadangan kerja-kerja menaikkan aras dinding longkang di Seksyen 11, Shah Alam untuk mengatasi banjir. Menaikkan longkang tu kalau ada, sedia ada dia kena naikkan sedikit, itu aras longkang. Nama Syarikat untuk mengatasi masalah banjir, nama Syarikat AZ Wira Enterprise, anggaran kos RM80,800.00, ini surat yang pertama. Yang kedua, cadangan kerja-kerja membina longkang bukan parit kalau Sekinchan dia banyak parit sini Shah Alam dia bina longkang. Untuk mengatasi masalah banjir di Kampung Air Kuning, Seksyen 17, Shah Alam. Nama Syarikat Pembinaan Duyong Asli. Pembinaan Duyong Asli anggaran kos RM283, 800.00 ini kes yang kedua. Yang ketiganya Tuan Speaker, cadangan kerja-kerja membina pintu kunci air di kolam tadahan Seksyen 5, Shah Alam, nama Syarikat Tetuan Bumi Zain Trading anggaran kos RM109,500.00. Kesemua surat ini, tiga-tiga surat ini mempunyai beberapa persamaan di mana surat-surat ini ditandatangani pada tarikh yang sama dikeluarkan, 15hb. Disember 2008. 3 bulan yang lepas, 15 hari ni baru 11, hah! kurang 4 hari, 3 bulan dan ditandatangani oleh pegawai yang sama. Pegawai yang sama ok. Hah! setelah direnung dan diteliti, ketiga-tiga projek ini rundingan terus tidak diperlukan kerana tidak perlu disegerakan. Tidak perlu. Dia boleh ikut tender terbuka, sebab YAB Tan Sri sudah berkali-kali menegaskan kontrak itu haruslah dibuat secara tender terbuka dan di sini dana nya datang dari mana? Projek ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Maknanya dana daripada Kerajaan Negeri bukan daripada Pusat. Tiga-tiga projek ini rundingan terus. Hah! saya minta perkara ini disiasat. Sebelum saya menggulung perbahasan saya, ingin saya dedahkan sedikit lagi lah, oleh kerana pada petang ni, eh kalau dedah rasuah banyak Barisan Nasional banyak yang balik ya. Mereka tak begitu prihatin dengan masalah membendung rasuah. Ok. Sebelum saya menggulung sedikit lagi lah tentang dengan projek cadangan pembinaan bercampur 67 unit kedai 312 unit pangsapuri dan kuarters MBSA di lot 48, Jalan Rama-rama bukan Lama-lama, Rama-rama, ia 20/2, Seksyen 20 Shah Alam. Projek ini melibatkan seorang individu yang berpangkat Dato', yang memegang jawatan Bendahari UMNO Selangor pada ketika itu. Dan akhirnya projek ini tidak siap terbengkalai di situ sejak beberapa tahun yang lalu. Malangnya, malang tidak berbau tanah yang diserahkan

kepada kontraktor ini sudah digadaikan kepada Bank Islam. Projek tak siap tanah sudah gadai, tolong siasat di Seksyen 20, Pangsapuri dan Kwarters MBSA, Seksyen 20/2, Lot 48, ini dia.

Tuan Speaker,

Jadi sebagai kesimpulan, saya mendesaklah segala kelemahan dan kepincangan, salah guna kuasa dan kes-kes yang saya dedahkan ada yang sebahagian besar berlaku di waktu zaman pemerintahan Yang Berhormat Sungai Panjang dan sebahagian kesinambungannya Kerajaan Pakatan Rakyat kita. Jadi sama-samalah kita ambil iktibar, siasat perkara ini dan heretkan mereka yang saya katakan itu empat *superstar* dan pegawai yang berkenaan semua diberi siasat yang seadil-adilnya sama ada siapa yang melakukan penipuan dan rasuah dalam perkara ini. Kita tidak boleh *compromise* dengan perkara ini. Akhir kata, sekianlah terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Semenyih.

**YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Semenyih ingin turut serta untuk membaharui usul menjunjung kasih, menjunjung titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana mengambil berat dan memandang serius terhadap permasalahan rakyat terutamanya dalam mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kebajikan. Menyarankan Kerajaan Negeri mengambil atau memberi tumpuan lebih bagi memastikan prestasi ekonomi terus stabil. Baginda Sultan telah menasihati PBT terus memberi tumpuan kepada tanggungjawab asas mereka seperti menyediakan kemudahan jalan raya dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih, pengurusan sampah yang bersih dan indah, pengurusan sampah yang cekap, pemotongan rumput secara berjadual serta lampu-lampu yang sentiasa berfungsi. Baginda Sultan juga mahu terus memantau usaha-usaha meningkatkan kualiti pelupusan sisa pepejal. Bulan Jun 2009 nanti tapak pelupusan sampah baru akan dibuka di Tanjung Dua belas Kuala Langat bagi mengurangkan masalah pembuangan sisa pepejal yang meningkat setiap tahun.

Apa yang berlaku baru-baru ini jauh berbeza dengan apa yang dititahkan oleh Tuanku Sultan. Kerajaan Negeri yang bermegah dengan slogan negeri maju dan berkeadilan serta merakyatkan ekonomi negeri baru-baru ini satu kita dapat lihat tadi pagi pun DUN Gombak Setia bagi tahu saya hadir bersama dalam piket yang dilakukan di Semenyih, di kawasan saya iaitu kita semua telah dikejutkan dengan satu isu menggemparkan iaitu isu penamatan kontrak kontraktor di bawah Alam Flora. Di sini ini merupakan satu penganiayaan kepada kontraktor-kontraktor kecil yang terbabit. Ini terjadi kepada kontraktor yang telah lama memberi khidmat dan telah banyak melabur dalam industri ini. Saya ingin memperjelaskan kepada DUN Gombak Setia di waktu saya menjadi Ahli Majlis Perbandaran tempoh hari, Syarikat Alam Flora telah diarahkan mengambil sisa pepejal dan semua kontraktor diarahkan mengikut di bawah payung Alam Flora. Saya ada lagi salinan iaitu arahan daripada Alam Flora. Ini saya ingin fokuskan tentang iaitu penganiayaan kontraktor. Surat bertarikh 10 Mei tahun 2002. *Reengineering Contractor* kenyataan polisi daripada Alam Flora. Ini yang saya maksudkan penganiayaan. Tadi pagi DUN Gombak Setia menyatakan sebahagian kontrak yang bernilai RM200,000.00, kami memang lihat sendiri dan kontrak ini dulu ditenderkan dan tidak ada jumlah RM200,000.00. Sebenarnya dalam pengezonan *reengineering contractor* dan kenyataan polisi Alam Flora yang mengarahkan kontraktor-kontraktor supaya bersatu dan menggabungkan syarikat mereka kerana kajian yang mereka lakukan bahawa tanpa



gabungan ini mereka tidak boleh menaik taraf sistem pengangkutan, mengangkut sampah ini menggunakan lori yang besar seperti *compactor* dan jika jumlah kontrak itu RM20,000.00 memang kontraktor tidak mampu membeli sebuah *compactor*.

Penganiayaan yang saya maksudkan setelah polisi dan bimbingan yang dilakukan oleh Alam Flora pada kontraktor-kontraktor kecil ini dan rata-ratanya semua rakyat Negeri Selangor, pada 18 Februari 2009 muncul surat Alam Flora. Dengan izin kalau saya boleh baca, Pengezonan Semula Kawasan Operasi Kutipan Dan Pembersihan Di bawah Majlis Perbandaran Kajang. Dengan segala hormatnya kami adalah merujuk kepada surat yang, arahan Yang Berhormat Dato' Dr. Hasan bin Mohd. Ali, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur Kemudahan Awam. Selaras dengan arahan tersebut pihak Alam Flora bersama dengan Majlis Perbandaran Kajang akan membuat pengezonan semula kawasan. Apa yang kita dapati sebahagian kawasan PBT yang telah menerima surat yang seperti ini, saya juga dihantar oleh setelah keluar TV tempoh hari, kontraktor di Petaling Jaya menghantar ke pejabat saya maklumat dan saya yakin dan percaya maklumat ini adalah benar berlaku ketidakadilan dan tidak ketelusan dalam menamatkan kontrak ini dan menggantikan kontrak baru. Kita Negeri Selangor, negeri maju saya pasti dengan pelantikan kontraktor baru ini mereka tidak mempunyai *equipment* yang cukup. Contoh arahan ini yang kontrak telah ditamatkan di kawasan PBT Petaling Jaya. Senarai kontraktornya pun ada di sini seramai 70 orang. Arahan ini telah disampaikan oleh Pegawai Khas kepada EXCO yang berkenaan kepada Alam Flora. Sebahagian daripada kontraktor ini tidak mempunyai pejabat dan ada kosong nombor telefon pun tak ada. Jadi bagaimanakah saranan Baginda Sultan tadi untuk memastikan kebersihan di Negeri Selangor ini dapat kita terapkan.

Apa yang saya ingin bangkitkan tentang penganiayaan ini, mereka ini telah dibimbing oleh Alam Flora daripada mula Alam Flora memasuki PBT-PBT di seluruh Selangor ini. Kita dapat lihat arahan demi arahan secara bersurat dan mereka ini mengambil *loan* bank dan kalau DUN Gombak Setia dapat melihat bukan kontraktor ini satu bangsa, semua bangsa ada. Bangsa Cina ada, bangsa India ada. *Statement* dalam TV3 pun tempoh hari mereka bagi *statement*. Mereka sanggup membunuh diri kerana tak mampu untuk membayar nanti bank-bank *loan* ini dan akan menamatkan kontrak-kontrak, pekerja-pekerja kontrak mereka. Apa yang ingin saya sarankan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kajilah semula, fikirilah semula dan betul kalau dahulunya pemberian kontrak ini secara terbuka, secara tender. Dulu kita, kontraktor yang hadir ini memasuki tender secara terbuka tetapi kali ini arahan yang jelas menggantikan kontraktor ini tanpa satu garis panduan yang mempunyai peralatan atau tidak, mempunyai kecekapan atau tidak, mempunyai lori atau tidak kita pun tak pasti. Jadi saya mengharapkan penganiayaan ini kerana apa yang dikatakan untuk merakyatkan ekonomi ini dan satu jawatankuasa juga dibentuk untuk memastikan supaya pekerja-pekerja tidak dibuang di Negeri Selangor ini. Inikah yang dikatakan negeri berkebakjikan kerana untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kira-kira seramai enam ribu ke sepuluh ribu anggaran pekerja akan tamat jika kontrak ini ditamatkan seluruh Selangor. Jadi penganiayaan ini, kezaliman ini haruslah dikaji semula untuk dipertimbangkan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**YB TUAN SPEAKER:** Ia, Kampung Tunku ada soalan. Boleh?

**YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Silakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ia, ia, terima kasih ya. Tuan Speaker saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Semenyih tahu tak di kawasan Daerah Hulu Langat, di kawasan Majlis Perbandaran Kajang tahun lalu sebanyak 665 saman NTC, *notice to correct* dikeluarkan oleh Alam Flora sendiri kepada kontraktor-kontraktor yang sedia ada dan ada di kalangan 7 kontrak ini menerima lebih daripada 20 saman *notice to correct* dan oleh kerana setiap saman ini hanya nak bayar hukumannya hanya RM100.00 tak ada orang yang bayar. 665, adakah Yang Berhormat faham tentang ini?

**Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Saya faham waktu saya juga Ahli Majlis dan keluhan kontraktor yang sering datang kepada kami selaku Ahli Majlis pada waktu itu. Cubalah Yang Berhormat bayangkan juga kalau saya rasa kalau Yang Berhormat mendapat gaji selaku Yang Berhormat pada hari ini tidak dibayar gaji selama 8 bulan dan ada setengah-setengah PBT tidak membayar selama setahun pun ada. Kaji setiap PBT di Negeri Selangor. Jadi kita mahukan *performance* yang bagus, satu negeri yang cukup canggih, negeri yang termaju dalam Malaysia. Pembayaran gaji yang tidak sempurna, kita tidak boleh menyalahkan kontraktor ini sepenuhnya. Apa yang ingin saya tegaskan tadi saya yakin dan percaya jika sistem penamatan kontrak ini dan jika sistem pemberian kontraktor baru ini dilakukan secara begini, bertambah buruklah lagi secara pembersihan sisa pepejal di Negeri Selangor ini.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, minta izin.

**YB TUAN SPEAKER:** Ia Semenyih, Bangi minta laluan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Bangi ingin bertanya apakah ADUN Semenyih berkepentingan dari segi kontrak mengangkat sampah di Hulu Langat ini? Kalau ia, berapa lama beliau telah menjadi kontraktor yang berkepentingan dari segi mengangkat sampah di Hulu Langat ini?

**YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Saya di sini menyuarakan hasrat kontraktor di Hulu Langat, selaku juga Ahli Majlis di waktu itu yang faham apa polisi yang kita buat berselari dengan Kerajaan Pusat. Dan jika Bangi ingin tahu jika saya ada berkepentingan atau tidak saya adalah kontraktor elektrik bukannya kontraktor sampah. Dan mungkin rakan-rakan, teman ramai yang duduk di Hulu Langat ini mengadu nasib. Jadi saya bersama untuk membela nasib rakyat di Semenyih kerana saya dipilih rakyat di Semenyih. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Pihak Kerajaan Negeri telah menjadi Kerajaan selama satu tahun. Ada banyak dasar-dasar yang baru dan juga ada banyak yang kelemahan-kelemahan yang ada. Ini kita mengakui. Sejak kita berusaha untuk menghapuskan korupsi serta mempertingkatkan ketelusan dan kecekapan pentadbiran, kita amat sedih baru-baru tadi Yang Berhormat Sekinchan membongkar isu-isu korupsi atau salah guna kuasa yang berlaku di MBSA. Saya ingin mengesyorkan Kerajaan mengambil tindakan yang dengan serta merta untuk membaiki isu-isu yang dibentangkan tadi. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa kelajuan dasar-dasar berkenaan perlu

dipertingkatkan dalam satu tahun ini. Saya nampak dalam beberapa tempat contohnya PBT atau Pejabat Tanah selalu membahagikan alasan-alasan supaya mereka tidak perlu bekerja. Contohnya, slogan-slogan saya selalu dengar ialah, dia ada bajet tak perlu buat tak perlu kerja. Kalau pergi Pejabat Tanah, tiada tanah. Apa-apa pun tak perlu berlaku. Saya seorang yang belajar ekonomi bila saya belajar di universiti. Saya faham sumber ekonomi mesti tidak cukup. Itulah kita hendaklah campur tangan Kerajaan supaya memastikan semua sumber-sumber dibahagikan secara adil dan saksama. Apabila saya meminta tapak tanah untuk menjadikan pasar komuniti tertentu di kawasan DUN Teratai, jawapan pihak Kerajaan ada, jawapan yang didapati adalah tiada tanah. Langsung tidak ada penerangan selanjutnya. Sepatutnya saya sedang menunggu jawapan seumpamanya, kita akan cari tanah dan jawapan akan disampaikan kepada saya dalam dua minggu. Saya rasa ini semua bukan, hendaklah dibaiki dengan serta merta.

Tuan Speaker,

Kerajaan Pakatan Rakyat telah pun wujud satu tahun pada bulan ini. Walau bagaimanapun saya rasa amat kesal bahawa sistem penyampaian di Kerajaan Tempatan dan Pejabat Tanah dan Galian masih jauh daripada memuaskan. Tetapi sebaliknya dalam sesetengah kes sistem penyampaian di bawah Kerajaan kita malah lebih teruk berbanding dengan Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Ini saya amat mengakui. Mengenai hal ini saya ingin tanya telah pun diambil berat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau EXCO-EXCO kita. Adakah ketidakberkesanan sistem penyampaian ini sengaja dilakukan oleh sesetengah pegawai kita di Kerajaan Tempatan dan di Pejabat Tanah dan Galian?

Tuan Speaker,

Saya berjumpa dengan beberapa pemaju dan profesional baru-baru ini. Mereka mempunyai banyak rungutan terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat. Rungutan mereka adalah:

i) Pihak Kerajaan enggan melonggarkan kuota Bumiputera di projek perumahan dan komersial dan mengekalkan pada 30% sahaja seperti apa yang dilaksanakan di negeri-negeri lain. Tetapi sebaliknya Kerajaan Selangor telah pun menetapkan kuota Bumiputera yang terlalu tinggi di sesetengah tempat. Misalnya Shah Alam, kuota Bumiputera misalnya Shah Alam kuota bumiputera ditetapkan pada 70% kuota ini amatlah susah pada sesetengah pemaju supaya menjualkan harta mereka apa yang pihak pemaju amat tidak setuju ialah apabila mereka membuat rayuan untuk mengurangkan kuota bumiputera permohonan mereka sentiasa diendahkan oleh pihak PTG dan dasar ini menyebabkan mereka selalu menghadapi masalah kekurangan wang tunai di syarikat mereka. Khususnya bagi syarikat pembinaan atau pemaju yang kecil. Saya difahamkan bahawa pihak rela Selangor telah berkali-kali membentangkan rayuan mereka kepada pihak kerajaan dan saya berharap YAB Menteri Besar dan EXCO-EXCO boleh mempertimbangkan rayuan mereka dan menyelaraskan kuota bumiputera di projek perumahan ini pada 30% sebagaimana apa yang dilaksanakan di negeri-negeri lain, khususnya dalam tempoh kegawatan ekonomi ini. Tuan Speaker, maklum balas yang saya terima daripada para pemaju kita ialah sistem penyampaian di PTG kita semakin tidak berkesan. Banyak permohonan dan rayuan mereka di PTG sama ada diketepikan atau ditangguhkan berbulan-bulan. Kelewatan PTG ini telah pun menjejaskan imej Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya berharap kerajaan Selangor boleh

memandang berat terhadap rungutan orang ramai dan pemaju ini untuk membetulkan keadaan ini. Tuan Speaker, saya juga difahamkan bahawa kerajaan pernah menubuhkan *Task Force* Tanah untuk mengkaji masalah yang berlaku di Pejabat Tanah dan Galian di Pejabat Daerah kita. Bilakah kerajaan akan melaksanakan cadangan – cadangan mereka khususnya pembahagian tugas Pegawai Daerah dan Pegawai Pejabat Tanah di peringkat daerah. Pembentangan rungutan pihak pemaju dan orang ramai terhadap kelewatan yang berlaku di Pejabat Tanah kita telah semakin banyak. Saya menyeru kerajaan Selangor boleh mempercepatkan pembahagian kuasa di Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah seperti apa yang dicadangkan oleh *Task Force* baru-baru ini. *Task Force* Tanah telah menggunakan hampir setahun untuk menjalankan tugas mereka dan mengemukakan satu laporan yang terperinci mengenai cara mempercepatkan sistem penyampaian di Pejabat Tanah. Saya berharap pihak Kerajaan Selangor akan memandang berat dan melaksanakan cadangan-cadangan mereka. Selain daripada institusi yang hendak kita bacakan saya juga ingin membentangkan isu pemantauan Ahli Majlis. Saya mencadangkan sistem pemantauan bukan sahaja terhadap kakitangan kerajaan tetapi juga Ahli Majlis kerana Ahli-ahli Majlis adalah dilantik dan bukanlah dipilih oleh rakyat pada setakat ini. Kita perlu mengakui bahawa kali ini adalah kali pertama Pakatan Rakyat menjadi kerajaan negeri. Dan kemungkinan prestasi sebilangan kecil ahli yang dilantik tidak begitu memuaskan. Saya berharap pada tahun yang akan datang Ahli-ahli Majlis yang tidak ikhlas tidak bekerja atau hanya berminat tunggu projek lobi di Majlis sahaja perlulah ditukar tanpa mengira sama ada mereka memegang apa-apa posisi di parti politik atau pun dilantik oleh sesiapa yang penting. Sebab prestasi mereka mencerminkan prestasi Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya juga difahamkan bahawa ada sesetengah ahli majlis memperuntukkan 2500 untuk setiap Ahli Majlis di mana 1000 untuk menyewa pejabat dan 1500 sebagai elaun penolong. Peruntukan 2500 itu di kredit terus ke akaun peribadi Ahli Majlis walaupun mereka tidak mengupah sesiapa. Cara sebegini telah bertentangan dengan prinsip ketelusan kerajaan negeri. Saya nampak ada sebahagian Ahli Majlis sampai sekarang pun belum lagi ada sesiapa menolong ataupun pejabat pun belum disediakan. Saya diberitahu bahawa jika Ahli Majlis tidak menggunakan peruntukkan untuk tujuan yang ditetapkan kerajaan berhak untuk menuntut balik wang yang berkenaan. Mengikut cara pengendalian sekarang kalau wang telah dimasukkan ke akaun peribadi macam mana kita boleh minta balik. Saya berharap kita tidak perlu tunggu *Malaysian Agency for Curse and Counselor* dengan izin untuk memantau isu ini. Saya mengesyorkan supaya peruntukan tersebut disimpan di Majlis dan ahli Majlis perlu mengemukakan bukti-bukti yang sah dan sahih untuk menuntut wang tersebut daripada Majlis sebagai elaun pembantu dan pejabat mereka. Tuan Speaker, selain daripada pemantauan ahli Majlis saya juga ingin menyentuh isu pelantikan Ketua Kampung. Saya didapati pelantikan Ketua Kampung di Kampung Baharu Ampang amat mengecewakan penduduk-penduduk di seluruh Ampang. Terdapat beberapa kesalahan yang bertentangan dengan protokol-protokol yang sedia ada. Pertama, surat pelantikan Ketua Kampung diserahkan oleh seorang ahli Parlimen dan bukan Dato' Menteri Besar. Kita perlu mengasingkan peranan Ahli Parlimen dan ADUN. Ahli Parlimen bukan komponen kerajaan. Dan juga bukan pembangkang negeri. Fokus Ahli Parlimen ialah isu-isu nasional yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan bukan isu Ahli Majlis dan Pelantikan Ketua Kampung. Mengikut sistem yang sedia ada semua pelantikan Ahli Majlis, pengurusan Majlis dan kampung-kampung adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri iaitu yang ditubuhkan oleh Adun-adun kita. Kita terima dengan tangan yang terbuka mengenai cadangan dan pandangan Ahli Parlimen yang mereka berikan melalui Adun-adun, namun protokol-protokol hendaklah dihormati. Kedua, Ketua Kampung yang dilantik tidak fasih bercakap dan tidak memahami Bahasa Malaysia. Sampai

beliau melantik Ahli Majlis menjadi penolong kanan beliau. Bukankah salah satu kriteria untuk menjadikan calon Ketua Kampung ialah untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Malaysia. Adakah Ahli Majlis terlalu senang sampai dia boleh cari pendapatan sampingan menjadi Penolong Kanan Ketua Kampung. Ini telah memalukan, ini isu sudah disiarkan di keluarkan di Surat Khabar Mandarin dan sudah memalukan Kerajaan Pakatan Rakyat. Ketiga, Ketua Kampung disebutkan tadi merupakan bekas ahli MCA dan Gerakan. Kalau beliau memang-memang berkecualan menjadi Ketua Kampung mengapa kerajaan dulu tidak melantik beliau. Jadi amat jelas antara mereka hanya mencari kesempatan di Kerajaan Pakatan Rakyat.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Teratai, banyak sungutan yang Teratai buat mengenai PBT dan juga Pejabat Tanah atau Pejabat Daerah khususnya pemilihan Ahli Majlis Daerah ataupun Ketua Kampung JKKK. Jadi kalau anak buahnya silap patut tak atau setuju tak YB bos dia atau bapa dia ialah EXCO yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah pemantauan supaya perkara ini dapat diselesaikan atau dielakkan pada masa yang akan datang. Jadi perlu tak setuju tak Teratai bahawa bapak tu anak buah salah bapak tu kena bertanggungjawab ke tidak. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih YB Sg. Pelek. Saya bersetuju kita mengadakan sistem pemantauan yang sempurna tetapi hubungan kita bukan bapak dengan anak kita semua wakil rakyat di sini supaya kita boleh memantau isu ini bersama-sama. Jadi saya nak teruskan dengan kemelut negeri Perak telah pun mengingatkan kita semua sabotaj-sabotaj yang kemungkinan dilakukan di negeri Selangor. Jadi saya rasa sistem Pemantauan yang sempurna hendaklah dilaksanakan dengan secepat mungkin. Tuan Speaker, walaupun mutu setiap Ahli Majlis dan Ketua Kampung berbeza kita bersyukur kerana Selangor mempunyai ramai Ahli Majlis yang rajin, jujur dan berpengetahuan. Ramai ahli-ahli Majlis yang serius dan aktif dalam mengambil bahagian dalam perbahasan usul-usul Majlis. Namun, apabila mereka meluluskan atau menolak satu usul atau permohonan dengan sebulat suara maka ada pihak tertentu bercampur tangan untuk menidakkan keputusan yang telah dibuat tanpa melalui proses perundingan bersama dengan ADUN dan Ahli Majlis. Akhirnya ada ahli-ahli Majlis yang memberitahu saya mereka merasa amat kecewa dan hendaklah meletakkan jawatan sebab pandangan mereka dan usaha gigih mereka tidak dihormati. Saya ingin mengesyorkan bahawa EXCO-EXCO perlulah mengamalkan sikap rundingan bersama Adun di kawasan tersebut jika terdapat kes pengaduan ini adalah kerana Adun-adun di kawasan tersebut lebih memahami kes-kes dan isu-isu yang berlaku di kawasan mereka. Sama juga dengan Ahli Parlimen, kalau ada apa-apa isu minta rundingan bersama-sama Ahli-ahli Majlis dan Adun untuk mengelakkan segala konflik dan salah faham. Tuan Speaker, di sini saya juga ingin mencadangkan penggunaan *Key Performance Index* atau KPI dengan izin supaya kayu pengukur prestasi di semua agensi-agensi Kerajaan di mana kakitangan Kerajaan yang tidak berkeupayaan mencapai tahap prestasi yang ditetapkan perlulah ditukar. Kakitangan Kerajaan selalu dianggap sebagai mangkuk keluli tahan karat. Di antara mereka juga selalu mempraktikkan amal supaya jangan jaga tepi kain orang lain. Situasi sekarang ialah mereka tidak mencapai tahap prestasi, tidak dapat amaran ataupun ditukar. Lama-kelamaan kakitangan yang amat bersemangat menjalankan tugas mereka jadi tidak bersemangat lagi. Justeru itu Kerajaan Negeri Selangor perlu mewujudkan satu sistem pemantauan untuk membersihkan kakitangan yang makan gaji buta demi menaikkan imej dan prestasi Kerajaan Negeri Selangor. Di samping itu saya juga ingin mencadangkan supaya semua aduan-aduan dan surat-surat daripada ADUN hendaklah diteliti dan dijawab dalam masa dua minggu, dan juga berharap segala pekeliing daripada EXCO juga

disampaikan kepada Adun-adun supaya kita boleh memaklumkan dasar-dasar baru kepada penduduk-penduduk kawasan kita. Tuan Speaker, pada sesi Dewan yang lepas saya difahamkan kerajaan berjanji menubuhkan satu jawatankuasa untuk meninjau isu-isu pemulihan pilihan raya kerajaan tempatan. Di sini saya ingin tahu siapakah ahli-ahli yang berada di dalam jawatankuasa tersebut dan apakah statusnya. Untuk membantu kerajaan meninjau isu ini beberapa perbadanan bukan kerajaan atau NGO telah er..... untuk menghancurkan seminar-seminar dan mencatat risalah buku untuk disebar kepada penduduk. Surat-surat kertas telah dihantar ke pejabat EXCO tertentu, cop sains pun sudah ada dengan izin, sudah 3 bulan namun tidak dapat apa-apa jawapan dari pihak terbabit. Lulus atau tidak lulus tidak dimaklumkan. Tuan Speaker, isu tanah runtuh di Tun Antarabangsa telah menarik perhatian di seluruh Negara. Pada masa kejadian tanah runtuh berlaku kerajaan telah mengenal pasti beberapa kawasan sebagai tempat berisiko tinggi. Salah satu tempat ialah Bukit Permai iaitu Teratai. Saya sebagai wakil rakyat Teratai, telah pun banyak kali memohon dan menyeru supaya kerajaan memperuntukkan 5 million untuk membaiki pulih cerun-cerun bukit dalam kawasan yang berisiko tinggi ini, saya pun telah difahamkan bahawa pejabat kewangan pernah meluluskan permohonan tersebut tetapi ditolak kemudiannya. Saya ingin menegaskan bahawa keadaan di Bukit Permai adalah teramat kritikal disebabkan kerana gerakan tanah aktif dan batu runtuh kian berlaku. Apabila hujan air hujan tidak mengalir di sistem saluran yang sepatutnya tetapi tebing-tebing yang berbatu. Inilah satu tanda yang amat jelas sesuatu buruk yang kemungkinan berlaku, jadi kerja-kerja membaiki cerun tidak boleh dilengah-lengahkan lagi kerana beribu-ribu nyawa di dalam genggaman tangan kita. Tuan Speaker, air merupakan hadiah dari Tuhan. Setiap rakyat berhak menikmati air dengan harga yang berpatutan. Namun sekarang ia telah diperalatkan oleh segolongan kecil untuk mengaut keuntungan yang dijamin lumayannya. Sudah 15 tahun pengurusan air diswastakan atau apa nama *dicorporatisekan*. Takrif air sekarang sudah mencapai satu tahap di mana keluarga miskin susah menanggung kosnya. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor sekarang setelah menjadi kerajaan telah memberikan 20m padu air kepada penduduk-penduduk sedangkan kita berusaha gigih untuk mengambil alih syarikat-syarikat pengurusan air untuk membekalkan air dengan harga yang rendah kepada rakyat.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, panjang lagi.

**YB PUAN LEE YING HA:** Dua muka surat, agak-agaknya.

**TUAN SPEAKER:** Dua muka surat ya, lima minit lagi

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, jam telah menunjukkan 6 petang dan saya mempersilakan ahli kerajaan untuk mencadangkan usul menangguhkan Dewan

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, saya membawa usul iaitu Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Dewan di depan saya terdapat permohonan untuk membuat ucapan penangguhan daripada Y.B. Adun Bangi. Oleh itu saya mempersilakan Y.B. Bangi untuk membuat ucapan Penangguhannya.

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Terima Kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah banyak membincangkan tentang kekayaan dan kemakmuran negeri Selangor tetapi kurang membincangkan dari segi identiti, nilai dan budaya negeri Selangor yang merupakan aspek yang tidak kurang pentingnya kerana ia merupakan aspek pengenalan rupa dan jiwa negeri Selangor . Tuan Speaker dan Adun-adun sekalian menyebut tembok besar negeri Cina semua kita tahu ia adalah warisan kemegahan negeri Cina dan daya tarikan pelancongan utama negeri itu. Sebut pula Bali ia adalah permata berharga yang menarik pelancong ke Indonesia. Sebut negeri Selangor apa tanggapan rakyat dan pelancong ke negeri Selangor, tak jelas. Ini bukan bererti negeri Selangor tidak ada artifak , nilai budaya , adat warisan tetapi kewujudannya bertabur dan tidak terurus secara profesional. Selangor sebenarnya kaya dengan elemen dan budaya ciri masyarakat berbagai kaum dan sebagainya tetapi keadaan ini juga tidak terurus, tidak tersusun dan tidak dibina serta tidak di rekonstruksi untuk menjadikan dia sebagai identiti negeri Selangor. Negeri Selangor sebenarnya adalah merupakan sebuah negeri tertua , terawal dimaklumi umpamanya.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang terhormat ini sudah lain daripada teks yang telah Yang Berhormat kemukakan pada saya betul?

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Ini ulasan

**TUAN SPEAKER:** Ini bukan ulasan

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Kalau itu bukan yang diberitahu pada saya maka saya tidak benarkan kerana itu adalah peraturan teks dikehendaki hantar pada Speaker dan Speaker berkuasa untuk mengeditnya dan sebenarnya teks Yang Berhormat saya tidak edit tapi Yang Berhormat cakap yang lain

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Tiga unsur saja Dato' dia punya rumusan jadi Selangor mesti tegak di atas 3 identiti yang saya sebutkan....satu....ialah

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang terhormat masalahnya ialah Yang Berhormat tidak membacakan teks yang telah pun diluluskan oleh saya Yang Berhormat baca subjek yang berlainan jadi tidak adil lah untuk pihak kerajaan menjawab

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Saya telah berbincang dengan Setiausaha Dewan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan saya Setiausaha Dewan tu lain Speaker tu lain..

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Dia kata Speaker kata terlampau pendek jadi ini saya tambah sikit tapi ciri nya tiga saya boleh rumuskan tiga. Satu *multi ratial*. dua.....

**TUAN SPEAKER :** Tak...kita kena berbalik...Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu sebentar tak apa...kita selesaikan ini ya...masalah saya ini mungkin satu peluang kita memahami peraturan tetap. Peraturan Tetap menyatakan kalau mana-mana ahli yang hendak membawa ucapan penangguhan maka dikehendaki memberi notis sebanyak 7 hari dengan teks nya tidak melebihi 400 perkataan kepada Speaker dan Speaker berkuasa untuk edit dan untuk teks Yang Berhormat saya tak edit dan saya mengharapkan Yang Berhormat bacakan teks yang telah pun saya luluskan dan kalau Yang Berhormat tidak dapat berbuat demikian maka saya terpaksa memberhentikan Yang Berhormat

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Untuk merumuskan 3 perkara saja identiti negeri Selangor daripada teks asal

**TUAN SPEAKER:** Tidak saya tidak benarkan sebab saya kena ikut peraturan.

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Atau tangguhkan untuk esok?

**TUAN SPEAKER:** Tidak sebab itu tidak mengikut peraturan.

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Tapi saya dapat rumuskan tiga dalam 2 minit.

**TUAN SPEAKER:** Tidak saya tidak benarkan kerana saya nak semua ahli memahami peraturan dan mengakui peraturan

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Tapi ini tidak boleh ditangguhkan lagi

**TUAN SPEAKER:** Tidak boleh ditangguhkan lagi. Kena bagi bukti lagi.

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Saya berharap dapat 3 dalam seminit

**TUAN SPEAKER:** Tidak seminit sesaat pun saya tak beri kalau itu tidak mengikut peraturan.

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** Saya ingin memperkenalkan identiti negeri Selangor

**TUAN SPEAKER:** Saya kata kena beri notis tidak adil untuk kerajaan kerana kerajaan kena jawab itulah sebenarnya kita ada peraturan.

**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** So saya minta izin besok saya akan rumuskan di dalam perbahasan terhadap adat Melayu dan juga Warisan Negeri Selangor

**TUAN SPEAKER:** Itu hak Yang Berhormat kalau nak bawa dalam perbahasan terhadap usul menjunjung kasih.



**YB TUAN DR. SHAFIEI BIN ABU BAKAR:** So terima kasih saya ingat saya boleh sampaikan mesej ini besok.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat sekalian dengan itu saya menangguhkan Dewan ini sehingga 10 pagi besok 12 Mac 2009. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 6.10 petang.**